BAHAGIAN A / SECTION A

Jawab **semua** soalan / *Answer* ***all*** *questions*

[64 markah/ *marks*]

Ruangan Pemeriksa

1. a) Rajah 1 menunjukkan graf $f(x)$ berbentuk parabola bersilang dengan graf $g(x)$ pada titik A.

Diagram 1 *shows a parabolic graph of* $f(x)$ intersecting *with a graph of* $g(x)$ *at point* A.



Rajah 1 / *Diagram* 1

Tentusahkan sama ada $f(x)$ dan $g(x)$ ialah fungsi dan berikan justifikasi anda.
Verify whether $f(x)$ *and* $g(x)$ *are functions and give your justification.*

b) Diberi $g(x) = 3x + 3$. Cari nilai m jika $ff^{-1}(3m^2 + 2) = g\left[(m+3)^2\right]$.

Given $g(x) = 3x + 3$. *Find the value of* m *if* $ff^{-1}(3m^2 + 2) = g\left[(m+3)^2\right]$.

[4 markah/*marks*]

Jawapan / *Answer*:

CamScanner

CamScanner

Ruangan Pemeriksa

2. Diberi $p(x) = 2(x-4)(x+1) = 2(x-m)^2 + n$. Nyatakan nilai bagi m dan n. Seterusnya lakarkan graf $p(x)$.

Given $p(x) = 2(x-4)(x+1) = 2(x-m)^2 + n$. *State the value of* m *and of* n. *Hence, sketch the graph of* $p(x)$.

[4 markah/*marks*]

CamScanner

CamScanner

Ruangan Pemeriksa

3. Selesaikan persamaan serentak $\frac{x}{2}+\frac{y}{3}=1$ dan $x^2-y+y^2=12$. Beri jawapan anda betul kepada tiga angka bererti.

Solve the simultaneous equations $\frac{x}{2}+\frac{y}{3}=1$ *and* $x^2-y+y^2=12$. *Give your answer correct to three significant figures.*

[5 markah / *marks*]

Jawapan / *Answer*:

CamScanner

CamScanner

Ruangan Pemeriksa

4. a) Permudahkan / *Simplify*:

$$3^{-n}\left(15^{n}-27^{n}\right)$$

b) Ungkapkan h dalam sebutan a dan b jika penyelesaian bagi persamaan $\sqrt{4x}-\sqrt{x}=\dfrac{3}{\sqrt{a}-\sqrt{b}}$, dengan keadaan a dan b merupakan pemalar ialah $x=h\left(\sqrt{a}+\sqrt{b}\right)^{2}$.

Express h in terms of a and b if the solution to an equation $\sqrt{4x}-\sqrt{x}=\dfrac{3}{\sqrt{a}-\sqrt{b}}$, *such that a and b are constants is* $x=h\left(\sqrt{a}+\sqrt{b}\right)^{2}$.

c) Diberi bahawa $n=\ln m+1$ dengan keadaan m suatu nombor nisbah dan merupakan penyelesaian bagi persamaan $5e^{n-3}=e^{-2}$, cari nilai m.

Given that $n=\ln m+1$, *such that m is a rational number and is the solution to an equation* $5e^{n-3}=e^{-2}$, *find the value of m.*

[7 markah/*marks*]

Jawapan / *Answer*:

CamScanner

CamScanner

Ruangan Pemeriksa

5. a) Rajah 5a menunjukkan Pak Abu dan Pak Kasim di restoran Roti Canai masing-masing.
Diagram 5a shows Pak Abu and Pak Kasim at their respective Roti Canai restaurants.

Pak Abu memulakan perniagaan Roti Canai dengan menjual sebanyak 100 keping sehari
Pak Abu started the Roti Canai business by selling 100 *pieces a day*

Pak Kasim memulakan perniagaan Roti Canai dengan menjual sebanyak 400 keping sehari
Pak Kasim started the Roti Canai business by selling 400 *pieces a day*

Rajah 5a / *Diagram* 5a

Setiap hari jualan restoran Pak Abu meningkat sebanyak 4 keping manakala jualan restoran Pak Kasim meningkat 2 keping. Pada hari ke-*n* perniagaan, bilangan roti canai yang dijual di restoran Pak Abu kali pertama melebihi jualan roti canai di restoran Pak Kasim. Cari nilai *n*.
Every day, Pak Abu's restaurant sales increased by 4 pieces while Pak Kasim's restaurant sales increased by 2 pieces. On the n^{th} *day of business, the number of roti canai sold at Pak Abu's restaurant for the first time exceeded the sales of roti canai at Pak Kasim's restaurant. Find the value of n.*

b) Rajah 5b menunjukkan Alia Qistina bermain buaian yang dilepaskan dari suatu kedudukan tertentu.
Diagram 5b shows Alia Qistina plays a swing released from a specific position.

Rajah 5b / *Diagram* 5b

Jarak ayunan lengkap pertama ialah 400cm dan jarak ayunan lengkap yang berikutnya ialah 15% kurang dari jarak sebelumnya. Cari bilangan ayunan lengkap jika hasil tambah jarak ayunan lengkap kurang daripada 2434 cm. Seterusnya, tentukan ayunan lengkap ke berapakah menghasilkan jarak ayunan lengkapnya kali pertama kurang daripada 40 cm.
The distance of the first complete oscillation is 400 cm *and the distance of the next complete oscillation is* 15% *less than the previous distance. Find the number of complete oscillations if the sum of the complete oscillation distances is less than* 2434 cm. *Hence, determine the complete oscillation to what extent produces its complete oscillation distance the first time less than* 40 cm.

[6 markah / *marks*]

CamScanner

CamScanner

Ruangan Pemeriksa

6. Rajah 6(a) dan Rajah 6(b) menunjukkan graf garis lurus yang diperoleh dari suatu persamaan tak linear $\frac{y}{x} = mx^2 - nx$.

Diagram 6(a) *and* 6(b) *shows a straight line obtained by plotting from non-linear equation* $\frac{y}{x} = mx^2 - nx$



Rajah 6(a)



Rajah 6(b)

Tunjukkan bahawa $n = 6m - 18$.
Show that $n = 6m - 18$.

[4 markah / *marks*]

Jawapan / *Answer*:

CamScanner

CamScanner

7. Penyelesaian secara lukisan berskala **tidak** diterima
Solution by scale drawing will **not** *be accepted*

Rajah 7 menunjukkan garis lurus PQ mempunyai persamaan $\frac{x}{3} - \frac{y}{4} = 2$. PQ menyilang paksi-x di titik P dan menyilang paksi-y di titik Q.

Diagram 7 the straight line PQ has an equation $\frac{x}{3} - \frac{y}{4} = 2$. *PQ intersects the x-axis at point P and intersects the y-axis at point Q.*



Rajah 7 / *Diagram 7*

Titik B terletak pada PQ dengan keadaan $5PB = 2PQ$.
Point B lies on PQ such that $5PB = 2PQ$.

Cari,
Find,

a) koordinat B,
the coordinates of B,

b) nisbah luas segitiga OPB dengan luas segitiga OQB.
the ratio of triangle area OPB with that of tringle area OQB.

[6 markah / *marks*]

Jawapan / *Answer:*

CamScanner

Ruangan Pemeriksa

8. Sebiji bola bergolek dari titik $M(5,12)$ dengan vektor halaju $\underset{\sim}{v} = 4\underset{\sim}{i} - 2\underset{\sim}{j}$ ms^{-1}. Selepas t saat meninggalkan M, bola berada berada di titik N dengan keadaan $\overrightarrow{ON} = \overrightarrow{OM} + t\underset{\sim}{v}$

The ball is rolled from point $M(5,12)$ *with the velocity vector* $\underset{\sim}{v} = 4\underset{\sim}{i} - 2\underset{\sim}{j}$ ms^{-1} *. After t second leaving M, the ball is at point N, where* $\overrightarrow{ON} = \overrightarrow{OM} + t\underset{\sim}{v}$

a) Cari laju dan kedudukan bola itu dari M selepas 4 saat.
Find the speed and the position of the ball from M after 4 seconds.

b) Bilakah bola tersebut akan berada di timur titik asalan.
When will the ball be at the east side of the origin.
[Andaikan utara ditunjukkan oleh paksi-y]
[Assume North pointed by the y-axis]

[6 markah / *marks*]

Jawapan / *Answer*:

CamScanner

Ruangan Pemeriksa

9. Rajah 9 menunjukkan pelan Taman Tema Air. Sebuah syarikat berminat untuk membeli dan membaik pulih semula kawasan taman tema air itu. Syarikat itu berhasrat untuk membina dua buah kolam iaitu kolam untuk orang dewasa dan kolam untuk kanak-kanak.

Diagram 9 shows the Water Theme Park plan. A company is interested in buying and renovating the water theme park area. The company intends to build two pools, a pool for adults and a pool for children.



Rajah 9 / *Diagram 9*

Diberi titik B dan titik H masing-masing ialah titik tengah AC dan BF. ACD ialah sektor bulatan yang berpusat di A, $ABFG$ adalah segiempat tepat dan $AG = AC = 2r$ m.

Given point B and point H are the midpoints of AC and BF respectively. ACD is a sector of a circle centered at A, ABFG is a rectangle and $AG = AC = 2r$ m.

a) Cari sudut $\angle BAH$, dalam sebutan π radian.
Find the angle of $\angle BAH$ *, in terms of radian*

b) Jika luas kolam dewasa hendak dibesarkan supaya luasnya ialah dua kali ganda saiz kolam kanak-kanak tanpa mengubah panjang AC,
cari perimeter kolam dewasa yang baru dalam sebutan r.
If the area of the adult pool is to be increased so that the area is twice the size of the children's pool without changing the length of AC,
find the perimeter of the new adult pool in terms of r.

[6 markah /*marks*]

Jawapan / *Answer*:

CamScanner

CamScanner

Ruangan Pemeriksa

10.

a) Cari $\underset{x\to 3}{\text{had}} \dfrac{x^2-9}{x-3}$

Find $\lim\limits_{x\to 3} \dfrac{x^2-9}{x-3}$

b) Rajah 5 menunjukkan ukuran keluasan tapak kasut yang digunakan oleh Encik Kasim, seorang tukang kasut.
Diagram 5 shows a measurement of the sole area of a shoe used by Mr. Kasim, a shoemaker.



Rajah 10 / *Diagram* 10

Luas tapak kasut, A diberikan oleh $A = \dfrac{4}{9}r^2$ dengan r ialah ukuran panjang kasut tersebut, dalam mm. Seorang pekerja baharu Encik Kasim telah terlebih potong sebanyak p mm daripada ukuran sepatutnya iaitu 225 mm. Ungkapkan peratus perubahan kecil, keluasan tapak kasut dalam sebutan p.

The sole area of the shoe, A is given by $A = \dfrac{4}{9}r^2$ *such that r is a measure of the length of the shoe, in* mm. *A new employee of Mr. Kasim, has over -cut by p* mm *from the supposed measurement of 225* mm.
Express the percentage of small change, the area of the sole of the shoe in terms of p.

[6 markah / *marks*]

Jawapan / *Answer*:

CamScanner

CamScanner

Ruangan Pemeriksa

11. Rajah 11 menunjukkan sebuah menara jam dengan PTQ ialah segi tiga bersudut tegak.

Diagram 11 shows a clock tower with PTQ as a right-angled triangle.



Rajah 11 / *Diagram* 11

Sudut dongak P dari titik Q, R dan S masing-masing ialah $\theta, 2\theta$ dan 3θ. Titik-titik Q, R, S dan T terletak pada satu garis mengufuk. Diberi $QR = 12$ m, $RS = 4$ m, $PT = h$ m dan $ST = \alpha$ m.

The angles of elevation of P from point Q, R and S are $\theta, 2\theta$ and 3θ respectively. The point Q, R, S and T lie on a horizontal line. Given that $QR = 12$ m, $RS = 4$ m, $PT = h$ m and $ST = \alpha$ m.

Ungkapkan ketinggian menara itu, dalam sebutan α.

Express the height of the tower, in terms of α.

[5 markah / *marks*]

Jawapan / *Answer*:

CamScanner

Ruangan Pemeriksa

12. a) Rajah 12(a) menunjukkan tiga keping kad bernombor.
Diagram 12(a) shows *three numbered cards.*



Rajah 12(*a*) / *Diagram* 12(*a*)

Cari bilangan nombor 3 digit menggunakan ketiga-tiga kad jika
Find the number of 3*-digits number using all three cards if*

(ii) tiada sebarang syarat dikenakan,
there is no restriction,

(iii) digit-digit genap tidak boleh bersebelahan.
even digits must not be side by side.

b) Rajah 12(b) menunjukkan rantai kunci yang hendak digantung pada penyangkut untuk dipamerkan kepada pelanggan di sebuah kedai.
Diagram 12(b) *shows key-chains to be hung on a hanger to be displayed to customers in a store.*

Rajah 12(b) / *Diagram* 12(b)

Cari bilangan cara berbeza 5 rantai kunci boleh digantung secara sebaris.
Find the number of different ways 5 *key chains can be hung in a row.*

c) Rajah 12(c) menunjukkan penyangkut untuk menggantung rantai kunci di 12(b). Penyangkut ini mempunyai satu cangkuk di tengah.
Diagram 12 (c) shows the hanger for hanging the key chain in 12 (b). This hanger has a hook in the middle.



Rajah 12(c) / Diagram 12(c)

(i) Cari bilangan cara berbeza 8 rantai kunci boleh digantung kecuali pada cangkuk di tengah.
Find the number of different ways 8 *key chains can be hung except on the hook in the middle*

(ii) Cari bilangan cara berbeza semua rantai kunci digantung pada 9 cangkuk tersebut jika huruf vokal mesti bersama.
Find the number of different ways all the key chains are hung on the 9 *hooks if the vowel letters must be together.*

[7 markah / *marks*]

CamScanner

CamScanner

Ruangan Pemeriksa

BAHAGIAN B / *SECTION B*

Jawab **dua** soalan sahaja / *Answer **two** questions only*
[16 markah / *marks*]

13. Satu ujian mengandungi 40 soalan aneka pilihan. Setiap soalan mengandungi empat pilihan jawapan, di mana hanya satu yang betul. Setiap soalan diberikan markah yang sama.
A test consists of 40 *multiple choice questions. Each question has four choices of answer, where one of these is correct. Each question obtained equal marks.*

a) Azura meneka jawapan untuk semua soalan. Anggarkan bilangan soalan dia meneka dengan salah.
Azura guesses the answer to every question. Azura guesses the answer for all questions. Estimate the number of questions she guessed wrongly.

[2 markah / *marks*]

b) Kebarangkalian seorang pelajar lelaki cemerlang ialah 0.25. 5 orang pelajar lelaki dipilih dari sekumpulan pelajar lelaki yang menduduki ujian tersebut.
Cari kebarangkalian sekurang-kurangnya 2 orang cemerlang.
The probability of an excellent male student is 0.25. 5 *male students were selected from a group of male students who sat for the test.*
Find the probability of at least 2 *excellent students.*

[3 markah/*marks*]

c) Busu menjawab 30 soalan dengan betul dan memilih jawapan secara rawak untuk baki 10 lagi soalan.
Cari kebarangkalian bahawa beliau menjawab sekurang-kurangnya 34 soalan dengan betul.
Busu answers 30 *questions correctly and randomly chooses an answer for each of the remaining* 10 *questions.*
Find the probability that he answers at least 34 *questions correctly.*

[3 markah / *marks*]

Jawapan / *Answer*:

CamScanner

CamScanner

Ruangan Pemeriksa

14.

a) Diberi $y = \dfrac{x}{2x-3}$. Tunjukkan $\dfrac{dy}{dx} = -\dfrac{3}{(2x-3)^2}$.

Seterusnya cari $\int \dfrac{1}{(2x-3)^3}\,dx$.

Given $y = \dfrac{x}{2x-3}$. *Show that* $\dfrac{dy}{dx} = -\dfrac{3}{(2x-3)^2}$.

Hence, find $\int \dfrac{1}{(2x-3)^2}\,dx$.

[2 markah/ *marks*]

b) Rajah 14 menunjukkan sebuah kolam dengan keadaan isipadu air adalah maksimum.
Diagram 14 *shows a pond such that the water volume is maximum.*



Rajah 14 / *Diagram* 14

Diberi fungsi kecerunan pada titik A ialah $2x-4$ dengan keadaan y ialah kedalaman kolam, dalam m, dan x ialah lebar kolam, dalam m, diukur dari tiang.
Given the gradient function at point A is $2x-4$ *where y is the depth of the pool, in* m, *and x is the width of the pond, in* m, *measured from the pole.*

(i) Cari persamaan lengkung bagi dasar kolam.
Find the equation of the curve for the base of the pond.

(ii) Ahmad berenang 3.5 m dari tiang. Cari jarak tegak, dalam m, Ahmad ke dasar kolam ketika itu.
Ahmad swam 3.5 m from the pole. Find the vertical distance, in m, of Ahmad to the bottom of the pool at that time.

[3 markah/ *marks*]

c) Lengkung pada b(i) digerakkan 2m ke kiri, cari persamaan baharu lengkung itu. Seterusnya, cari isipadu janaan dalam sebutan π apabila luas yang dibatasi oleh lengkung itu dan paksi-x dikisarkan 180° pada paksi-y.
The curve on b(i) *is moved* 2m *to the left, find the new equation of the curve. Hence, find the volume generated in terms of* π *when the area bounded by the curve and the x-axis is rotated on the y-axis.*

[3 markah/ *marks*]

CamScanner

CamScanner

Ruangan Pemeriksa

15. Rajah 15a menunjukkan graf halaju seekor burung helang yang berada pada ketinggian k m untuk menangkap ikan di permukaan air.
Diagram 15a shows a graph of the velocity of an eagle at a height of k m to catch a fish on the surface of the water.



Rajah 15a / *Diagram* 15a

a) Diberi fungsi ketinggian burung helang ialah $H(t)=\frac{1}{8}(t-16)^2$.

Given the height function of the eagle is $H(t)=\frac{1}{8}(t-16)^2$.

Cari / *Find*,

(i) nilai k,
value of k,

(ii) masa, dalam saat, burung helang itu untuk menangkap ikan di permukaan air.
time, in seconds, the eagle to catch fish on the surface of the water.

(iii) Ketinggian, dalam m, burung helang itu 5s selepas ia menangkap ikan.
The height, in m, of the eagle 5s *after it catches the fish.*

[5 markah / *marks*]

CamScanner

CamScanner

b) Rajah 15b menunjukkan seekor burung Raja Udang menangkap ikan di dalam air.
Figure 15b *shows a KingFisher bird catching fish in water.*

Ruangan Pemeriksa

Rajah 15b / *Diagram* 15b

Seekor burung Raja Udang menangkap ikan di kawasan yang sama. Fungsi ketinggian burung Raja Udang ialah $H(t)=\frac{1}{10}\left(t^2-12t+27\right)$. Jika burung Raja Udang mempunyai keupayaan untuk menangkap ikan yang berada kurang dari 1 m di bawah air, cari julat masa untuk burung Raja Udang menangkap ikan.
A KingFisher bird catches fish in the same area. The height function of the KingFisher bird is $H(t)=\frac{1}{10}\left(t^2-12t+27\right)$. *If the KingFisher bird has the ability to catch fish less than 1m from the water surface, find the range of time for the KingFisher bird to catch fish.*

[3 markah / *marks*]

Jawapan / *Answer*:

CamScanner

CamScanner

KEDAH K2

Bahagian A

[50 markah]

Jawab **semua** soalan.

1 Rajah 1 menunjukkan dua segiempat tepat *ABCD* dan *PQRS*.
Diagram 1 *shows two rectangles ABCD and PQRS.*



Jadual 1
Table 1

Diberi perimeter segiempat tepat *ABCD* ialah 36 cm dan panjang pepenjuru *AC* ialah $2\sqrt{13}$ cm .
Given the perimeter of rectangle ABCD is 36 cm *and the length of diagonal AC is* $2\sqrt{13}$ cm .
Cari *AD+SR*.
Find AD+SR.

[7 markah / *marks*]

Jawapan/ *Answer* :

CamScanner

CamScanner

2 (*a*) Cari persamaan normal bagi lengkung $y=(2x-3)^4$ pada titik $(1,-3)$.
Find the equation of the normal to the curve $y=(2x-3)^4$ *at the point* $(1,-3)$.

[3 markah / *marks*]

(*b*) Suatu lengkung dengan fungsi kecerunan $3x-\frac{3}{x^2}$ mempunyai titik pusingan di $(m,7)$
A curve with gradient function $3x-\frac{3}{x^2}$ *has a turning point at* $(m,7)$.

(i) Cari nilai m,
Find the value of m,

(ii) Tentukan sama ada titik pusingan ini adalah titik maksimum atau titik minimum.
Determine whether the turning point is a maximum or minimum point.

[4 markah / *marks*]

Jawapan/ *Answer* :

CamScanner

CamScanner

3 Rajah 3 menunjukkan garis lurus AC dan garis lurus CD. Titik B terletak pada garis lurus AC manakala titik C terletak pada persilangan garis lurus AC dan CD. Arah utara adalah selari dengan paksi-y.
Diagram 3 shows the straight line of AC and the straight line of CD. Point B lies on the straight line of AC while point C lies at the intersection of the straight line AC and CD. The north direction is parallel to the y-axis.



Rajah 3
Diagram 3

Jika bearing titik A dari titik B ialah $315°$.
If the bearing of point A from point B is $315°$.
Cari,
Find,

(*a*) persamaan garis lurus AC,
the equation of the straight line AC,

[4 markah / *marks*]

(*b*) persamaan garis lurus CD. Seterusnya, cari titik C.
the equation of the straight line CD. Hence, find point C.

[3 markah / *marks*]

(*c*) Nyatakan persamaan lokus yang jaraknya adalah sentiasa sama dari titik B dan titik D.
State the equation of a locus whose distance is always equal from the point B and point D.

[1 markah / *mark*]

CamScanner

CamScanner

4 Rajah 4 menunjukkan pemetaan bagi dua fungsi.
Diagram 4 shows the mapping for the two functions.



Rajah 4
Diagram 4

Diberi $h^{-1}(x) = x - 3$.
Given $h^{-1}(x) = x - 3$.
Cari,
Find,

(*a*) nilai *p*.
value of p.

[3 markah / *marks*]

(*b*) (i) $k^2(x)$,

[2 markah / *marks*]

(ii) fungsi $k^n(x)$ dalam sebutan *n* dan *x*.
the function $k^n(x)$ *in terms of n and x.*

[2 markah / *marks*]

Jawapan/ *Answer* :

CamScanner

5 (*a*) Buktikan bahawa $\frac{1+\text{kos } x}{\sin x} = \text{kot } \frac{x}{2}$.

Prove that $\frac{1+\cos x}{\sin x} = \cot \frac{x}{2}$.

[3 markah / *marks*]

(*b*) Lakar graf bagi $y = -2 \text{ kos } x + \frac{1}{2}$ untuk $-\pi \le x \le \pi$.

Sketch the graph of $y = -2 \cos x + \frac{1}{2}$ *for* $-\pi \le x \le \pi$.

[4 markah / *marks*]

Jawapan/ *Answer* :

CamScanner

CamScanner

6 Dua kuantiti x dan y dihubungkan oleh persamaan $y = \frac{r}{tx} + \sqrt{r}$ dengan keadaan r dan t ialah pemalar. Jadual 6 menunjukkan nilai-nilai pemboleh ubah x dan xy ditukar kepada bentuk linear.

Two quantities, x and y, are related by the equation $y = \frac{r}{tx} + \sqrt{r}$, *where r and t are constants. Table 6 shows the values of x and xy converted to linear form.*

x	1	2.5	3.2	4.5	5.5	6
xy	19	26	32	35.1	39.88	42

Jadual 6
Table 6

(*a*) Plot xy melawan x, dengan menggunakan skala 2 cm kepada 1 unit pada paksi-x dan 2 cm kepada 5 unit pada paksi-xy.
Seterusnya, lukis garis lurus penyuaian terbaik.
Plot xy against x, using a scale of 2 cm *to* 1 unit *on the x-axis and* 2 cm *to* 5 unit *on the xy-axis.*
Hence, draw the line of best fit.

[3 markah / *marks*]

(*b*) Gunakan graf yang dilukis di (*a*), cari
Use the graph drawn in (*a*), *find*

(i) nilai r dan t,
the value of r and t,

(ii) nilai y yang betul jika satu daripada nilai-nilai y tersalah catat semasa eksperimen itu
the correct value y if one of the values of y has been wrongly recorded during the experiment.

[4 markah / *marks*]

Jawapan/ *Answer* :

CamScanner

7 Rajah 7 menunjukkan sisi empat $OABC$ dengan keadaan O ialah asalan. Titik P terletak di atas garis AB dengan keadaan $AP : AB = 3 : 4$ manakala titik Q terletak di atas garis OC dengan keadaan $OQ : OC = 2 : 3$.

Diagram 7 shows that quadrilateral of OABC such as O is origin. The point P lies on AB such that $AP : AB = 3 : 4$ *while the point Q lies on the line OC such that* $OQ : OC = 2 : 3$.



Rajah 7
Diagram 7

Ungkapkan,
Express,

(*a*) (i) $\overrightarrow{AP}$ dalam sebutan $\underset{\sim}{u}$ dan $\underset{\sim}{v}$. Seterusnya tunjukkan bahawa $\overrightarrow{OP} = \frac{1}{4}(\underset{\sim}{u} + 3\underset{\sim}{v})$,

$\overrightarrow{AP}$ *in terms of* $\underset{\sim}{u}$ *and* $\underset{\sim}{v}$ *. Hence show that* $\overrightarrow{OP} = \frac{1}{4}(\underset{\sim}{u} + 3\underset{\sim}{v})$,

(ii) $\overrightarrow{PQ}$ dalam sebutan $\underset{\sim}{u}, \underset{\sim}{v}$ dan $\underset{\sim}{w}$.

$\overrightarrow{PQ}$ *in terms of* $\underset{\sim}{u}, \underset{\sim}{v}$ *and* $\underset{\sim}{w}$.

[4 markah / *marks*]

(*b*) Diberi $5\overrightarrow{PQ} = 6\overrightarrow{BC}$, cari $\underset{\sim}{w}$ dalam sebutan $\underset{\sim}{u}$ dan $\underset{\sim}{v}$.

Given that $5\overrightarrow{PQ} = 6\overrightarrow{BC}$, *find* $\underset{\sim}{w}$ *in terms of* $\underset{\sim}{u}$ *and* $\underset{\sim}{v}$.

[3 markah / *marks*]

CamScanner

CamScanner

Bahagian B

[30 markah]

Jawab **tiga** soalan pada bahagian ini.

8 (*a*) Rajah 8(*a*) menunjukkan garis lengkung $y = x^3$ dan $y = -x^2 + 2$ yang bersilang pada titik A.

Diagram 8(*a*) *shows the lines of the curve* $y = x^3$ *and* $y = -x^2 + 2$ *which intersect at point* A.



Rajah 8(*a*)

Diagram 8(*a*)

(i) Nyatakan lengkung yang manakah menghasilkan kecerunan < 0 di titik A .
Tunjukkan pengiraan anda.
State which curve produces a gradient < 0 *at point A.*
Show your calculation.

[3 markah / *marks*]

(ii) Cari luas yang dibatasi oleh lengkung $y = x^3$, $y = -x^2 + 2$ dan paksi-y.
Find the area bounded by the curve of $y = x^3$, $y = -x^2 + 2$ *and y-axis.*

[4 markah / *marks*]

CamScanner

CamScanner

(*b*) Rajah 8(*b*) menunjukkan lengkung $y^2 = 2x$ bersilang pada garis lurus $x = k$.
Diagram 8 (*b*) *shows an intersecting curve* $y^2 = 2x$ *at a straight line* $x = k$.



Rajah 8(*b*)
Diagram 8(*b*)

Cari nilai *k* apabila isipadu janaan bagi rantau yang dibatasi oleh lengkung $y^2 = 2x$, $x = k$ dan paksi-*x* dikisarkan 180^0 pada paksi -*x* ialah 9π unit^3.
Find the value of k when the volume generated bounded by the curve $y^2 = 2x$, $x = k$ *and the x -axis rotated* 180^0 *on the -x axis is* 9π unit^3.

[3 markah / *marks*]

Jawapan/ *Answer* :

CamScanner

CamScanner

9 Rajah 9 menunjukkan sebuah poligon sekata 12 sisi yang berpusat di O.
A, B, C dan D adalah pusat bagi lengkok PS, RU, TW dan VQ masing-masing.
The diagram 9 shows a regular polygon with 12 sides centered at O.
A, B C and D are the centers for the arcs PS, RU, TW and VQ, respectively.



Rajah 9
Diagram 9

Diberi OA ialah r cm.
Given OA is r cm.
[Guna $\pi = 3.142$]
[*Use* $\pi = 3.142$]

(*a*) Ungkapkan luas kawasan berlorek dalam sebutan r.
Express the area of the shaded region in terms of r.

[5 markah/*marks*]

(*b*) Cari perimeter, dalam cm, kawasan berlorek jika $r = 10$ cm.
Find the perimeter, in cm, *of the shaded region if* $r = 10$ cm.

[5 markah/*marks*]

CamScanner

CamScanner

10 Ali menunggang motosikal ke suatu tempat dari rumahnya dan berhenti di beberapa hentian. Jarak hentian yang pertama ialah 10 km dari rumahnya dan jarak antara setiap hentian adalah sama.
Ali ride a motorcycle for a certain distance from his house and stopped at several pit stops. The first distance is 10 km *from his house and the different distance between each pit stops are equal.*
Jika hentian ketiga ialah 90 km dari hentian pertama.
If the third pit stop is 90 km *from first pit stop.*
Cari,
Find,

(*a*) jarak Ali berhenti kali ke-20 dari hentian pertama.
the distance Ali stop at the 20^{th} *from his first pit stop.*

[4 markah/*marks*]

(*b*) beza jarak Ali berhenti kali ke-20 dari hentian pertama dan hasil tambah jarak Ali berhenti kali ke-8.
the difference between the distance Ali stops at the 20^{th} *pit stop from his first pit stop and the sum of the distance Ali stop at the* 8^{th} *pit stop.*

[2 markah/*marks*]

(*c*) Diberi jarak perjalanannya ialah 850 km. Ali mempunyai wang tunai sebanyak RM250. Jika Ali membelanjakan RM10 setiap kali berhenti untuk berehat.
Adakah kos perbelanjaan mencukupi atau tidak? Tunjukkan pengiraan anda.
Given the travel distance is 850 km. *Ali has* RM250 *in cash. If Ali spends* RM10 *every time he stops for a break.*
Is the cost of expenses sufficient or not? Show your calculations.

[4 markah/*marks*]

Jawapan/ *Answer* :

CamScanner

CamScanner

11 (*a*) Pembolehubah rawak $X \sim B(n, p)$ menpunyai min 5 dan varians 4.

The random variable $X \sim B(n, p)$ *has a mean of* 5 *and a variance of* 4.

(i) Cari nilai bagi n dan p.
Find the values of n *and of* p.

(ii) Dengan menggunakan jawapan pada (*a*)(i), cari $P(X = 2)$.
Using the answers in (*a*)(i), *find* $P(X = 2)$.

[5 markah/*marks*]

(*b*) Sebuah ladang menghasilkan buah tembikai. Jadual 11 menunjukkan penggredan buah tembikai berdasarkan jisimnya.
An orchard produces watermelons. The table 11 *shows the grading of the watermelons according to their masses.*

Gred *Grade*	***A***	***B***	***C***
Jisim, X (kg) *Mass,* X (kg)	$X > 6.5$	$3.5 < X \leq 6.5$	$m < X \leq 3.5$

Jadual 11
Table 11

Diberi bahawa jisim buah tembikai yang dihasilkan oleh ladang ini bertabur secara normal dengan min 4.5 kg dan varians 1.21 kg^2.
It is given that the masses of watermelons produced in the orchard are normally distributed with a mean of 4.5 kg *and a variance of* 1.21 kg^2.

(i) Jika buah tembikai diambil secara rawak, cari kebarangkalian bahawa buah tembikai itu ialah gred *B*.
If a watermelon is chosen at random, find the probability that it is from the grade B.

[2 markah/*marks*]

(ii) Jika 98% daripada buah tembikai boleh digredkan, cari nilai *m*.
If 98% *of the watermelons can be graded, find of m.*

[3 markah/*marks*]

CamScanner

CamScanner

Bahagian C

[20 markah]

Jawab **dua** soalan sahaja.

12 Rajah 12 menunjukkan sebuah pepejal berbentuk prisma tegak dengan permukaan segi empat tepat mengufuk *EFGH*. Trapezium *ABFE* ialah keratan rentas seragam prisma itu. Segi empat tepat *ADHE* dan *BCGF* adalah suatu satah mencancang manakala permukaan tapak *ABCD* ialah satah condong.

Diagram 12 *shows a solid prism with a horizontal rectangular surface EFGH. The trapezium ABFE is the uniform cross section of the prism. The rectangles ADHE and BCGF are a vertical plane while the base surface ABCD is an inclined plane.*



Rajah 12
Diagram 12

(*a*) Cari,
Find,

(i) $\angle BAF$

[3 markah / *marks*]

(ii) $\angle DCG$

[2 markah / *marks*]

(iii) luas, dalam cm^2, bagi segi tiga *DFG* dengan menggunakan rumus *Heron.*
the area, in cm^2, *of the triangle DFG using Heron's formula.*

[3 markah / *marks*]

(*b*) Garis *FB* dipanjangkan dengan keadaan $AB = AB'$, lakarkan segi tiga ABB'
Seterusnya nyatakan $\angle BAB'$
The line FB is extended such that $AB = AB'$, *sketch a triangle of* ABB'
Hence, state the $\angle BAB'$

[2 markah / *marks*]

CamScanner

CamScanner

13. Jadual 13 menunjukkan indeks harga dan perubahan indeks harga bagi empat jenis perbelanjaan utama sepanjang musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Rajah 13 menunjukkan sebuah carta pai yang mewakili pembahagian perbelanjaan yang digunakan sepanjang musim Perintah kawalan Pergerakan (PKP).
Table 13 *shows the price indices and the changes in price indices of four main expenses during Movement Control Order* (MCO). *Diagram* 13 *shows a pie chart which represents the proportion of the expenses that used during Movement Control Order* (MCO).

Perbelanjaan ***Expenses***	**Indeks harga pada tahun 2021 berasaskan tahun 2020** ***Price index in the year 2021 based on the year 2020***	**Perubahan indeks harga dari tahun 2021 ke tahun 2022** ***Change in the price index from the year 2021 to the year 2022***
Makanan / *Food*	120	Berkurang sebanyak 10% *Decreased by* 10%
Sewa & Ansuran / *Rent & Installment*	*x*	Tiada perubahan/ *No change*
Utiliti / *Utilities*	150	Bertambah sebanyak 5% *Increased by* 5%
Pelbagai/ *Miscellaneous*	108	Tiada perubahan/ *No change*

Jadual 13
Table 13



Rajah 13
Diagram 13

CamScanner

(*a*) (i) Hitung jumlah perbelanjaan untuk makanan pada tahun 2020 jika jumlah perbelanjaan makanan pada tahun 2021 ialah RM720.
Calculate the total expenses of food in the year 2020 *if the total expenses in the year* 2021 *is* RM720.

[2 markah / *marks*]

(ii) Indeks gubahan bagi jumlah perbelanjaan pada tahun 2021 berasaskan 2020 ialah 126.3.
The composite index for the total expenses in the year 2021 *based on the year* 2021 *is* 126.3
Hitung *x*.
Calculate x.

[2 markah / *marks*]

(*b*) Seterusnya, hitung indeks gubahan jumlah perbelanjaan pada tahun 2022 berasaskan tahun 2020. Nyatakan tafsiran anda berkaitan nombor indeks gubahan yang diperoleh
Hence, calculate the composite index for the total expenses in the year 2022 *based on the year* 2020. *State your interpretation based on the composite index number obtained.*

[4 markah / *marks*]

(c) Hitung jumlah perbelanjaan pada tahun 2022 jika jumlah perbelanjaan yang sepadan pada tahun 2020 ialah RM4 000.
Calculate the total of expenses in the year 2022 *if the corresponding total expenses in the year* 2020 *is* RM4 000.

[2 markah / *marks*]

Jawapan/ *Answer* :

CamScanner

CamScanner

14 Suatu zarah bergerak di sepanjang suatu garis lurus dan melalui satu titik tetap O.
Halajunya, v m s^{-1}, diberi oleh $v = t^2 - 6t + 8$, dengan keadaan t ialah masa dalam saat selepas melalui O.
A particle moves along a straight line and passes through a fixed point O. Its velocity, v m s^{-1}, is given by $v = t^2 - 6t + 8$, where t is the time in seconds after passing through O.

[Anggap bahawa gerakan ke arah kanan ialah positif]
[*Assume motion to the right is positive*]

Cari,
Find,

(*a*) halaju awal dalam dalam ms^{-1} ,
initial velocity in ms^{-1},

[1 markah / *mark*]

(*b*) halaju dalam ms^{-1} zarah itu ketika halaju seragam,
velocity of the particle in ms^{-1} [1] *when velocity is uniform,*

[3 markah / *marks*]

(*c*) julat nilai t ketika zarah bergerak ke arah kiri,
the range of values of t during which the particle moves to the left,

[3 markah / *marks*]

(*d*) jumlah jarak, dalam m, yang dilalui oleh zarah dalam 4 saat pertama.
the total distance, in m, *travelled by the particle in the first* 4 *seconds.*

[3 markah / *marks*]

Jawapan/*Answer* :

CamScanner

CamScanner

Gunakan kertas graf yang disediakan untuk menjawab soalan ini.
Use the graph paper provided to answer this question.

15 SMK Taman Nilam ingin menghantar beberapa murid SPM dan STPM sesi 2022/2023 untuk menyertai suatu seminar teknik menjawab. Bilangan peserta SPM ialah x orang dan peserta STPM ialah y orang. Penyertaan murid adalah berdasarkan kekangan berikut:
SMK Taman Nilam wants to send a few of its SPM *and* STPM *student session* 2022/2023 *to participate in the answering technique seminar. The number of participants from the* SPM *students is x and for the* STPM *students is y. The participation of the students is based on the following constraints*:

I Jumlah peserta tidak melebihi 70 orang.
The total number of the participants is not more than 70.

II Bilangan peserta SPM tidak melebihi dua kali bilangan peserta STPM.
The number of SPM *participants is not more than twice the number of* STPM *participants.*

III Bilangan peserta STPM mesti melebihi dua kali bilangan peserta SPM selebih-lebihnya 10 orang.
The number of STPM *participants must exceed twice the number of* SPM *participants by at most* 10.

(a) Tuliskan tiga ketaksamaan, selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memenuhi semua kekangan di atas.
Write three inequalities, other than $x \geq 0$ *and* $y \geq 0$, *which satisfy all the above constraints.* [3 markah/*marks*]

(b) Menggunakan skala 2 cm kepada 10 orang peserta pada kedua-dua paksi, bina dan lorek rantau R yang memenuhi semua kekangan di atas.
Using a scale of 2 cm *to* 10 *participants on both axes, construct and shade the region R which satisfies all the above constraints.* [3 markah/*marks*]

(c) Menggunakan graf yang di bina dalam di (b), cari,

Using the graph constructed in (b), find,

(i) julat bilangan peserta STPM jika bilangan peserta SPM ialah 30,
the range of the number of STPM *participants if the number of* SPM *participants is* 30,

(ii) jumlah yuran maksimum yang perlu dibayar oleh sekolah jika yuran untuk setiap peserta SPM dan STPM masing-masing ialah RM10 dan RM20.
the maximum total fees need to be paid by the school if the fee for each SPM *and* STPM *participant is* RM10 *and* RM20 respectively.
[4 markah/*marks*]

CamScanner

CamScanner

Bahagian A

[64 *markah*]

Jawab **semua** soalan

1 (a) Ungkapkan $\sqrt{45}$ dalam bentuk $a\sqrt{b}$, dengan keadaan a dan b ialah integer positif.
[1 *markah*]

Express $\sqrt{45}$ in term of $a\sqrt{b}$, where a and b are positive integer .
[1 *marks*]

(b) Selesaikan $\sqrt[2x+1]{256} = \sqrt[2x+2]{512}$. [3 *markah*]

Solve $\sqrt[2x+1]{256} = \sqrt[2x+2]{512}$. [3 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

2. *x* dan *y* dihubungkan oleh persamaan $x - \frac{h}{x} = ky$, dimana *h* dan *k* adalah pemalar. Graf garis lurus diperoleh dengan memplot xy melawan x^2, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.

x and y are related by an equation $x - \frac{h}{x} = ky$, *where h and k are constants. A straight line graph is obtained by plotting* xy *against* x^2, *as shown in Diagram* 1.



Rajah 1
Diagram 1

Cari *h : k.*
Find h : k.

[4 *markah*]
[4 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

3 Rajah 2 menunjukkan sebuah bulatan unit. $T(-p,q)$ adalah satu titik pada sinar putaran suatu sudut θ.

Diagram 2 shows a unit circle. $T(-p,q)$ *is a point on the rotating ray of an angle* θ.



Rajah 2
Diagram 2

Cari dalam sebutan p, nilai bagi

Find in terms of p, the value of

(a) sek θ. [2 *markah*]
sec θ. [2 *marks*]

(b) $\tan\left(45^0+\theta\right)$. [4 *markah*]
[4 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

4 (a) Diberi $4x^2 - 3y - 1 = 0$. Cari julat nilai x *jika* $y < 5$. [2 *markah*]

Given that $4x^2 - 3y - 1 = 0$. Find the range of values of x *if* $y < 5$. [2 *marks*]

(b) Jika satu punca bagi persamaan kuadratik $x^2 - (10 - \frac{5}{2}m)x + \frac{2}{m} = 0$ ialah salingan punca yang satu lagi. Tentukan nilai bagi pembezalayannya. [3 *markah*]

If one of the root of quadratic equation $x^2 - (10 - \frac{5}{2}m)x + \frac{2}{m} = 0$ *is reciprocal to another root. Find the value of its discriminant.* [3 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

5 Rajah 3 menunjukkan sebahagian daripada graf $y = \frac{7 - x^2}{2}$ dan garis lurus $y = p$, dengan keadaan *p* ialah pemalar.

Diagram 3 *shows part of the graph* $y = \frac{7 - x^2}{2}$ *and a straight line* $y = p$ *, with p is a constant.*



Rajah 3

Diagram 3

Hitung nilai *p* jika luas kawasan berlorek ialah $\frac{2}{3}$ unit^2. [4 *markah*]

Calculate the value of p if the area of the shaded area is $\frac{2}{3}$ unit^2 [4 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

6



Rajah 4

Diagram 4

(a) Rajah 4 menunjukkan beberapa vektor yang dilukis pada grid segi empat sama bersisi 1 unit. Diberi $\overrightarrow{LM} = \underset{\sim}{a}$ dan $\overrightarrow{NM} = \underset{\sim}{b}$, ungkapkan dalam sebutan $\underset{\sim}{a}$ dan $\underset{\sim}{b}$

Diagram 4 shows some vectors drawn on a 1 unit sided square grids. Given $\overrightarrow{LM} = \underset{\sim}{a}$ and $\overrightarrow{NM} = \underset{\sim}{b}$, express in terms of $\underset{\sim}{a}$ dan $\underset{\sim}{b}$

(i) $\overrightarrow{LN}$

(ii) $\overrightarrow{MP}$

[3 *markah*]

[3 *marks*]

(b) $P(-3,-2)$ dan $Q(-1,1)$ terletak pada satu satah cartes. Diberi bahawa $3\overrightarrow{OP} - \overrightarrow{OR} = 4\overrightarrow{OQ}$. Cari,

$P(-3,-2)$ *and* $Q(-1,1)$ *lie on Cartesian plane. It is given* $3\overrightarrow{OP} - \overrightarrow{OR} = 4\overrightarrow{OQ}$. *Find,*

(i) coordinat *R*

the coordinates of R

(ii) $\left|\overrightarrow{QR}\right|$

[4 *markah*]

[4 *marks*]

7



Rajah 5
Diagram 5

(a) Rajah 5 menunjukkan lakaran sebahagian dari graf $f(x)=\frac{x+3}{x^2-7x+12}$. Cari nilai

a dan b. [2 *markah*]

Diagram 5 shows a partial sketch for graph $f(x)=\frac{x+3}{x^2-7x+12}$. *Find the value*

of a *and of* b. [2 *marks*]

(b) Diberi $f^{-1}\left(\frac{x}{x+3}\right)=\frac{x+1}{x+2}$, jika $f(m)=2$, cari nilai m. [5 *markah*]

Given $f^{-1}\left(\frac{x}{x+3}\right)=\frac{x+1}{x+2}$, *if* $f(m)=2$, *find the value of m.* [5 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

8 Penyelesaian secara lukisan berskala **tidak** diterima.
*Solutions by drawing to scale are **not** accepted.*

Rajah 6 menunjukkan kedudukan bagi tiga buah rumah yang dilukis pada satu satah Cartes.
Diagram 6 shows the position of three houses drawn on a Cartesian plane.



Rajah 6
Diagram 6

Sebuah jalan raya lurus dengan persamaan $y-2x+7=0$ akan dibina untuk menghubungkan rumah Zulaikha dan rumah Aina. Sebuah lagi jalan raya lurus akan dibina untuk menyambungkan rumah Shanti dan rumah Aina. Kedua-dua buah jalan itu berserenjang antara satu sama lain dan bertemu di rumah Aina, *A*.
A straight road with an equation of $y-2x+7=0$ will be built to connect Zulaikha's house and Aina's house. Another straight road will be built to connect Shanti's house and Aina's house. The two roads are perpendicular to each other and meet at Aina's house, A.

(a) Cari persamaan jalan raya lurus *AB*. [3 *markah*]
Find the equation of the straight road AB. [3 *marks*]

(b) Cari koordinat rumah Aina. [3 *markah*]
Find the coordinates of Aina's house. [3 *marks*]

9 Terdapat tiga segiempat tepat yang pertama dimana segiempat yang pertama mempunyai *x* cm panjang dan *y* cm lebar. Ukuran panjang dan lebar setiap segiempat yang seterusnya adalah separuh daripada ukuran yang pertama.
There are the first three of rectangles where the first rectangle is x cm *long and y* cm *wide. The measurement of the length and the width of each subsequent rectangle are half the measurement of its previous one*.

(a) Tunjukkan luas segiempat tepat membentuk janjang geometri dan tentukan nisbah sepunya janjang itu. [2 *markah*]
Show that the area of rectangles form a geometric progression and state the common ratio. [2 *marks*]

(b) Diberi $x = 160$ cm dan $y = 80$ cm, kenalpasti segiempat tepat ke - *n* yang mempunyai luas $\frac{25}{512} cm^2$. [3 *markah*]
Given that $x = 160$ cm *and* $y = 80$ cm, *determine* n^{th} *rectangle which has an area of* $\frac{25}{512} cm^2$. [3 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

10 Diberi $\log_a p^2 q = h$ dan $\log_a \frac{q}{p^3} = k$, ungkapkan $\log_a \frac{p}{q}$ dalam sebutan h dan k .

[5 *markah*]

Given that $\log_a p^2 q = h$ and $\log_a \frac{q}{p^3} = k$, express $\log_a \frac{p}{q}$ in terms of h and k .

[5 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

11 (a) Diberi ${}^{n}C_{r^2+2r} = 1$. Cari nilai r. [2 *markah*]

Given that ${}^{n}C_{r^2+2r} = 1$. *Find the value of* r . [2 *marks*]

(b) Jika satu kod lima huruf akan dibentuk menggunakan lima daripada kad-kad ini, cari bilangan kod yang mungkin dapat dibina. [4 *markah*]

If a five-letter code is to be formed using five of these card, find the possible numbers of codes that can be formed. [4 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

12 Dalam suatu pertandingan menembak, didapati seorang peserta mempunyai kebolehan menembak yang baik dengan keadaan 95% tembakannya tepat ke sasaran.
In a shooting competition, it was found that a participant had good shooting ability with 95% *of his shots hitting the target.*

(a) Jika penembak itu melepaskan 100 kali tembakan, cari sisihan piawai bagi bilangan tembakan yang tepat ke sasaran. [2 *markah*]
If the shooter fires 100 *shots, find the standard deviation of the number of hits that hit the target.* [2 *marks*]

(b) Cari bilangan tembakan yang dilepaskan oleh peserta itu jika kebarangkalian tembakannya tersasar sekali adalah sama dengan kebarangkalian tembakan tersasar dua kali. [3 *markah*]
Find the number of shots fired by the contestant if the probability of missing once is the same as the probability of missing twice. [3 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

Bahagian B

[16 *markah*]

Bahagian ini mengandungi **tiga** soalan. Jawab **dua** soalan.

13 a) Diberi persamaan kuadratik $ax^2 + bx + c = 0$ dengan keadaan a , b dan c ialah pemalar, $a \neq 0$ mempunyai punca-punca α dan β .Tunjukkan bahawa

$$\alpha + \beta = -\frac{b}{a} \text{ dan } \alpha\beta = \frac{c}{a}$$ [5 markah]

Given the quadratic equation, $ax^2 + bx + c = 0$ *where* a , b *and* c *are constants*, $a \neq 0$ *has roots* α *and* β .*Show that*

$$\alpha + \beta = -\frac{b}{a} \text{ dan } \alpha\beta = \frac{c}{a}$$ [5 *marks*]

b) Lakarkan graf kuadratik $f(x) = 2(x+2)^2 + 3$. Seterusnya, bentukkan persamaan kuadratik jika graf tersebut dianjak 3 unit ke kanan [3 markah]

Sketch the graph of quadratic $f(x) = 2(x+2)^2 + 3$. *Hence,form a quadratic equation if the graph is shifted* 3 units *to the right*. [3 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

14 Diberi persamaan suatu lengkung ialah $y = 3x^2 - 6x + 5$.

Given the equation of a curve is $y = 3x^2 - 6x + 5$.

Cari
Find

(a) fungsi kecerunan lengkung itu dengan menggunakan kaedah prinsip pertama. [3 *markah*]
Gradient function of the curve by using first principle method. [3 *marks*]

(b) koordinat titik pusingan. [2 *markah*]
coordinates of the turning point. [2 *marks*]

(c) persamaan normal kepada lengkung pada titik $(2,5)$. [3 *markah*]
the equation of normal of the curve at point $(2,5)$. [3 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

15 Rajah 7 menunjukkan sebuah semibulatan berpusat di O.
Diagram 7 shows a semicircle with centre O.



Rajah 7
Diagram 7

Diberi bahawa garis CD selari dengan garis AB, panjang garis AB ialah 20 cm dan panjang garis CD ialah 17.32 cm. Dengan menggunakan $\pi = 3.142$, carikan
Given that CD is parallel to AB , the length of AB is 20 cm *and the length of CD is* 17.32 cm. *Using* $\pi = 3.142$ *, find*

(a) $\angle \mathrm{COD}$, dalam radian, [2 *markah*]
$\angle COD$*, in radians,* [2 *marks*]

(b) perimeter,cm kawasan berlorek, [3 *markah*]
perimeter, cm *of the shaded region,* [3 *marks*]

(c) luas, dalam cm^2, kawasan berlorek. [3 *markah*]
the area, in cm^2*, of the shaded region.* [3 *marks*]

KELANTAN K2

Bahagian A

[50 *markah*]

Jawab **semua** soalan

1.



Rajah 1
Diagram 1

Rajah 1 menunjukkan sektor ORS suatu bulatan berpusat di O. Diberi $TS : OS = 1 : 6$ dan $OR = 12 \text{ cm}$. Cari

Diagram 1 shows sector ORS *of a circle with center at* O. *Given that* $TS : OS = 1 : 6$ *and* $OR = 12 \text{ cm}$. *Find*

(a) nilai θ, dalam radian. [2 *markah*]
value of θ*, in radian.* [2 *marks*]

(b) luas, dalam cm^2, kawasan berlorek. [4 *markah*]
area, in cm^2 *of the shaded region.* [4 *marks*]

2. Jadual 1 menunjukkan satu iklan bagi jualan motorsikal pada harga promosi yang telah dikeluarkan oleh satu kilang pembuatan motorsikal.
Table 1 shows an advertisement for the sale of motorcycles at a promotional price that has been issued by a motorcycle manufacturing factory.

PROMOSI KAW-KAW BULAN DISEMBER 2021		
Kuasa : 125 c.c **Harga Asal : ~~RM 7000~~** **Harga Promosi : RM 5500**	**Kuasa : 150 c.c** **Harga Asal : ~~RM 11,000~~** **Harga Promosi : RM 9000**	**Kuasa : 155 c.c** **Harga Asal : ~~RM 13,000~~** **Harga Promosi : RM 11,000**

Jadual 1
Table 1

Kilang motorsikal tersebut telah berjaya menjual 3 jenis motorsikal berlainan kuasa ini sebanyak 140 buah dalam bulan Disember 2021 dan telah mendapat keuntungan keseluruhan sebanyak RM 515,000. Diketahui bahawa kos yang ditanggung oleh kilang motorsikal untuk menghasilkan sebuah motorsikal berkuasa 125 cc, 150 cc dan 155cc ini masing-masing ialah RM 3000, RM 5000 dan RM 6000 dengan kos keseluruhannya ialah RM 630,000. Berapakah bilangan setiap jenis motorsikal yang berjaya dijual dalam bulan Disember itu.
The motorcycle factory has successfully sold 140 *of these* 3 *types of motorcycles in the month of December* 2021 *and has made a total profit of* RM 515,000*. It is known that the cost incurred by the motorcycle factory to produce a* 125 *cc,* 150 *cc and* 155 *cc motorcycle is* RM 3000*,* RM 5000 *and* RM 6000 *respectively with a total cost of* RM 630,000*. How many of each type of motorcycle were successfully sold in the month of December* 2021*.*

[8 *markah*]
[8 *marks*]

3. (a) Lakar graf $y = -|\tan x| + 1$ untuk $0 \le x \le 2\pi$. [4 markah]

Sketch the graph of $y = -|\tan x| + 1$ *for* $0 \le x \le 2\pi$. [4 *marks*]

(b) Seterusnya, dengan melakar satu garis lurus yang sesuai pada paksi yang sama, tentukan bilangan penyelesaian yang memenuhi persamaan $-\pi(|\tan x| - 1) - \pi + x = 0$ untuk $0 \le x \le 2\pi$.

[3 markah]

Hence, by sketching a suitable straight line on the same axes, determine the number of solutions that satisfy the equation $-\pi(|\tan x| - 1) - \pi + x = 0$ for $0 \le x \le 2\pi$. [3 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

4. (a) Rajah 2 menunjukkan tangen kepada lengkung $y = x^2 + 3$ pada $A(2,7)$. Garis tangen itu menyilang paksi – y di $B(0,-1)$.

Diagram 2 shows the tangent to the curve $y = x^2 + 3$ *at* $A(2,7)$. *The tangent intersects the y – axis at* $B(0,-1)$.



Rajah 2
Diagram 2

Satu garis lurus yang berserenjang dengan garis tangen melalui *A* dan menyilang paksi – y pada titik *C*. Cari persamaan garis lurus *AC*.

A straight line which is perpendicular to the curve passes through A and intersect the y – axis at point C. Find the equation of the straight line AC.

[4 markah]

[4 marks]

(b) Rajah 3 menunjukkan sebuah segiempat PQRS.

Diagram 3 shows a quadrilateral PQRS.



Rajah 3
Diagram 3

Diberi luas segiempat ialah $80\ \text{cm}^2$, cari nilai *a*.

Given the area of quadrilateral is $80\ \text{cm}^2$*, find the value of a.*

[3 markah]

[3 marks]

Jawapan / *Answer* :

5. (a) Sepuluh orang murid terpilih untuk ke peringkat akhir acara deklamasi sajak sempena Bulan Kemerdekaan. Cari bilangan cara tiga tempat pertama boleh dimenangi oleh sepuluh murid itu. [2 *markah*]

Ten students were selected to the final stage of the poem recitation event in conjunction with Independence Month. Find the number of ways the first three places can be won by the ten students. [2 *marks*]

(b) Pengurus Besar dan Ketua Pegawai Eksekutif sebuah syarikat hadir bersama pasangan masing-masing ke Program Kutipan Derma untuk mangsa banjir. Mereka berempat ditempatkan di sebuah meja bulat yang mempunyai sepuluh kerusi. Cari bilangan susunan yang boleh dibuat jika

The General Manager and Chief Executive Officer of a company attended the Donation Collection Program for flood victims with their spouses. The four of them were placed at a round table with ten chairs. Find the number of arrangements that can be made if

(i) tanpa sebarang syarat

there is no restriction

(ii) Pengurus Besar dan Ketua Pegawai Eksekutif mesti duduk bersebelahan dengan pasangan masing-masing.

The General Manager and Chief Executive Officer must sit next to their spouses.

[4 *markah*]

[4 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

6. Hasil tambah n sebutan pertama suatu janjang aritmetik diberi oleh $S_n = an^2 + bn$.

The sum of the first n terms of an arithmetic progression is given by $S_n = an^2 + bn$.

(a) Ungkapkan T_n dalam bentuk termudah,dalam sebutan a, b dan n. [2 *markah*]

Express T_n in simplest form, in terms of a, b and n. [2 *marks*]

(b) Diberi bahawa $S_4 = 44$ dan $S_8 = 152$. Cari nilai a dan nilai b. [3 *markah*]

Given that $S_4 = 44$ and $S_8 = 152$ Find the values of a and b [3 *marks*]

(c) Cari beza sepunya [3 *markah*]

Find the common different [3 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

7. (a) Dua nombor h dan k adalah berhubung secara $h+k=6$. Cari nilai h dan nilai k supaya fungsi $Z=2h^2+3k^2$ mempunyai satu titik pegun. Seterusnya , tentukan sama ada titik pegun tersebut ialah titik maksimum atau minimum.

Two numbers h and k are connected by the relation $h+k=6$. Find the value of h and k which give a turning point of the function $Z=2h^2+3k^2$. Hence, determine whether that stationary point is maximum or minimum point.

[5 markah]

[5 marks]

(b) Cari koordinat titik pada lengkung $y=(3x-1)^2$ dengan keadaan kecerunan normal kepada lengkung pada titik itu ialah $-\frac{1}{6}$.

Find the coordinates of the points on the curve $y=(3x-1)^2$ such that the normal gradient to the curve at that point is $-\frac{1}{6}$.

[3 markah]

[3 marks]

Jawapan / *Answer* :

Bahagian B

[30 *markah*]

Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Jawab **tiga** soalan.

8. Gunakan kertas graf untuk menjawab soalan ini.
Use graph paper to answer this question.

Jadual 2 menunjukkan nilai-nilai bagi dua pemboleh ubah x dan y yang diperoleh daripada suatu eksperimen. Pemboleh ubah x dan y dihubungkan oleh persamaan $y^2 = pn^x$ dengan keadaan n dan p ialah pemalar.
Table 2 shows the values of two variables x and y, obtained from an experiment. The variables x and y are related by the equation $y^2 = pn^x$, where n and p are constants.

x	1	2	3	4	5	6
y	3.82	5.04	6.62	10.00	10.68	13.81

Jadual 2
Table 2

(a) Berdasarkan Jadual 2, bina sebuah jadual bagi nilai-nilai $\log_{10} y$. [1 markah]
Based on Table 2, construct a table for the values of $\log_{10} y$. [1 *mark*]

(b) Plot $\log_{10} y$ melawan x, dengan menggunakan skala $2\ \text{cm}$ kepada $1\ \text{unit}$ pada paksi-x dan $2\ \text{cm}$ kepada $0.2\ \text{unit}$ pada paksi-$\log_{10}$y. Seterusnya, lukis garis lurus penyuaian terbaik. [3 markah]
Plot $\log_{10} y$ *against* x, *using a scale of* $2\ \text{cm}$ *to* $1\ \text{unit}$ *on the* x-axis *and* $2\ \text{cm}$ *to* $0.2\ \text{unit}$ *on the* $\log_{10}$y-axis. *Hence, draw the best fit.* [3 *marks*]

(c) Gunakan graf di $8(b)$ untuk mencari:
Use the graph in $8(b)$ *to find:*
(i) nilai n dan nilai p
values of n *and of* p
(ii) nilai y yang betul bagi satu bacaan yang tersalah catat.
The correct value of y *for a wrongly recorded reading.*

[6 markah]
[6 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

9. Titik A dan titik B mempunyai vektor kedudukan $\underset{\sim}{a}$ dan $\underset{\sim}{b}$ masing-masing relatif kepada titik O. Diberi L ialah titik tengah $\overrightarrow{OA}$ dan M ialah titik pada garis $\overrightarrow{OB}$ yang dipanjangkan dengan keadaan $\overrightarrow{OM} = 3\overrightarrow{OB}$. P ialah titik pada $\overrightarrow{LM}$ dengan keadaan $\overrightarrow{LP} = k\overrightarrow{LM}$.

Points A and B have position vectors $\underset{\sim}{a}$ and $\underset{\sim}{b}$ respectively relative to point O. Given that L is a midpoint of $\overrightarrow{OA}$ and M is the point on $\overrightarrow{OB}$ produced such that $\overrightarrow{OM} = 3\overrightarrow{OB}$. P is the point on $\overrightarrow{LM}$ such that $\overrightarrow{LP} = k\overrightarrow{LM}$.

(a) Ungkapkan $\overrightarrow{LM}$ dalam sebutan $\underset{\sim}{a}$ dan $\underset{\sim}{b}$ [2 *markah*]

Express $\overrightarrow{LM}$ in terms of $\underset{\sim}{a}$ and $\underset{\sim}{b}$ [2 *marks*]

(b) Ungkapkan $\overrightarrow{AP}$ dalam sebutan $\underset{\sim}{a}$, $\underset{\sim}{b}$ dan k [2 *markah*]

Express $\overrightarrow{AP}$ in terms of $\underset{\sim}{a}$, $\underset{\sim}{b}$ and k [2 *marks*]

(c) Jika A, P dan B ialah segaris, cari

If A, P and B are collinear, find

i). k

ii). $\dfrac{\overrightarrow{AP}}{\overrightarrow{PB}}$

[6 *markah*]

[6 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

10. Rajah 4 menunjukkan sebahagian daripada lengkung $x = 6y - y^2$ dan sebahagian daripada garis $y = x$ yang bersilang pada titik *B* dan titik *O*.

Diagram 4 shows part of curve $x = 6y - y^2$ *and part of line* $y = x$ *that intercept at point B and point O.*



Rajah 4

Diagram 4

(*a*) Cari luas kawasan yang berlorek. [5 *markah*]
Find the area of shaded region. [5 *marks*]



Rajah 5

Diagram 5

(*b*) Berdasarkan Rajah 5, hitungkan isipadu yang dijanakan apabila rantau berlorek itu dikisarkan 360° pada $paksi - x$. [5 *markah*]

Based on Diagram 5, calculate the volume generated when the shaded region is rotated 360° *on the* $x - axis$. [5 *marks*]

11. Satu tinjauan dijalankan di Kampung Perdana berkenaan remaja berumur 18 hingga 21 tahun yang layak menjadi pemilih secara automatik bagi pilihanraya umum akan datang.
A survey was conducted in Kampung Perdana regarding teenagers aged 18 *to* 21 *who are eligible to be automatic voters for the next general election.*

(a) Didapati bahawa min bilangan remaja berumur 18 hingga 21 ialah 150, sisihan piawainya ialah 9.5 dan kebarangkalian seorang penduduk dikategorikan sebagai remaja berumur 18 hingga 21 tahun ialah p

It was found that the mean number of teenagers aged 18 *to* 21 *is* 150*, the standard deviation is* 9.5 *and the probability of a resident being categorized as a teenager aged* 18 *to* 21 *years is* p

(i) Cari nilai p

Find the value of p .

(ii) Jika10 orang penduduk dari Kampung Perdana dipilih secara rawak, cari kebarangkalian lebih daripada 2 orang penduduk bukan remaja berumur 18 hingga 21.

If 10 residents from Kampung Perdana are randomly selected, find the probability that more than 2 residents are not teenagers aged 18 to 21.

[6 markah]

[6 *marks*]

(b) Umur pelanggan sebuah restoran di Kampung Perdana adalah mengikut taburan normal dengan min 34.5 dan sisihan piawai 12.75. Sebagai kempen kesedaran tanggungjawab pengundi, restoran berkenaan mengagihkan baucar makanan yang kepada pelanggan yang berumur 18 hingga 21, hitung bilangan baucar makanan yang akan diagih oleh pemilik restoran itu sekiranya terdapat 500 orang pengunjung pada hari tersebut.
The age of customers of a restaurant in Kampung Perdana follows a normal distribution with a mean of 34.5 and a standard deviation of 12.75. As a voter responsibility awareness campaign, the restaurant distributed food vouchers to customers aged 18 to 21, calculate the number of food vouchers distributed by the owner of the restaurant if there were 500 visitors that day.

[4 markah]

[4 *marks*]

Bahagian C

[20 *markah*]

Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Jawab **dua** soalan.

12. Suatu zarah bergerak di sepanjang suatu garis lurus dan melalui satu titik tetap O. Halajunya, $v\ ms^{-1}$, diberikan oleh $v = t^2 - 6t + 8$, dengan keadaan t ialah masa, dalam saat, selepas melalui O.

A particle moves along a straight line and passes through a fixed point O. Its velocity $v\ ms^{-1}$*, is given by* $v = t^2 - 6t + 8$*, where* t *is the time, in seconds, after passing through O.*

[Anggapkan Gerakan ke arah kanan sebagai positif].

[*Assume motion to the right is positive*].

Cari

Find

(a) halaju minimum, dalam ms^{-1},

the minimum velocity, dalam ms^{-1},

[2 markah]

[2 marks]

(b) julat nilai *t* apabila zarah bergerak ke kanan.

the range of value of t during which the particle moves to the right.

[2 markah]

[2 marks]

(c) Lakarkan graf halaju melawan masa bagi pergerakan zarah itu untuk $0 \le t \le 4$.

Sketch the velocity – time graph of the motion of the particle for $0 \le t \le 4$.

[2 markah]

[2 marks]

(d) Jumlah jarak, dalam m, yang dilalui dalam 4 saat yang pertama selepas melalui O.

The total distance, in m, travelled during the first 4 seconds after leaving point O.

[4 markah]

[4 marks]

13. Empat jenis bahan mentah *J, K, L* dan *M* digunakan untuk membuat kek. Diberi indeks harga pada tahun 2021 berasaskan tahun 2020 bagi keempat-empat jenis bahan *J, K, L* dan *M* masing-masing ialah 140, 120, 160 dan 150. Daripada tahun 2021 ke 2022, harga bagi bahan *J* menokok 15%, bahan K menokok 5%, bahan *L* tidak berubah dan bahan *M* menyusut 10%.
Four types of raw materials J, K, L and M are used to make cakes. Given the price index in 2021 based on 2020 for all four types of material J, K, L and M is 140, 120, 160 and 150 respectively. From 2021 to 2022 the price of material J increased by 15%, *material K increased by* 5%, *material L has not changed and material M decreased by* 10%.

(a) Harga bahan mentah *K* pada tahun 2021 ialah RM96.00. Cari harga yang sepadan pada tahun 2020.
The price of raw material K in 2021 *is* RM96.00*. Find the corresponding price in year* 2020*.*

[2 markah]
[2 *marks*]

(b) Cari indeks harga bagi kesemua empat bahan itu pada tahun 2022 berasaskan 2020.
Find the price indices of all the four materials in 2022 *based on* 2020*.*

[3 markah]
[3 *marks*]

(c) (i) Hitung indeks gubahan bagi kos menghasilkan kek itu pada tahun 2022 berasaskan 2020.
Calculate the composite index for the cost of producing the cake in 2022 *based on* 2020*.*

(ii) Seterusnya, cari kos bagi menghasilkan kek itu pada tahun 2021 jika kos sepadan pada tahun 2022 ialah RM 70.50.
Hence, find the cost of producing the cake in 2021 *if the corresponding cost in* 2022 *is* RM 70.50.

[5 markah]
[5 marks]

Jawapan / *Answer* :

14.



Rajah 6
Diagram 6

Berdasarkan Rajah 6 di atas, $AE = 8$ cm, $CD = 12$ cm, $BE = 6$ cm dan $BC = 10$ cm. $\angle EBC$ ialah sudut cakah. ABC dan AED ialah garis lurus. Diberi luas $\Delta CDE = 50\,\text{cm}^2$. Cari

Based on Diagram 6 *above,* $AE = 8$ cm, $CD = 12$ cm, $BE = 6$ cm *and* $BC = 10$ cm. $\angle EBC$ *is an obtuse angle.* ABC *and* AED *are straight lines. Given the area of* $\Delta CDE = 50\,\text{cm}^2$. *Find*

(a) Panjang, dalam cm CE. [4 *markah*]
The length, in cm *of* CE [4 *marks*]

(b) $\angle DCE$ [2 *markah*]
[2 *marks*]

(c) Segi tiga $A'B'E'$ mempunyai bentuk yang berbeza dengan segi tiga ABE, dengan keadaan $A'E' = AE$, $B'E' = BE$ dan $\angle B'A'E' = \angle BAE$,

Triangle $A'B'E'$ *which has a different shape from triangle* ABE*,*
such that $A'E' = AE$*,* $B'E' = BE$ *dan* $\angle B'A'E' = \angle BAE$*,*

(i) Lakar segi tiga $A'B'E'$
Sketch the triangle $A'B'E'$

(ii) Cari luas, dalam cm^2 segi tiga $A'B'E'$
Find the area, in cm^2 *of triangle* $A'B'E'$

[4 *markah*]
[4 *marks*]

15. Bagi soalan ini, gunakan kertas graf yang disediakan.
Use the graph paper provided to answer this question.

Model	Mesin *A* (minit)	Mesin *B* (minit)
P	8	5
Q	18	8

Jadual 3
Table 3

Jadual 3 menunjukkan masa yang digunakan oleh mesin *A* dan mesin *B* bagi mengeluarkan 2 jenis kereta kawalan jauh model *P* dan model *Q*. Kilang itu menetapkan syarat-syarat berikut:
Table 3 *shows the time used by machine A and machine B to produce* 2 *types of remote control cars model P and Q. The factory has set the following conditions:*

I Mesin *A* beroperasi sekurang-kurangnya 720 minit sehari.
Machine A operates at least 720 *minutes per day*.

II Mesin *B* beroperasi tidak melebihi 800 minit sehari.
Machine B operates not more than 800 *minutes per day.*

III Nisbah bagi kereta model *Q* kepada kereta model *P* adalah tidak melebihi 5 : 8.
The ratio of model car Q to model car P is not more than 5 : 8*.*

Kilang itu mengeluarkan x kereta model *P* dan y kereta model *Q*.

(*a*) Tuliskan 3 ketaksamaan selain daripada $x \geq 0$ dan $y \geq 0$ yang memuaskan syarat-syarat di atas.
Write 3 *inequalities other than* $x \geq 0$ *and* $y \geq 0$ *that satisfy the above conditions*.

[3 *markah*]
[3 *marks*]

(*b*) Dengan menggunakan skala 2 cm kepada 20 buah kereta bagi kedua-dua paksi, bina dan lorekkan rantau *R* yang memuaskan syarat-syarat di atas.
Using a scale of 2 cm *to represent* 20 *cars on x-axis and* 2 cm *to represent* 10 *cars on y-axis, construct and shade the area R that satisfies the above inequalities.*

[3 *markah*]
[3 *marks*]

(*c*) Dengan menggunakan graf anda dari (*b*), carikan

Using the graph from (b), find

(i) Bilangan maksimum dan minimum bagi kereta model *P* yang boleh dihasilkan jika 25 kereta model *Q* dihasilkan,

The maximum and minimum number of model P cars that are produced if 25 model Q cars are produced,

(ii) Jualan maksimum yang diperolehi oleh kilang itu jika setiap kereta kawalan jauh model *P* dan model *Q* masing-masing dijual dengan harga RM10 dan RM30.

the maximum sales that are obtained by the factory if each remote control car model P and model Q is sold at RM10 and RM30 respectively.

[4 *markah*]

[4 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

Bahagian A / Section A

[64 markah / *marks*]

Jawab **semua** soalan /Answer **all** questions

1. (a) Permudahkan $k^{\frac{1}{2}} \times 3k^{-\frac{1}{3}}$
Simplify $k^{\frac{1}{2}} \times 3k^{-\frac{1}{3}}$

[2 markah]
[*2 marks*]

(b) Tunjukkan bahawa $5^{x+1} - 5^{x-1} + 5^{x}$ boleh dibahagi tepat dengan 29 bagi semua integer positif x.
Show that $5^{x+1} - 5^{x-1} + 5^{x}$ *is divisible by* 29 *for all positive integers* x.

[2 markah]
[*2 marks*]

Jawapan / *Answer:*

2. Rajah 1 menunjukkan sebuah pendulum dengan panjang 20 cm yang tergantung pada O dan berada pada kedudukan awal L. Apabila pendulum tersebut ditarik ke kedudukan A yang mempunyai perbezaan ketinggian menegak, h dengan 4 cm daripada kedudukan asalnya dan kemudian dilepaskan, pendulum itu berayun.
The Diagram 1 shows a 20 cm length pendulum hanging at point O which has an initial position at point L. When the pendulum is pulled to position A which has a vertical height difference, h of 4 cm from its initial position and then released, the pendulum oscillates.



Rajah 1
Diagram 1

Cari jarak yang dilalui oleh pendulum dari titik A ke titik B
Find the distance travelled by the pendulum from point A to point B.
[Guna / *use* $\pi = 3.142$]

[4 markah / *marks]*

Jawapan / *Answer:*

3. Rajah 2 menunjukkan graf garis lurus *xy* melawan *x*.
Diagram 2 *shows a straight-line graph of xy against x*.



Rajah 2
Diagram 2

Diberi $y = \frac{7}{x} - 1$, hitung nilai *a* dan *b*.
Given that $y = \frac{7}{x} - 1$, *calculate the value of a and of b*.

[4 markah]
[4 *marks*]

Jawapan / *Answer:*

4.



Rajah3

Diagram 3

Rajah 3 menunjukkan sebatang tiang yang didirikan di atas tanah dengan menggunakan dua utas tali yang sama panjang.

Diberi bahawa $\sin\frac{x}{2} = 2t$, ungkapkan

Diagram 3 shows a pole is reinforced by two same length ropes to the land.

Given that $sin\frac{x}{2} = 2t$, *express*

(a) panjang, L, setiap tali itu dalam sebutan *t*
length, L, of each rope in terms of t.

[3 markah /3 *marks]*

(b) $\tan\frac{x}{2}$ dalam sebutan *t*
$\tan\frac{x}{2}$ *in terms of t.*

[2 markah /2 *marks]*

Jawapan / *Answer:*

5. (a) Tukarkan perpuluhan berulang $0.545454\ldots$ kepada pecahan tanpa menggunakan kaedah janjang.

Convert the recurring decimal $0.545454\ldots$ *to fraction without using progression method.*

[2 markah]
[2 marks]



Rajah 4
Diagram 4

b) Panjang dan lebar segi empat tepat pada Rajah 4 ialah $2\sqrt{5}-\sqrt{2}$ dan $\sqrt{5}+\sqrt{2}$ masing-masing. Tentukan luas kawasan berwarna seperti ditunjukkan dalam Rajah 4 dan nyatakan jawapan anda dalam bentuk $a+b\sqrt{10}$, dengan a dan b ialah nombor nisbah.

The length and the width of a rectangle at Diagram 4 are $2\sqrt{5}-\sqrt{2}$ *and* $\sqrt{5}+\sqrt{2}$ *respectively. Determine the area of coloured region as shown in the Diagram 4 and state your answer in the form of* $a+b\sqrt{10}$*, where a and b are rational numbers.*

[3 markah]
[3 marks]

Jawapan / *Answer:*

6. Rajah 5 menunjukkan sebuah trapezium ABCD.
Diagram 5 shows a trapezium ABCD.



Rajah 5 / *Diagram 5*

Diberi bahawa $\overrightarrow{AB} = (h+2)\underset{\sim}{i} - 3\underset{\sim}{j}$, $\overrightarrow{CD} = 2\underset{\sim}{i} + 3k\underset{\sim}{j}$ dan $2\overrightarrow{AB} = \overrightarrow{DC}$. Cari
Given that $\overrightarrow{AB} = (h+2)\underset{\sim}{i} - 3\underset{\sim}{j}$, $\overrightarrow{CD} = 2\underset{\sim}{i} + 3k\underset{\sim}{j}$ *and* $2\overrightarrow{AB} = \overrightarrow{DC}$. *Find*

(a) nilai *h* dan nilai *k*.
the values of h and of k,

[3 markah /3 *marks]*

(b) vektor unit dalam arah $\overrightarrow{AB}$.
the unit vector in the direction $\overrightarrow{AB}$.

[2 markah /2 *marks]*

Jawapan / *Answer:*

7. Diberi $f(x) = \frac{4}{(1-2x)^3}$ dan $f'(x) = m(1-2x)^n$

Given $f(x) = \frac{4}{(1-2x)^3}$ *and* $f'(x) = m(1-2x)^n$

(a) Cari nilai bagi *m* + *n*

Find the value of m + n

[2 markah /2 *marks*]

(b) Seterusnya, cari nilai p diberi $\frac{1}{p}\int f'(x)dx = -\frac{1}{81}$ dan x = 2

Hence, find the value of p given $\frac{1}{p}\int f'(x)dx = -\frac{1}{81}$ *and x = 2*

[3 markah /3 *marks*]

Jawapan / *Answer:*

8.

(a) (i) Diberi C ialah satu titik pada tembereng garis yang menyambungkan titik A (-12,1) dan titik B (3,7) dengan keadaan $AC = \frac{1}{3}AB$. Cari koordinat titik C.

Given C is a point on a line segment joining the points A (-12, 1) and B (3, 7) such that $AC = \frac{1}{3}AB$. *Find the coordinate of point C*

[2 markah/ *2 marks*]

(ii) Seterusnya, cari persamaan garis lurus AC.

Hence, find the equation of straight line AC. [2 markah/ *2 marks*]

(b) Titik P bergerak dengan keadaan jaraknya sentiasa 6 unit dari B. Cari persamaan lokus bagi titik P.

Point P moves such that its distance from B is always 6 units. Find the equation of locus of point P

[3 markah/ *3 marks*]

Jawapan / *Answer:*

9.

(a) X ialah pemboleh ubah rawak diskret dengan keadaan X~B(25, p) dengan keadaan $p < \frac{1}{2}$ dan $\sigma^2 = \frac{50}{9}$, cari min bagi X.

X is a discrete random variable such that X~B (25, p) with $p < \frac{1}{2}$ and $\sigma^2 = \frac{50}{9}$, *find the mean of X*

[3 markah/*3marks*]

(b) Rajah 6 menunjukkan graf taburan normal. Kebarangkalian yang ditunjukkan dengan kawasan berlorek 0.2881.

Diagram 6 *shows a standard normal distribution graph. The probability represented by the area of the shaded region is 0.2881.*



Rajah 6 /*Diagram* 6

(i) Cari $P(z \geq h)$

Find $P(z \geq h)$

(ii) X ialah pemboleh ubah rawak selanjar bertaburan normal, dengan min 84 dan sisihan piawai 5, cari nilai X apabila skor-z ialah *h*.

X is a continuous random variable which normally distributed with mean 84 and standard deviation 5, find the value of X when the z-score is h.

[3 markah/*3marks*]

10 (a) Palindrom berangka ialah integer yang mempunyai digit simetri, misalnya 55, 1001, 24142 dan lain-lain. Cari bilangan palindrom lima digit.
A numerical palindrome is an integer that has symmetric digits, example 55, 1001, 24142 and others. Find the number of five-digit palindrome.

[4 markah */ 4 marks*]

(b) Rajah 7 menunjukkan dua jenis manik yang akan digunakan oleh Husna untuk membuat gelang.
Diagram 7 shows *two types of beads that Husna will use to make a bracelet.*



Rajah 7 / *Diagram* 7

Berapakah cara Husna boleh memilih manik-manik itu supaya setiap gelang mempunyai 6 biji manik berbentuk bunga dan 3 biji manik berbentuk rama-rama?
How many ways can Husna choose the beads so that each bracelet contains 6 *flower beads and* 3 *butterfly beads.*

[2 markah */ 2 marks*]

11. Balqis, Hanim dan Nurul membeli beberapa barang untuk persiapan Hari Raya. Balqis membeli 3 peket dodol, 2 peket serunding ayam dan sekotak gula-gula dengan harga RM90.00. Hanim membeli 4 peket dodol, 3 peket serunding ayam dan sekotak gula-gula dengan harga RM122.00. Nurul membeli 6 peket dodol, sepeket serunding ayam dan 4 kotak gula-gula dengan harga RM148.00. Biar x, y, z masing-masing mewakili harga sepeket dodol, sepeket serunding ayam dan sekotak gula-gula.
Balqis, Hanim dan Nurul bought some items for the preparation of Hari Raya. Balqis bought 3 packets of 'dodol', 2 packets of chicken floss and a box of candy for RM 90.00. Hanim bought 4 packets of 'dodol', 3 packets of chicken floss and a box of candy for RM 122.00. Nurul bought 6 packets of "dodol', a packet of chicken floss and 4 boxes of candy for RM 148.00. Let x, y, z each represent the price of a packet of 'dodol', a packet of chicken floss and a box of candy.

(a) Bina satu sistem persamaan linear.
Construct a system of linear equation.

[2 markah/*2marks*]

(b) Tentukan harga seunit bagi setiap barang yang dibeli.
Find the unit price of each type of item purchases.

[5 markah/*5marks*]

Jawapan / *Answer:*

12.



Rajah 8 / *Diagram* 8

(a)

(i) Nyatakan fungsi dalam Rajah 8 ini diskret atau selanjar.
State the function in Diagram 8 is discrete or continuous.

(ii) Tentukan domain, kodomain dan julat bagi fungsi, f(x).
Determine the domain, codomain and the range of the function, f(x).

[4 markah/*4marks*]

(b) Diberi $g(x) = \frac{px-q}{rx}$, dengan keadaan p, q dan r ialah pemalar.
Given that $g(x) = \frac{px-q}{rx}$, *such that p, q and r are constants.*

(i) Ungkapkan $g^{-1}(x)$ dalam sebutan p, q dan r.

Express $g^{-1}(x)$ *in terms of p, q and r.*

(ii) Seterusnya, tentukan g^{-1} (x) bagi $g(x) = \frac{2x+1}{3x}$, $x \neq 0$.
Hence, determine the $g^{-1}(x)$ *of* $g(x) = \frac{2x+1}{3x}$, $x \neq 0$.

[3 markah/*3marks*]

Bahagian B
Section B

[16 markah / *16 marks]*

Jawab mana-mana **dua** soalan dari bahagian ini.
*Answer any **two** questions from this section*

13. Dalam satu latihan golf di sebuah dewan, Hanif memukul bola golf dari titik A dan ia jatuh ke dalam lubang pertama, titik B, seperti dalam Rajah 9.
In a golf practice in a hall, Hanif hits the golf ball from point A and it drops into the first hole, point B, as shown in Diagram 9.



Rajah 9 / *Diagram 9*

Fungsi $h(x) = -x^2 + 10x$ mewakili ketinggian yang dicapai bola golf, dalam meter. Ketinggian bumbung dewan itu ialah 50 m.
The function $h(x) = -x^2 + 10x$ represents the height achieved by the golf ball, in meters. The height of the roof of the hall is 50 m.

(a) Ungkapkan $h(x)$ dalam bentuk $h(x) = a(x+p)^2 + q$, di mana a, p dan q ialah pemalar.
Express h(x) in the form $h(x) = a(x+p)^2 + q$, where a, p and q are constants.

[3 markah/*3marks*]

(b) Nyatakan ketinggian maksimum yang dicapai oleh bola itu dalam meter.
State the maximum height achieved by the ball in meters.

[1 markah/*1marks*]

(c) Jika Hanif mahu bola golf itu jatuh ke dalam lubang ketiga, titik D, laluan bola itu akan melalui titik E yang berada 4 m di sebelah kanan titik A dan 32 m tegak di atas dari tanah. Tentukan sama ada bola yang dipukul oleh Hanif boleh sampai ke bumbung dewan itu dan berikan alasan anda.
If Hanif wants the golf ball to drop into the third hole, point D, the path of the ball will pass through point E which is 4 m to the right of point A and 32 m vertically above from the ground. Determine whether the ball hit by Hanif can reach the roof of the hall and give your reasons.

[4 markah/*4marks*]

Jawapan / *Answer:*

14 (a)(i) Jika a ialah sebutan pertama dan d ialah beza sepunya bagi suatu janjang aritmetik, tunjukkan bahawa hasil tambah n sebutan pertama bagi janjang itu ialah $S_n = \frac{n}{2}[2a + (n-1)d]$

If a is the first term and d is the common difference of an arithmetic progression, shows that the sum of the first n terms of the progression is

$S_n = \frac{n}{2}[2a + (n-1)d]$

[3 markah/*3marks*]

(ii) Diberi suatu janjang aritmetik 3, 7, 11, 15, …. cari hasil tambah *n* sebutan pertama.

Given an arithmetic progression 3, 7, 11, 15, ... find the sum of the first n terms.

[2 markah/*2marks*]

(b) Selesaikan persamaan

Solve the equation

$$3 + 7 + 11 + 15 + \ldots + x = 1275$$

[3 markah/*3marks*]

Jawapan / *Answer:*

15. Pak Samad mempunyai sebidang tanah berbentuk segi empat di mana yang berbentuk semi bulatan adalah kolam air dan bakinya adalah kawasan menternak itik seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 10 dan kawasan tersebut dipagari dengan dawai sepanjang 120 m. Diberi lebar segi empat adalah 2*x* m .
Pak Samad owns a piece of rectangular land in which the semicircle is a pond, and the rest of the area is used to rear ducks as shown in the Diagram 10 and this area is fenced with wire of 120 m length. Given the width of the land is 2x m.



Rajah 10 / *Diagram 10*

(a) Tunjukkan bahawa luas kawasan ternakan itik , dalam m², diberi oleh
Show that the area to keep the ducks, in m², is given by

$$L = 120x - 2x^2 - \frac{3}{2}\pi x^2$$

[3 markah/*3marks*]

(b) Cari nilai bagi *x*, bila L maksimum, dalam sebutan π
Find the value of x, when L is maximum, in term of π.

[2 markah/*2marks*]

(c) Semasa musim kemarau, kolam air mengalami penyejatan di mana kadar penyusutan permukaan kolam ialah 0.02 m²s^{-1} Hitungkan kadar perubahan jejari pada ketika jejari permukaan kolam ialah 8 m, dalam sebutan π.
During the drought season, the surface water of the pond is reduced with the rate of 0.02 m²s^{-1} *due to evaporization. Find the rate of change in radius at the instant when the radius is 8 m, in terms of π*

[3 markah/*3marks*]

Section A
***Bahagian* A**
[50 markah / *marks*]

Jawab **semua** soalan
*Answer **all** questions.*

1. Selesaikan persamaan serentak berikut:
Solve the following simultaneous equations:

$$3x - y = 2x^2 + 3y^2 - 5xy - 14 = 2$$

[5 markah]
[5 marks]

Jawapan /*Answer* :

2. (a) Diberi $m = log_b n$, nyatakan satu syarat bagi b.
Given $m = log_b n$, state one condition for b.

[1 markah]
[1 *mark*]

(b) Nilaikan $log_p \frac{p}{\sqrt{q}} + log_p \sqrt{pq}$.
Evaluate $log_p \frac{p}{\sqrt{q}} + log_p \sqrt{pq}$.

[3 markah]
[3 *marks*]

(c) Diberi $log_2 3 = x$ dan $log_{14} 6 = y$. Cari $log_2 7$ dalam sebutan x dan y.
Given $log_2 3 = x$ and $log_{14} 6 = y$. Find $log_2 7$ in terms of x and of y.

[2 markah]
[2 *marks*]

Jawapan /*Answer* :

3. (a) Diberi bahawa $x^5, x^{10}, x^{15}, x^{20}, \ldots$ ialah suatu janjang geometri dengan keadaan $0 < x < 1$. Hasil tambah hingga ketakhinggaan janjang ini ialah $\frac{1}{31}$. Cari

It is given that $x^5, x^{10}, x^{15}, x^{20}, \ldots$ *is a geometric progression such that* $0 < x < 1$. *The sum to infinity of this progression is* $\frac{1}{31}$. *Find*

(i) nisbah sepunya janjang ini dalam sebutan x,
the common ratio of this progression in terms of x,

[2 markah]
[2 *marks*]

(ii) nilai x.
the value of x.

[2 markah]
[2 *marks*]

(b) Diberi suatu janjang geometri terbentuk daripada tiga nombor positif dengan r > 1. Jika sebutan kedua janjang geometri tersebut digandakan, jujukan nombor yang baru akan membentuk suatu janjang aritmetik. Cari nisbah sepunya bagi janjang geometri tersebut.
Given a geometric progression is formed by three positive numbers which r > 1. If the second term of the geometric progression is doubled, the new numbers form an arithmetic progression. Find the common ratio of the geometric progression.

[3 markah]
[3 *marks*]

Jawapan /*Answer* :

4. Lengkung fungsi kuadratik $f(x) = -(x - p)^2 + 3q$ menyilang paksi-x pada titik-titik (-1,0) dan (5,0). Garis lurus $y = 9$ adalah tangen kepada titik maksimum lengkung itu.
The curve of a quadratic function $f(x) = -(x - p)^2 + 3q$ *intersects the x-axis at points* (-1,0) *and* (5,0). *The straight line* $y = 9$ *is tangent to the maximum point of the curve.*

(a) Cari nilai p dan nilai q. [3 markah]
Find the value of p and of q. [3 *marks*]

(b) Seterusnya, lakar graf $f(x)$ untuk $0 \leq x \leq 6$. [3 markah]
Hence, sketch the graph of f(x) for $0 \leq x \leq 6$. [3 *marks*]

(c) Tulis persamaan bagi lengkung, jika graf itu dipantulkan pada:
Write the equation of the curve, if the graph is reflected about :

(i) paksi-x [1 markah]
x-axis [1 *mark*]

(ii) paksi-y
y-axis [1 markah]
[1 *mark*]

Jawapan /*Answer* :

5. Rajah 1 menunjukkan sebuah sektor bulatan dengan pusat A.
The diagram 1 *shows a sector with centre A.*



Rajah 1 / *Diagram* 1

[Guna / *use* $\pi = 3.142$]

Persamaan BD ialah $3y + x = 9$. Cari
The equation of BD is $3y + x = 9$. *Find*

(a) jejari bagi sektor ABCD,
the radius of sector ABCD,

[2 markah]
[2 *marks*]

(b) $\angle$BAD, dalam radian,
$\angle$ *BAD, in radian,*

[2 markah]
[2 *marks*]

(c) luas bagi rantau berlorek itu.
the area of the shaded region.

[4 markah]
[4 *marks*]

Jawapan /*Answer* :

6. (a) Terbitkan identiti asas $sin^2x + kos^2x = 1$ [2 markah]
Derive the basic identity $sin^2x + cos^2x = 1$ [2 *marks*]

(b) (i) Lakarkan graf bagi $y = 1 - 2kos\frac{3}{2}x$ untuk $0 \leq x \leq 2\pi$ [3 markah]
Sketch the graph of $y = 1 - 2cos\frac{3}{2}x$ *for* $0 \leq x \leq 2\pi$ [3 *marks*]

(ii) Seterusnya, gunakan graf di b(i), lakar satu garis lurus yang sesuai untuk mencari bilangan penyelesaian bagi persamaan $\frac{5}{2} - 2cos\frac{3}{2}x \ -\frac{x}{\pi} = 0$ untuk $0 \leq x \leq 2\pi$. Nyatakan bilangan penyelesaian tersebut. [3 markah]
Hence, using the graph in b(i), sketch a suitable straight line to find the number of solutions to the equations $\frac{5}{2} - 2cos\frac{3}{2}x - \frac{x}{\pi} = 0$ *for* $0 \leq x \leq 2\pi$.
State the number of solutions. [3 *marks*]

Jawapan /*Answer* :

7. Rajah 2 menunjukkan sebuah segi tiga RST
Diagram 2 shows a triangle RST



Rajah 2 / *Diagram* 2

Titik L terletak di atas garis lurus TS dengan keadaan TS = 3TL. Diberi bahawa $\overrightarrow{RT} = 8\underset{\sim}{x}$ $\overrightarrow{RK} = 6\underset{\sim}{y}$, $\overrightarrow{KS} = 4\underset{\sim}{y}$ dan $\overrightarrow{RQ} = n\overrightarrow{RL}$

Point L lies on the straight line TS such that TS = 3TL. It is given that $\overrightarrow{RT} = 8\underset{\sim}{x}$, $\overrightarrow{RK} = 6\underset{\sim}{y}$, $\overrightarrow{KS} = 4\underset{\sim}{y}$ and $\overrightarrow{RQ} = n\overrightarrow{RL}$

(a) Ungkapkan dalam sebutan $\underset{\sim}{x}$ dan $\underset{\sim}{y}$ bagi
Express in terms of $\underset{\sim}{x}$ *and* $\underset{\sim}{y}$ *of*

(i) $\overrightarrow{TS}$ [3 markah]
[3 *marks*]

(ii) $\overrightarrow{TK}$ [3 *marks*]

(b) (i) Ungkapkan $\overrightarrow{TQ}$ dalam sebutan n, $\underset{\sim}{x}$ dan $\underset{\sim}{y}$. [2 markah]
Express $\overrightarrow{TQ}$ *in terms of n,* $\underset{\sim}{x}$ *and* $\underset{\sim}{y}$. [2 *marks*]

(ii) Seterusnya , cari nilai bagi *n* jika titik - titik T , Q dan K adalah segaris. [3 markah]
Hence , find the value of n if point T , Q and K are collinear. [3 *marks*]

Bahagian B
Section B
[30 markah / *marks*]

Jawab mana-mana **tiga** soalan.
*Answer any **three** questions.*

8. Gunakan kertas graf untuk menjawab soalan ini.
Use graph paper to answer this question.
Jadual 1 di bawah menunjukkan nilai-nilai dalam suatu eksperimen yang melibatkan % tumbesaran tumbuhan, *P*, dihubungkan dengan kepekatan hormone per juta, *R*, oleh persamaan $P = 200 + aR - bR^2$, dengan *a* dan *b* ialah pemalar.
The table 1 below shows the values in an experiment involving % growth of a plant, P, which is related to concentration of hormone per million, R, by the equation $P = 200 + aR - bR^2$, *such that a and b are constant*.

Kepekatan hormon per juta, *R* ***Concentration of hormone per million, R***	1	3	4	6	8	10
% tumbesaran tumbuhan, *P* ***% growth of a plant, P***	201	199.7	198	188	177	160

Jadual 1 / *Table* 1

(a) Plot graf $\frac{P-200}{R}$ melawan R , dengan menggunakan skala 2 cm kepada 2 unit pada paksi-*R* dan 2 cm kepada 1 unit pada paksi-$\frac{P-200}{R}$. Seterusnya lukis garis lurus penyesuaian terbaik.
Plot the graph of $\frac{P-200}{R}$ *against R, by using a scale of* 2 cm *to* 2 units *on the R-axis and* 2 cm *to* 1 unit *on the* $\frac{P-200}{R}$*-axis. Hence, draw the line of best fit.*

[4 markah]
[4 *marks*]

(b) Daripada graf , cari nilai
From the graph, find the value of
(i) *a*
(ii) *b*

[4 markah]
[4 *marks*]

(c) Tentukan % tumbesaran tumbuhan, *P* apabila kepekatan hormone per juta, *R* ialah 7.
Determine the % growth of a plant, P when the concentration of hormone per million, R is 7.

[2 markah]
[2 *marks*]

9. Rajah 3 menunjukkan sebuah segi empat tepat EFGH. Persamaan bagi garis lurus EF ialah $y = 2x + 7$. Cari
Diagram 3 shows a rectangle EFGH. The equation of the straight line EF is $y = 2x + 7$. Find



Rajah 3 / *Diagram* 3

(a) persamaan garis lurus HG, [2 markah]
the equation of the straight-line HG, [2 *marks*]

(b) persamaan garis lurus EH, [3 markah]
the equation of the straight-line EH, [3 *marks*]

(c) koordinat bagi titik H, [2 markah]
the coordinates of point H, [2 *marks*]

(d) luas dalam unit^2 , segi empat tepat EFGH. [3 markah]
the area, in units^2, of rectangle EFGH [3 *marks*]

10. (a) Suatu lengkung dengan fungsi kecerunan $2x - \frac{2}{x^2}$ mempunyai titik pegun di (k, 8).

A curve with gradient function $2x - \frac{2}{x^2}$ *has a stationary point at (k, 8).*

(i) Cari nilai k [2 markah]

Find the value of k [2 *marks*]

(ii) Seterusnya , dengan kaedah melakar garis tangent ,tentukan sama ada titik pegun ini titik maksimum atau titik minimum dengan memberi justifikasi anda, [3 markah]

Hence, by using sketching of tangent method , determine whether the stationary point is a maximum or a minimum point by giving your justification [3 *marks*]

(b) Rajah 4 di bawah menunjukkan garis lurus yang mempunyai x-pintasan sama dengan 1 menyentuh garis lengkung $x = y^2 + 10$ pada titik (k, 3) . Diberi luas kawasan berlorek ialah 9 $unit^2$. Dengan menggunakan kaedah pengamiran , cari nilai bagi k. [5 markah]

Diagram 4 *below shows a straight line with x-intercept 1 touches a curve* $x = y^2 + 10$ *at point* $(k,3)$ *. Given the area of shaded region is* 9 $unit^2$ *. By using integration method, find the value of k.* [5 *marks*]



Rajah 4 / *Diagram* 4

11. (a) Pemboleh ubah X bertaburan normal dengan min 12 dan sisihan piawai σ. Diberi skor-z ialah 2.25 apabila X=16.5. Cari
X is a continuous random variable which normally distributed with mean 12 and standard deviation σ. Given z-score is 2.25 when X = 16.5. Find

(i) nilai σ
value of σ

(ii) nilai m apabila $P(X < m) = 0.7145$
value of m when $P(X < m) = 0.7145$

[5 markah]
[5 *marks*]

(b) Kebarangkalian kelas 5 Arif menang perlawanan Futsal dalam perlawanan Futsal antara kelas ialah $\frac{3}{7}$. Jika kelas 5 Arif mengambil bahagian dalam 6 perlawanan, hitung kebarangkalian
The probability of class 5 Arif winning a Futsal match between classes is $\frac{3}{7}$. If class 5 Arif participates in 6 matches, calculate the probability

(i) Kelas 5 Arif kalah semua perlawanan
Class 5 Arif loss all match

(ii) Kelas 5 Arif menang lebih daripada 2 perlawanan
Class 5 Arif win more than 2 matches

[5 markah]
[5 *marks*]

Bahagian C

Section C

[20 markah / *marks*]

Jawab mana-mana **dua** soalan.
*Answer any **two** questions.*

12. Dalam Rajah 5, AB = 8.4 cm, BC = 10.2 cm, DA = 10 cm, ∠BCD = 76°25′ dan ∠DBC = 47°.
In diagram 5, $AB = 8.4\ cm, BC = 10.2\ cm, DA = 10\ cm$, $\angle BCD = 76^\circ 25'$ and $\angle DBC = 47^\circ$.



Rajah 5 / *Diagram 5*

(a) Hitung panjang dalam cm, bagi DB [3 markah]
Calculate the length, in cm, of DB [3 *marks*]

(b) $\angle ADB$, [2 markah]
[2 *marks*]

(c) Lakar sebuah ΔB′D′C′ yang mempunyai bentuk berbeza daripada ΔBDC dengan keadaan C′D′ = CD, B′D′ = BD dan ∠ C′B′D′ = ∠CBD. Seterusnya nyatakan sudut B′C′D′. [2 markah]
Sketch $\Delta B'D'C'$ which has a different shape from ΔBDC such that $C'D' = CD$, $B'D' = BD$ and $\angle C'B'D' = \angle CBD$. Hence state the angle of $B'C'D'$. [2 *marks*]

(d) luas sisiempat ABCD. [3 markah]
area of quadrilateral $ABCD$ [3 *marks*]

13. Jadual 2 menunjukkan harga, indeks harga dan komposisi berat bagi empat bahan utama, A, B, C dan D untuk membuat sejenis roti.
Table 2 *shows the prices, the price indices and the composition by weight for the four main ingredients, A, B, C and D used in making a type of bread.*

Bahan *Ingredient*	Harga(RM) per kg *Price(RM) per kg*		Indeks harga pada tahun 2012 berasaskan tahun 2011 *Price index in the year 2012 based on the year 2011*	Komposisi mengikut berat *Composition by weight*
	Tahun 2011 *Year 2011*	Tahun 2012 *Year 2012*		
A	8.00	12.00	*x*	3.85 kg
B			140	3.25 kg
C	4.00	5.00	125	700g
D	*y*	4.00	80	2.2 kg

Jadual 2 / *Table* 2

(a) Cari nilai-nilai bagi *x* dan *y*. [3 markah]
Find the values of x and y. [3 *marks*]

(b) Harga bahan B pada tahun 2012 adalah RM1.00 lebih daripada harganya pada tahun 2011. Hitungkan harga bahan B pada tahun 2012. [2 markah]
The price of ingredient B in year 2012 is RM1.00 more than its price in year 2011. Calculate the price of ingredient B in year 2012. [2 *marks*]

(c) (i) Hitung peratus perubahan bagi kos membuat roti pada tahun 2012 berbanding tahun 2011. [3 markah]

Calculate the percentage change for cost of making the bread in the year 2012 compared to the year 2011. [3 *marks*]

(ii) Kos untuk membuat roti itu pada tahun 2011 ialah RM4072. Hitung kos yang sepadan pada tahun 2013 jika kos semua bahan utama meningkat 15% dari tahun 2012 ke tahun 2013. [2 markah]

The cost of making the bread in the year 2011 was RM4072. Calculate the corresponding cost in the year 2013 if the cost for all main ingredients increased by 15% from year 2012 to year 2013. [2 *marks*]

14. Rajah 6 menunjukkan dua zarah P dan Q bergerak di sepanjang suatu garis lurus dengan keadaan sesaran zarah Q dari titik tetap O ialah $10\ m$. Zarah Q mula bergerak dari B dengan halaju $V_Q = 8 - 16t$ dan pada masa yang sama zarah P mula bergerak dari A dengan $S_P = 6t^2 - 9t - 12$ dengan keadaan t ialah masa, dalam saat, selepas kedua-dua zarah mula bergerak.
Diagram 6 shows two particles P and Q move along a straight line such that the displacement of the particle Q from a fixed point O is $10\ m$. Particle Q starts moving from B with velocity $V_Q = 8 - 16t$ and at the same time particle P starts moving from A with $S_P = 6t^2 - 9t - 12$ where t is the time, in seconds, after the two particles have started moving.



Rajah 6 / *Diagram* 6

(a) Nyatakan jarak, dalam m, antara A dan B. Tentukan zarah mana melalui titik tetap O dahulu. [4 markah]
State the distance, in m, between A and B. Determine which particle passes through the fixed point O first. [4 *marks*]

(b) Kedua-dua zarah bertemu selepas r saat. Cari nilai r. [2 markah]
The two particles meet after r seconds. Find the value of r. [2 *marks*]

(c) Cari jarak paling jauh, dalam m, antara zarah P dan zarah Q sepanjang gerakan itu.
Find the furthest distance, in m, between particle P and particle Q during the motion.
[4 markah]
[4 *marks*]

15. Syarikat *ABC* menganjurkan satu program 'Spell It Right'. Peserta bagi program tersebut terdiri daripada x orang murid sekolah rendah dan y orang murid sekolah menengah. Yuran penyertaan bagi seorang murid sekolah rendah ialah RM 100 manakala yuran penyertaan bagi seorang murid sekolah menengah ialah RM 120. Bilangan murid yang menyertai program ini adalah berdasarkan kekangan berikut :
ABC Company organizes a program 'Spell It Right'. Participants for the program consists of x primary school students and y secondary school students. The participation fee for a primary school student is RM 100 *while the participation fee for a secondary school student is* RM 120*. The number of students participating in this program is based on the following conditions:*

I Bilangan maksimum murid yang menyertai program itu ialah 90 orang.
The maximum number of students participating in the program is 90 *people.*

II Nisbah bilangan murid sekolah rendah kepada murid sekolah menengah adalah sekurang-kurangnya 1 : 2.
The ratio of the number of primary school students to secondary school students is at least 1:2.

III Jumlah yuran yang dikutip adalah tidak kurang daripada RM 6 000.
The total fee collected is not less than RM 6 000.

(a) Tulis tiga ketaksamaan linear yang memenuhi semua kekangan di atas selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$.
Write three linear inequalities that satisfy all of the above conditions except $x \geq 0$ and $y \geq 0$. [3 markah]
[3 *marks*]

(b) Dengan menggunakan skala 2 cm kepada 10 orang murid pada paksi-x dan paksi-y, bina dan lorekkan rantau R yang memenuhi semua kekangan di (a).
Using a scale of 2 cm *to* 10 *students on the x-axis and y-axis, construct and shade the region R that satisfies all the conditions in* (a). [3 markah]
[3 *marks*]

(c) Dengan menggunakan graf yang diperoleh di (b), cari
Using the graph obtained in (b), *find*

(i) bilangan minimum murid sekolah menengah jika nisbah bilangan murid sekolah rendah kepada murid sekolah menengah adalah 1 : 2.
the minimum number of secondary school students if the ratio of the number of primary school students to secondary school students is 1 : 2.

(ii) keuntungan maksimum yang diperoleh jika syarikat *ABC* memperoleh keuntungan sebanyak 20% daripada jumlah yuran yang dikutip.
the maximum profit earned if the company ABC earns a profit of 20% *of the total fees collected.* [4 markah]
[4 *marks*]

Jawapan /*Answer* :

PERLIS K1

Bahagian A/*Section A*
(64 markah/*marks*).
Jawab **semua** soalan/ *Answer **all** questions*

1. Selesaikan sistem persamaan linear yang berikut dengan menggunakan kaedah penghapusan .
Solve the following system of linear equations using the elimination method.

$$2x - 3y + z = 16$$

$$3x - y + 2z = 19$$

$$4x + 3y + 3z = 18$$

[5 markah/*marks]*

Jawapan/ *Answer*:

1

5

© 2022 Program Gempur Kecemerlangan SPM Negeri Perlis

2. Rajah 2 menunjukkan graf bagi fungsi $y = \frac{p}{x} + 1$, $x \neq 0$ dengan keadaan p ialah pemalar.

Diagram 2 shows the graph of the function $y = \frac{p}{x} + 1$, $x \neq 0$ *where* p *is a constant.*



Rajah 2 / *Diagram 2*

(a) Cari nilai p.

Find the value of p. [2 markah/ *marks*]

(b) Seterusnya, jika $y = f(x)$ dan fungsi $g: x \to (x-1)^2 + 2$. Cari

Hence, if $y = f(x)$ *and function* $g: x \to (x-1)^2 + 2$. *Find*

(i) $f^{-1}(x)$ [1 markah/ *mark*]

(ii) $f^{-1}g(2)$ [2 markah/*marks*]

[Lihat halaman sebelah

 © 2022 Program Gempur Kecemerlangan SPM Negeri Perlis

3. (a) Cari nilai bagi $\lim\limits_{x\to 6}\frac{x-6}{x^2-36}$.
Find the value of $\lim\limits_{x\to 6}\frac{x-6}{x^2-36}$

[2 markah / *marks*]

(a) Hitung koordinat bagi titik pada lengkung $y = 4x^2 - 12x + 9$ apabila tangennya mempunyai kecerunan 4.
Calculate the coordinates for the point on the curve $y = 4x^2 - 12x + 9$ *when its gradient of tangent is 4.*

[3 markah / *marks*]

Jawapan/ *Answer* :

(a)

(b)

3



4. Permudahkan
Simplify

$$\frac{2-\sqrt{3}}{2+\sqrt{3}}+\frac{8}{\sqrt{12}}$$

[4 markah */ marks*]

Jawapan*/ Answer*:

4



 © 2022 Program Gempur Kecemerlangan SPM Negeri Perlis

5. (a) Suatu nombor empat digit dibentuk daripada digit 2, 3, 5, 7 dan 8 tanpa ulangan. Berapakah bilangan nombor ganjil yang lebih daripada 6000 yang dapat dibentuk?
A four-digit number is formed using the digit 2, 3, 5, 7 and 8 without repetition. How many odd numbers that is more than 6000 can be formed?

[3 markah / *marks*]

(b) Sekumpulan 6 orang murid akan dipilih daripada 5 orang murid lelaki dan 4 orang perempuan untuk menyertai suatu persembahan. Cari bilangan cara berlainan murid tersebut boleh dipilih jika sekurang-kurangnya 2 orang murid perempuan mesti dipilih.
A group of 6 students is to be chosen from 5 boys and 4 girls to participate in a performance. Find the number of different ways the students can be selected if at least 2 girls must be selected.

[3 markah / *marks*]

Jawapan/ *Answer*:

(*a*)

(*b*)

5

6

© 2022 Program Gempur Kecemerlangan SPM Negeri Perlis

6. Diberi α dan β ialah punca-punca bagi persamaan kuadratik $3x^2 + 2x = 7$.
   Cari persamaan kuadratik baharu yang mempunyai punca-punca berikut.
   Given α and β are the roots of the quadratic equation $3x^2 + 2x = 7$. Find the new quadratic equations which have the following roots.

   (a) $\alpha + 1, \beta + 1$ [3 markah/*3 marks*]

   (b) $\frac{\alpha}{\beta}, \frac{\beta}{\alpha}$ [3 markah/*3 marks*]

Jawapan/ *Answer*:

6

6

© 2022 Program Gempur Kecemerlangan SPM Negeri Perlis

7. Satu garis lurus AB melalui titik $(m, 0)$ dan mempunyai kecerunan m. Cari
A straight line AB passes through a point $(m, 0)$ *and has a gradient of* m. *Find*

(a) Cari persamaan garis lurus AB dalam sebutan m.
Find the equation of the line in terms of m.

[1 markah/ *mark*]

(b) Cari nilai-nilai m jika garis AB melalui titik $(1, -6)$.
Find the values of m *if the line AB passes through the point* $(1, -6)$.

[2 markah/ *marks*]

(c) Cari persamaan garis lurus AB jika m ialah pemalar positif.
Seterusnya, cari koordinat titik-titik persilangan antara garis lurus AB dan lengkung $x^2 - y = 7 - 6x$.
Find the equation of the straight line AB if m *is a positive constant.*
Hence, find the coordinates of the intersection points between the straight line AB and the curve $x^2 - y = 7 - 6x$.

[3 markah/ *marks*]

[Lihat halaman sebelah
 © 2022 Program Gempur Kecemerlangan SPM Negeri Perlis

8. Asman baru sahaja menamatkan pengajian diploma dalam bidang perbankan. Dia ditawarkan kerja daripada dua buah bank yang berbeza. Bank P menawarkan gaji permulaan RM 45 000 setahun dengan kenaikan tahunan sebanyak 5% daripada gaji pokok. Bank Q menawarkan gaji permulaan RM 47 000 setahun dan kenaikan gaji sebanyak RM 2 000 setiap tahun.
Asman has just completed her diploma in banking field. She was offered a job from two different banks. Bank P offered her an initial salary of RM 45 000 per annum with 5% yearly increment from the basic salary. Bank Q offered an initial salary of RM 47 000 per annum with RM 2 000 increment yearly.

Asman bercadang untuk memilih bank yang menawarkan jumlah pendapatan yang paling tinggi dalam tempoh 5 tahun. Tentukan bank yang mana patut Asman pilih . Tunjukkan kiraan untuk menyokong jawapan anda. [Bundarkan jawapan kepada RM terhampir]
Asman decided to choose the bank which offered higher income in 5 years. Determine which bank should Asman choose. Show calculation to support your answer. [Round off your answer to the nearest RM]

[6 markah /*marks*]

Jawapan/ *Answer*:

8

6

9. Diberi $\frac{d^2y}{dx^2} = x + 3$, $\frac{dy}{dx} = 5$ dan $y = -11$ apabila $x = -2$. Ungkapkan y dalam sebutan x.

Given that $\frac{d^2y}{dx^2} = x + 3$, $\frac{dy}{dx} = 5$ *and* $y = -11$ *when* $x = -2$. *Express y in terms of x.*

(5 markah/*marks*)

Jawapan/ *Answer*:

9

5

 © 2022 Program Gempur Kecemerlangan SPM Negeri Perlis

10. Diberi bahawa $kos\ \alpha = \frac{-2}{3}$, $\sin\beta = \frac{1}{\sqrt{6}}$ dimana α dan β adalah dalam sukuan yang sama. Tanpa menggunakan kalkulator, cari nilai bagi $kos\ (\alpha + \beta)$.

It is given that $kos\ \alpha = \frac{-2}{3}$, $\sin\beta = \frac{1}{\sqrt{6}}$, *where* α *and* β *are in the same quadrant. Without using the calculator, find the value for* $cos\ (\alpha + \beta)$.

[5 markah/*marks*]

Jawapan/ *Answer*:

10

5

11. Rajah 11 menunjukkan sepotong tembikai dengan keratan sektor berpusat O.
The diagram 11 shows a piece of watermelon in a shape of a sector with centre O.



Rajah 11 / *Diagram 11*

Diberi bahawa panjang lengkok AB dan CD masing-masing ialah 20 cm dan 16 cm dengan bahagian ABCD tidak boleh dimakan. Jika AC = 2cm dan panjang potongan tembikai itu ialah 10 cm, cari

Given that the arc length of AB and CD is 20 cm and 16 cm respiectively with the portion ABCD is not edible. If AC =2 cm and the length of a piece of the watermelon is 10 cm, find

(a) Sudut Θ
The angle Θ

(b) Isi padu bahagian yang tidak boleh dimakan.
The volume of the area that cannot be eaten.

[7 markah / *marks*]

[Lihat halaman sebelah

 © 2022 Program Gempur Kecemerlangan SPM Negeri Perlis

12 Rajah 12 menunjukkan graf bagi taburan normal piawai
Diagram 12 shows a standard normal distribution graph.



Rajah 12/ *Diagram 12*

Diberi bahawa $P(z > k) = 0.7645$
It is given that $P(z > k) = 0.7645$

(a) Cari nilai k
Find the value of k

(b) Pemboleh ubah rawak selanjar X bertabur secara normal dengan min μ dan sisihan piawai *4.2.* Cari nilai μ jika skor-z bagi $X = 56.4$ ialah k
The continuous random variable X is normally distributed with a mean of μ *and a standard deviation 4.2. Find the value of* μ *if the z-score of* $X = 56.4$ *is k.*

[4 markah */marks*]

 © 2022 Program Gempur Kecemerlangan SPM Negeri Perlis

Bahagian B/*Section B*
(16 markah/*marks*)
Jawab **dua** soalan/ *Answer **two** questions*

13. (a) Diberi $p = \begin{pmatrix} 3 \\ 4 \end{pmatrix}$ dan $q = \begin{pmatrix} 6 \\ 2k-1 \end{pmatrix}$, cari nilai k dengan keadaan p dan q adalah selari.

Given $p = \begin{pmatrix} 3 \\ 4 \end{pmatrix}$ and $q = \begin{pmatrix} 6 \\ 2k-1 \end{pmatrix}$, find the value of k such that p and p are parallel.

[3 markah/*marks*]

(b)ABCD ialah sisi empat selari. T ialah titik tengah BC . Diberi $\overrightarrow{AB} = 2i + 3j$ dan $\overrightarrow{AT} = \frac{3}{2}i + j$ dengan keadaan I dan j ialah vector unit yang selari dengan paksi-x dan paksi-y.
ABCD is a parallelogram. T is the midpoint of BC. Given $\overrightarrow{AB} = 2i + 3j$ and $\overrightarrow{AT} = \frac{3}{2}i + j$ where i and j are unit vector that parallel to x-axis and y-axis.
Cari/ Find

(i) AD dalam sebutan i dan/atau j
AD in terms if i and/or j

(ii) Panjang DT.
The length of DT.

[5 markah/ *marks*]

[Lihat halaman sebelah

 © 2022 Program Gempur Kecemerlangan SPM Negeri Perlis

14 Diberi $y = \sqrt{x}(x-1)$, carikan nilai bagi $\frac{dy}{dx}$ apabila $x = 4$.

Given that $y = \sqrt{x}(x-1)$, *find the value of* $\frac{dy}{dx}$ *when* $x = 4$.

Seterusnya, hitungkan,

Hence, calculate

a) Perubahan kecil dalam y apabila x bertambah daripada 4 kepada 4.01.
The small corresponding change in y *when* x *increase from 4 to 4.01.*

b) Kadar perubahan dalam y yang sepadan pada ketika $x = 4$, jika kadar perubahan dalam x ialah 0.4 unit per saat.
Find the corresponding rate of change in y *at* $x = 4$ *, if the rate of change in* x *is 0.4 units per second.*

(8 markah/*marks*)

Jawapan/ *Answer*:

(*a*)

(b)

15. (a) Pemboleh ubah x dan y dihubungkan oleh persamaan $y = kx^3$, dengan keadaan k ialah pemalar. Graf garis lurus yang diperoleh dengan memplot $log_{10}y$ melawan $log_{10}x$ seperti yang ditunjukkan dalam rajah 5(a).
Additional Mathematics Panel SMK Seri Berlian would like to buy x reference books published by Company A and y reference books published by Company B. The price of a reference book published by Company A is RM12 *while a reference book published by Company B costs* RM16. *Purchases made are based on the following constraints:*

I Bilangan buku terbitan Syarikat B yang dibeli adalah sekurang-kurangnya 10 buah lebih dari Syarikat A.
The number of books published by Company B purchased is at least 10 more than Company A.

II Bilangan buku terbitan Syarikat A yang dibeli adalah lebih daripada 10 buah.
The number of books published by Company A purchased is more than 10.

III Kos pembelian tidak melebihi RM 960.
The purchase cost does not exceed RM 960.

(*a*) Tulis tiga ketaksamaan, selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memenuhi semua kekangan di atas. [3 *markah*]
Write three inequalities, other than $x \geq 0$ and $y \geq 0$, *which satisfy all the above constraints.* [3 *marks*]

(*b*) Menggunakan skala 2 cm kepada 10 buah buku pada kedua-dua paksi, bina dan lorek rantau ***R*** yang memenuhi semua kekangan di atas. [3 *markah*]
Using a scale of 2 cm *to* 10 *books on both axes, construct and shade the region* ***R*** *which satisfies all the above constraints.* [3 *marks*]

(*c*) Gunakan graf yang dibina di 14(*b*) untuk menjawab soalan-soalan berikut:
Use the graph constructed in 14(*b*) *to answer the following questions:*

(i) Cari jumlah buku maksimum yang boleh dibeli.
Find the maximum total number of books that can be purchased.

(ii) Tentukan kos minimum pembelian buku rujukan.
Determine the minimum cost of purchasing reference books.

[4 *markah*]
[4 *marks*]

Bahagian / *Section A*
[64 markah/*marks*]
Jawab **semua** soalan / *Answer **all** questions*

1. Dalam Rajah 1, O ialah pusat bagi lengkok AB dan CD. Diberi perimeter bagi seluruh rajah ialah 40 cm , $\angle DOC$ dan $\angle BOA$ masing-masing ialah λ radian dan μ radian, OD = 10cm dan OA = 6cm. Ungkapkan μ dalam sebutan λ.

In diagram 1, O is the centre of arcs AB and CD. Given the perimeter of the whole diagram is 40 cm, $\angle DOC$ and $\angle BOA$ are λ radian and μ radian respectively, OD = 10cm and OA = 6cm. Express μ in terms of λ.



Rajah 1 / *Diagram 1*

[2 m]

Jawapan / *Answer* :

1

2. Rajah 2 menunjukkkan sebahagian dari lengkung y melawan x. Diketahui x dan y dihubungkan oleh persamaan linear $\frac{y}{x} = k^2x + \frac{5}{h}$, dengan keadaan h dan k adalah pemalar.

Diagram 2 shows part of the curve of y against x. It is known that x and y are related by the linear equation $\frac{y}{x} = k^2x + \frac{5}{h}$, *where h and k are constants.*



Rajah 5 / *Diagram 5*

(a) Lakar garis lurus untuk persamaan $\frac{y}{x} = k^2x + \frac{5}{h}$.
Sketch the straight line graph for the equation $\frac{y}{x} = k^2x + \frac{5}{h}$.

[2 m]

(b) Cari nilai h dan k.
Find the values of h and of k.

[2 m]

Jawapan / *Answer* :

2

3. a) Selesaikan persamaan
Solve the equation

$$3^x = 162 - 3^x$$

[3 m]

b) Show that
Tunjukkan bahawa

$$3^{n+4} + 3^{n+5} + 3^n = 325(3^n)$$

[2 m]

Jawapan / *Answer* :

3

4. a) Cari nilai bagi $\underset{k\to 4}{had}\ \frac{k^2-16}{k-4}$

Find the value of $\lim_{k\to 4}\ \frac{k^2-16}{k-4}$ [2 m]

b) Diberi bahawa V = $y^2\left(3-\frac{2}{y}\right)$,Cari perubahan kecil dalam V apabila y berubah dari 2 kepada 1.99

Given that V = $y^2\left(3-\frac{2}{y}\right)$*,find the small change in V when y changes from 2 to 1.99*

[2 m]

Jawapan */ Answer :*

4

5. Rajah 5 menunjukkan sebahagian graf fungsi kuadratik , $f(x) = ax^2 - 8x + c$, dengan keadaan a dan c ialah pemalar

Diagram 5 shows part of a quadratic function graph $f(x) = ax^2 - 8x + c$ *where a and c are constants*



Rajah 5 / *Diagram* 5

(a) Nyatakan julat nilai x jika $f(x) > 0$.
State the range of values of x if $f(x) > 0$. [2 *m*]

(b) Ungkapkan julat nilai a dalam sebutan c.
Express the range of values of a in terms of c. [2 m]

(c) Buktikan bahawa $\frac{m+n}{mn} = \frac{8}{c}$
Prove that $\frac{m+n}{mn} = \frac{8}{c}$ [3 m]

Jawapan / *Answer* :

6. Rajah 6 menunjukkan sebuah bulatan berpusat 0 dengan jejari 5 cm. Diberi OQTC ialah sebuah segi empat tepat dengan luas 40 cm^2, cari
The diagram 6 shows a circle with centre O and the radius of 5 cm. Given OQTC is a rectangle with an area of 40 cm^2, find



Rajah 6 / *Diagram 6*

Guna / *Use* π = 3.142

a) nilai Θ, dalam radian,
the value of Θ, in radians,

b) luas sector OAB,
the area of the sector OAB,

c) perimeter kawasan berlorek.
the perimeter of the shaded region.

[6m]

Jawapan / Answer :

6

7. Dalam Rajah 9, ABCD ialah sebuah sisi empat dan M ialah titik tengah bagi pepenjuru BD.
In Diagram 9, ABCD is a quadrilateral and M is the midpoint of the diagonal BD.



Rajah 9 / *Diagram 9*

Diberi bahawa $\overrightarrow{AB} = \underline{u} + 6\underline{v}$, $\overrightarrow{AD} = 7\underline{u} - 2\underline{v}$, dan $\overrightarrow{DC} = 3k\underline{v} - \underline{u}$,dengan keadaan *k* ialah pemalar.
It is given $\overrightarrow{AB} = \underline{u} + 6\underline{v}$, $\overrightarrow{AD} = 7\underline{u} - 2\underline{v}$, *dan* $\overrightarrow{DC} = 3k\underline{v} - \underline{u}$, *where k is a constant.*

(a) Ungkapkan dalam sebutan $\underline{u}$ dan $\underline{v}$
Express in terms of $\underline{u}$ *and* $\underline{v}$
(i) $\overrightarrow{BM}$ (ii) $\overrightarrow{AM}$ [3 *m*]

(b) Cari $\overrightarrow{AC}$ dalam sebutan *k*, $\underline{u}$ dan $\underline{v}$
Seterusnya, cari nilai *k* jika A, M dan C adalah segaris.
Find $\overrightarrow{AC}$ *in terms of k,* $\underline{u}$ *dan* $\underline{v}$.
Hence, find the value of k if A, M dan C are collinear. [3 m]

Jawapan / *Answer :*

7

8. Titik -titik *A (2h ,h), B(p, t)* dan *C(2p, 3t)* terletak pada satu garis lurus. Diberi AB = $\frac{2}{5}AC$,
The points A(2h,h), B(p,t) dan C(2p,3t) lie on a straight line. Given AB = $\frac{2}{5}AC$,

(a) Ungkapkan p dalam sebutan t
Express p in term of t [3 m]

(b) Diberi kecerunan AC adalah 3 dan t = 1. Cari persamaan garis lurus yang berserenjang dengan AC dan melalui titik B.
Given the gradient of AC is 3 and t = 1. Find the equation of the straight line that peependicular to AC and passes through point B [3 m]

Jawapan/Answer :

8

9. (a) Diberi bahawa $y = \frac{2x-1}{x^2}$ dan $\frac{dy}{dx} = 2g(x)$ dengan keadaan fungsi g(x) ialah sebutan x. Cari nilai bagi $\int_{-1}^{1} g(x)\ dx$.

Given that $y = \frac{2x-1}{x^2}$ *and* $\frac{dy}{dx} = 2g(x)$ *such that g(x) is a function of x. Find the value of* $\int_{-1}^{1} g(x)\ dx$.

[3 m]

(b) Diberi $\int_4^{10} f(x)\ dx = 7$, cari $\int_4^5 f(x)\ dx + \int_5^7 f(x)\ dx - \int_{10}^7 f(x)\ dx$.
Given $\int_4^{10} f(x)\ dx = 7$, *find* $\int_4^5 f(x)\ dx + \int_5^7 f(x)\ dx - \int_{10}^7 f(x)\ dx$.

[2 m]

Jawapan / *Answer* :

10. Rajah 10 di bawah menunjukkan sebahagian daripada susunan batu bata yang sama saiz pada dinding yang dibina oleh Zainal.
The diagram 10 shows part of the arrangement of bricks of equal size on a wall built by Zainal.



Rajah 10 */ Diagram 10*

Bilangan batu bata pada baris yang paling bawah ialah 80 ketul. Bagi baris-baris yang berikut, bilangan batu bata adalah kurang 2 daripada baris yang dibawahnya.Tinggi setiap batu bata ialah 7cm. Bilangan batu bata pada baris yang paling atas ialah 6 ketul. Hitung
The number of bricks in the bottom row is 80. For the next rows, the number of bricks is 2 less than the row below. The height of each brick is 7 cm. The number of bricks in he top row is 6. Calculate

a) tinggi, dalam cm, dinding itu.
the height, in cm, of the wall.

b) jumlah harga bagi batu bata yang digunakan jika harga seketul batu bata ialah 50sen.
the total cost of the bricks used if the price of a brick is 50 sen.

[6 m]

Jawapan / *Answer :*

10

11. (a) Selesaikan
Solve

$$^{n}C_{2} = 36$$

[4 m]

(b) Cari bilangan cara nombor empat digit yang boleh dibentuk daripada digit-digit 2, 3, 4, 5 dan 6 tanpa ulangan jika nombor itu mesti
Find the number of ways to form four-digit numbers from the digits 2, 3, 4, 5 and 6 without repetition if the numbers must be

(i) kurang daripada 4000,
less than 4000,

(ii) nombor-nombor genap.
even numbers.

[3 m]

Jawapan / *Answer :*

12. Diberi X=$\{0,1,2,3,4\}$ ialah pemboleh ubah rawak diskret dengan taburan kebarangkalian diberi dalam jadual berikut.

Given X=$\{0,1,2,3,4\}$ is a discrete random variable with the probability distrinution given in the table below.

$X = r$	0	1	2	3	4
$P(X = r)$	a	b	$a + b$	$b + a$	0.1

(a) Jika b = 2a, cari nilai a dan nilai b.
If b = 2a, find the values of a and b.

(b) Cari P ($X > 1$).
Find P ($X > 1$).

[4 m]

Jawapan / *Answer :*

Bahagian / *Section B*
[16 markah/*marks*]
Jawab mana-mana **dua** soalan dari bahagian ini
*Answer any **two** questions from this section*

13. Diberi fungsi $f : x \to \frac{x+m}{x-8}, x \neq k$, dengan keadaan m ialah pemalar.

Given function $f : x \to \frac{x+m}{x-8}, x \neq k$ *, where m is a constant.*

(a) nyatakan nilai k,
state the value of k, [1 m]

(b) Diberi nilai 10 dipetakan kepada dirinya sendiri dibawah fungsi f. Cari
Given that 10 maps onto itself under the function f. Find

(i) nilai m,
the value of m, [3 m]

(ii) $f^{-1}(x)$ [2 m]

(iii) nilai p, diberi $\frac{1}{2} f^{-1}(p) = 1.$

value p, given $\frac{1}{2} f^{-1}(p) = 1.$ [2 m]

Jawapan / *Answer* :

14. (a) Diberi kos $\theta = 0^0 < \theta < 90^0$, ungkapkan dalam sebutan *k,*
Given cos θ =k, $0^0 < \theta < 90^0$, *express in terms of k*

(i) sek 2 θ
(ii) sin $(90^0 - \theta)$

[4 m]

(b) Selesaikan $4\ cos\ 4\theta\ +\ 2\ cos\ 2\theta\ + 1 = 0$ untuk $0° \leq \theta \leq 360°$.
Solve $4\ cos\ 4\theta\ +\ 2\ cos\ 2\theta\ + 1 = 0$ *for* $0° \leq \theta \leq 360°$.

[4 m]

Jawapan / *Answer* :

15. Diberi bahawa *(3k, -2p)* dan $(\frac{m}{9}, \frac{n}{9})$ adalah penyelesaian persamaan serentak bagi $x - y - 1 = 0$ dan $\frac{4y}{3x} - \frac{10x}{3y} = 1$. Cari nilai bagi k, m , n dan p.

Given that (3k, -2p) and $(\frac{m}{9}, \frac{n}{9})$ *are the solutions of the simultaneous equations* $x - y - 1 = 0$ *and* $\frac{4y}{3x} - \frac{10x}{3y} = 1$. *Find the values of k, m , n and p.*

[8 m]

Jawapan / *Answer* :

15

Bahagian A
Section A

[50 markah/ *marks*]

Jawab **semua** soalan.
*Answer **all** questions.*

1. Sebuah bakeri membuat tiga jenis kek dengan kos bulanan ialah RM7 750 untuk 245 biji kek. Kos untuk membuat sebiji kek pisang, sebiji kek lobak merah dan sebiji kek coklat masing-masing ialah RM20, RM30 dan RM40. Harga jualan bagi sebiji kek pisang, sebiji kek lobak merah dan sebiji kek coklat masing-masing ialah RM25, RM35 dan RM50. Jika bakeri itu mensasarkan keuntungan sebanyak RM1 725 setiap bulan, berapakah bilangan setiap jenis kek yang perlu dibuat?

   A bakery bakes three types of cakes, with the monthly cost being RM7 750 for 245 cakes. The costs for baking a banana cake, a carrot cake and a chocolate cake are RM20, RM30 and RM40 respectively. The selling prices of a banana cake, a carrot cake and a chocolate cake are RM25, RM35 and RM50 respectively. If the bakery intends to make a profit of RM1 725 monthly, how many cakes of each type should be bake?

   [7m]

Jawapan/*Answer (1):*

2. (a) Permudahkan/ *Simplify* $\frac{5+\sqrt{7}}{5-\sqrt{7}}$.

[3m]

(b) Selesaikan/ *Solve* $3^{x-4} = 50^{x-3}$.
Berikan jawapan anda betul kepada 3 tempat perpuluhan.
Give your answer correct to 3 decimal places.

[3m]

Jawapan/*Answer (2):*

3. Muiz mula bekerja di sebuah syarikat pada 1 Januari 2022 dengan permulaan gaji tahunan sebanyak RM 22800. Setiap bulan Januari, syarikat itu menaikkan gajinya sebanyak 3.5 % daripada gaji tahunan sebelumnya. Beri jawapan anda betul kepada dua titik perpuluhan.

   Muiz started working for a company on 1 January 2022 with an initial annual salary of RM 22800. Every January, company increased his salary by 3.5 % of the previous year's salary. Give your answer correct to two decimal places.

   Hitung
   Calculate

   (a) gaji tahunannya, dalam RM, untuk tahun 2027
   his annual salary, in RM, for the year 2027

   [2 m]

   (b) jumlah gaji, dalam RM, yang telah dibayar kepadanya oleh syarikat itu, untuk tahun 2022 hingga 2027.
   the total salary, in RM, paid to him by the company, for the years 2022 to 2027.

   [2 m]

   (c) nilai minimum n supaya gaji tahunannya pada tahun ke-n akan melebihi RM40 000.
   the minimum value of n such that his annual salary in the nth year will exceed RM40 000.

   [3 m]

Jawapan/*Answer (3):*

4. Diberi bahawa persamaan kuadratik $3x^2 - 5x - 2 = 0$, mempunyai punca – punca α dan β dengan keadaan $\alpha > 0 \; dan \; \beta < 0$.

It is given that the quadratic equation $3x^2 - 5x - 2 = 0$, *has roots α and β where* $\alpha > 0 \; and \; \beta < 0$.

a) Cari hasil tambah punca dan hasil darab punca.
Find sum of roots and product of roots.

[2 m]

b) Bentukkan persamaan kuadratik yang mempunyai punca $\alpha - 1$ dan $\beta + \frac{3}{4}$
Form quadratic equations with the roots $\alpha - 1$ and $\beta + \frac{3}{4}$

[4 m]

Jawapan/*Answer (4):*

5.

a) Buktikan identity $1 - 2sin^2\theta = 2kos^2\theta - 1$

Derive the identity $1 - 2sin^2\theta = 2kos^2\theta - 1$ [2m]

b) i) Lakarkan graf $y = -3\sin 2x + 1$ untuk domain $0 \leq x \leq 2\pi$
Sketch the graph of $y = -3\sin 2x + 1$ *for the domain* $0 \leq x \leq 2\pi$ [3m]

ii) Seterusnya, lakarkan satu garis lurus yang sesuai pada paksi yang sama untuk menyelesaikan persamaan $2\pi - x - 1 = -3\sin 2x$
Hence, sketch a suitable straight line on the same axes to solve the equation $2\pi - x - 1 = -3\sin 2x$ [3m]

Jawapan/*Answer (5):*

6. Penyelesaian secara lukisan berskala tidak diterima.
Solutions by scale drawing is not accepted.

Rajah di bawah menunjukkan sebuah sisi empat $ABCD$, dengan $A(-9,9)$, $D(1,9)$ dan titik $M(-5,3)$ adalah titik tengah AC. Titik B terletak pada pembahagi dua sama serenjang AC.
Diagram below shows a quadrilateral $ABCD$, such that $A(-9,9)$, $D(1,9)$ and point $M(-5,3)$ is a midpoint of AC. Point B lies on the perpendicular bisector of AC.



(a) Cari persamaan pembahagi dua sama serenjang *AC*
Find of equation of perpendicular by sector of AC

[2m]

(b) Cari luas segi empat *ABCD*
Find the area of quadrilateral ABCD

[3m]

(c) Bulatan Z mewakili lokus titik P yang bergerak dengan keadaan jaraknya dari titik *A* adalah sentiasa tetap dengan jarak nya 10 unit. Cari persamaan bulatan Z. Seterusnya, tentukan sama ada titik *B* berada di atas lokus bulatan Z atau tidak.
The circle Z represent the locus of moving point P that moves such that its distance from point A is always constant with a distance of 10 units. Find the equation of circle Z. Hence, determine whether point B is on the locus of the circle Z or not.

[3m]

Jawapan/*Answer (6):*

7. Rajah di sebelah menunjukkan sebahagian daripada lengkung $y = x(x-2)^3$.
The diagram on the right shows a part of the curve $y = x(x-2)^3$



(a) Cari ungkapan bagi $\frac{dy}{dx}$.
Find and expression for $\frac{dy}{dx}$.

[2m]

(b) Cari koordinat titik bagi dua titik pegun P dan Q.
Find the coordinates of the two stationary points, P *and* Q.

[4m]

(c) Seterusnya, tentukan titik pegun mana yang merupakan titik lengkuk balas.
Subsequently, determine which stationary point is a point of inflection.

[2m]

Jawapan/*Answer (7)*:

Bahagian B
Section B

[30 marks/ *marks*]
Jawab mana-mana **tiga** soalan daripada bahagian ini.
*Answer any **three** questions from this section.*

8.



Rajah 8a

a) Rajah 8 a menunjukkan graf $x = -(y + 1)(y - 3)$. Calculate the area of shaded region.

Diagram 8 a shows graph $x = -(y + 1)(y - 3)$*. Hitung luas rantau berlorek.*

[4m]



Rajah 8 b

b) Rajah 8 b menunjukkan garis lurus $x + y = 5$ bersilang dengan garis lengkung $y = \frac{4}{x}$, $x > 0$ pada titik A dan titik B.

Diagram 8 b shows the straight line $x + y = 5$ *intersects with the curve* $y = \frac{4}{x}$*,* $x > 0$ *at point A and point B*

i) Cari koordinat titik A dan titik B.
Find the coordinates of point A and B

ii) Rantau yang dibatasi oleh lengkung $y = \frac{4}{x}$ dan garis lurus AB dikisarkan pada paksi-*x*. Hitung isipadu dalam sebutan π, bagi pepejal kisaran yang terhasil.

The region boundedby the curve $y = \frac{4}{x}$ *and straight line AB revolved at the x-axis. Calculate the volume in terms of* π*, of the solid generated.*

[6m]

9. Gunakan kertas graf untuk menjawab soalan ini.
Use graph paper to answer this question.

Pemboleh ubah x dan y dihubungkan oleh persamaan $y = mn^{-x}$, dengan keadaan m dan n ialah pemalar. Nilai-nilai pemboleh ubah, x dan y yang diperoleh daripada eksperimen ditunjukkan dalam Jadual 1. Salah satu daripada nilai y tersalah catat.
The variables x and y are related by the equation $y = mn^{-x}$, where m and n are constants. The values of variables x and y obtained from an experiment shown in Table 1. One of the values of y is wrongly recorded.

x	1	2	3	4	5	6	7
y	56.2	29.9	25.1	8.91	6.31	3.35	1.78

Jadual 1 / *Table 1*

a) Plot $log_{10}\, y$ melawan x, menggunakan skala 2cm kepada 1 unit pada paksi-x dan 2 cm kepada 0.2 unit pada paksi-$log_{10}\, y$. Seterusnya lukis garis lurus penyuaian terbaik.

Plot $log_{10}\, y$ against x, using a scale of 2 cm to 1 unit on the x-axis and 2 cm to 0.2 unit on the $log_{10}\, y$-axis. Hence, draw the line of best fit.

[4m]

b) Gunakan graf anda di soalan(a) untuk mencari
Use the graph in question 15(a) to find

(i) nilai y yang tersalah catat dan nyatakan nilai y yang betul.
the value of y that is wrongly recorded and state the correct value of y.

[1m]

(ii) nilai m dan n.
the value of m and n.

[5m]

Jawapan/*Answer (9)*:

10. (a) Didapati bahawa 20% daripada murid sekolah rendah di daerah Muar mengalami kekurangan zat makanan.
It is found that 20% of primary school students in Muar district suffer from malnutrition.

(i) Jika jumlah murid yang mengalami kekurangan zat makanan adalah 50, hitung jumlah keseluruhan murid sekolah rendah di daerah tersebut.
If the number of students suffering from malnutrition is 50, calculate the total number of primary school students in the district.

(ii) Jika 10 orang murid dari daerah ini dipilih secara rawak, cari kebarangkalian bahawa tepat empat orang murid mengalami kekurangan zat makanan.
If 10 students from the district are selected at random, find the probability that exactly 4 of them are malnutrition.

[4m]

(b) Jisim bayi yang dilahirkan di sebuah hospital bertaburan normal dengan min 3.1kg dan varians 0.09 kg.
The masses of babies born in a hospital are normally distributed with a mean of 3.1 kg and variance 0.09 kg.

(i) Cari kebarangkalian bahawa seorang bayi yang lahir di hospital itu mempunyai jisim antara 2.9 kg dengan 3.3 kg.
Find the probability that a baby born in that hospital has a mass between 2.9 kg and 3.3 kg.

(ii) Jika 25% daripada bayi yang dilahirkan di hospital tersebut dikatogerikan sebagai kurang berat, cari jisim maksimum bagi kategori ini.
If 25% of babies born in that hospital are categorised as underweight, find the maximum mass of this category.

[6 m]

Jawapan/*Answer (10):*

11. Rajah 3 menunjukkan segi tiga OAQ dan OPB dengan keadaan titik P berada pada OA dan titik Q di OB. Garis lurus AQ dan garis lurus PB bersilang pada titik R.
Diagram 3 shows triangles OAQ and OPB where point P lies on OA and point Q lies on OB. The straight lines AQ and PB intersect at point R.



Rajah 3
Diagram 3

Diberi bahawa $\overrightarrow{OA} = 18\underset{\sim}{x}$ dan $\overrightarrow{OB} = 16\underset{\sim}{y}$, $OP:PA = 1:2, OQ:QB = 3:1$, $\overrightarrow{PR} = m\overrightarrow{PB}$ dan $\overrightarrow{QR} = n\overrightarrow{QA}$, dengan keadaan m dan n ialah pemalar.

It is given that $\overrightarrow{OA} = 18\underset{\sim}{x}$ *and* $\overrightarrow{OB} = 16\underset{\sim}{y}$, $OP:PA = 1:2, OQ:QB = 3:1$, $\overrightarrow{PR} = m\overrightarrow{PB}$ *and* $\overrightarrow{QR} = n\overrightarrow{QA}$, *where m and n are constants.*

a) Ungkapkan $\overrightarrow{QR}$ dalam sebutan
Express $\overrightarrow{QR}$ *in terms of*
i) $m, \underset{\sim}{x}, \underset{\sim}{y}$
ii) $n, \underset{\sim}{x}, \underset{\sim}{y}$

[4m]

b) Seterusnya, cari nilai m dan nilai n.
Hence, find the value of m and n.

[4m]

c) Diberi $\left|\underset{\sim}{x}\right| = 2\ unit$ dan $\left|\underset{\sim}{y}\right| = 1\ unit$ dan OA berseranjang kepada OB, hitung $\left|\overrightarrow{PR}\right|$.
Given $\left|\underset{\sim}{x}\right| = 2\ unit$ *and* $\left|\underset{\sim}{y}\right| = 1\ unit$ and OA berserenjang kepada OB, hitung $\left|\overrightarrow{PR}\right|$.

[2m]

Jawapan/*Answer (11):*

Bahagian C
Section C

[20 markah/*marks*]

Jawab **dua** soalan dalam bahagian ini.
*Answer **two** questions in this section.*

12. Gunakan kertas graf untuk menjawab soalan ini.
Use a graph paper to answer this question.

Siti ditugaskan untuk menyediakan hadiah sempena Minggu STEM. Dia dikehendaki membeli *x* set pen dan *y* set buku nota. Harga bagi satu set pen ialah RM 3 dan harga bagi set buku nota ialah RM 4. Pembelian hadiah tersebut adalah berdasarkan kekangan berikut:

Siti is assigned to prepare prizes in conjunction with STEM Week. She is required to purchase x set of pens and y set of notebooks.The price for a set pens is RM 3 and price for a set of notebooks is RM 4. The purchase of the price is based on the following constraints :

I Jumlah bilangan set pen dan set buku nota mesti melebihi 40.
The total number of set of pens and set of notebooks must be more 40.

II Jumlah peruntukan ialah RM 400.
The total allocation is RM 400.

III Bilangan set pen melebihi bilangan set buku nota selebih-lebihnya 10.
The number of set of pens exceed the number of notebooks by at most 10..

a). Tulis tiga ketaksamaan, selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memenuhi semua kekangan di atas.
Write three inequalities, other than $x \geq 0$ and $y \geq 0$, which satisfy all the above constraints.

[3 m]

b). Dengan menggunakan skala 2 cm kepada 10 set pada kedua-dua paksi, bina dan lorek rantau R yang memenuhi semua kekangan di atas.
Using a scale of 2 cm to 10 sets on the both axes, construct and shade the region R which satisfies all the above constraints.

[3 m]

c). Gunakan graf anda di (b) untuk mencari
Use your graph in (b), to find

(i). baki minimum peruntukan, jika bilangan set pen yang dibeli adalah sama dengan bilangan set buku nota.
The minimum balance of the allocation, if the number of set of pens purchased is equal to the number of set of notebook.

(ii). bilangan set pen yang boleh dibeli jika Siti membelanjakan RM 50 untuk kertas pembalut.
The maximum number of set of pens that can be purchased if Siti spent RM 50 for wrapping paper.

[4 m]

13. Penyelesaian secara lukisan berskala tidak diterima.
Solutions by scale drawing is not accepted.

Rajah dibawah, menunjukkan sisi empat kitaran *ABCD*.
Diagram below, shows a cyclic quadrilateral ABCD.



(a) Hitung
Calculate

(i) panjang, dalam cm, bagi *AC*
the length, in cm, of AC

[2m]

(ii) $\angle ACD$

[3m]

(b) Cari
Find

(i) Luas dengan menggunakan rumus Heron, dalam cm^2, bagi ΔABC
the area using Herons formula, in cm^2, of ΔABC

[2m]

(ii) jarak terdekat, dalam cm, dari titik *B* ke *AC*
the shortest distance, in cm, from point B to AC

[3m]

Jawapan/ *Answer (13)*:

14. Jadual di bawah menunjukkan maklumat berkaitan empat bahan P, Q, R dan S yang digunakan dalam pembuatan alat permainan. Peratus penggunaan bahan Q tidak ditunjukkan.
The table below shows the information related to four materials, P, Q, R and S used in making a toy. The percentage of usage of material Q is not shown.

Bahan *Materials*	Perubahan indeks harga dari tahun 2016 ke tahun 2019 *Change in price index from the year 2016 to year 2019*	Peratus penggunaan (%) *Percentage usage (%)*
P	Menyusut 10% *Reduced by 10%*	50
Q	Menokok 60% *Increased 60%*	k
R	Menokok 40% *Increased 40%*	10
S	Menokok 20% *Increased 20%*	10

Kos pengeluaran bagi alat permainan ini adalah RM61 750 pada tahun 2019.
The production cost of the toy was RM61 750 in the year 2019.

a) Jika harga bahan R pada tahun 2016 ialah RM8.50, cari harganya pada tahun 2019.
If the cost of material R in the year 2016 was RM8.50, find the cost in the year 2019.

b) Hitung kos pengaluaran yang sepadan pada tahun 2016.
Calculate the corresponding production cost in the year 2016.

c) Kos pengeluaran dijangka akan meningkat sebanyak 65% dari tahun 2019 ke tahun 2021. Hitung peratus perubahan dalam kos pengeluaran dari tahun 2016 ke tahun 2021.
The production cost is expected to increase by 65% from the year 2019 to the year 2021. Calculate the percentage change in the production cost from the year 2016 to the year 2021.

[10 m]

Jawapan/ *Answer (14)*:

15. Pecutan, $a\ ms^{-2}$, bagi suatu zarah yang bergerak di sepanjang garis lurus diberi oleh $a = 8 - 2t$, dengan keadaan t ialah masa dalam saat selepas melalui satu titik tetap O. Diberi halajunya ialah 16 ms^{-1} apabila t=2. Cari,

The acceleration, $a\ ms^{-2}$, of a particle that moves along a straight line is given by $a = 8 - 2t$, where t is the time in seconds after passing through a fixed point O. It is given that its velocity is 16 ms^{-1} when t=2. Find,

a) halaju awal zarah itu / *the initial velocity of the particle* [4m]
b) halaju maksimum zarah itu / *the maximum velocity of the particle.* [3m]
c) jarak yang dilalui dalam saat ke-3 / *the distance travelled in the 3^{rd} second.* [3m]

Jawapan/ *Answer (15)*:

KERTAS SOALAN TAMAT
END OF QUESTION PAPER

TANGKAK K1

Bahagian A
[64 Markah]

Jawab **semua** soalan

1. Dalam Rajah 1, menunjukkan sebuah sektor bagi bulatan dengan pusat *O*.
Diagram 1, shows a sector of a circle with centre O.



Rajah 1

Sektor itu dibentuk dengan seutas wayar sepanjang 95 cm. Diberi panjang lengkok *PQ* ialah 55 cm, cari $\angle POQ$ dalam radian.
The sector is formed from a piece of wire of length 95 cm. It is given that the length of arc PQ is 55 cm, find $\angle POQ$ in radians.

. [2 markah/marks]

Jawapan/*Answer :*

2. Rajah 2 menunjukkan sebahagian daripada graf *y* melawan *x*.
Diagram 2 shows part of the graph y against x.



Rajah 2 / *Diagram 2*

Diketahui bahawa persamaan bentuk linear yang menghubungkan pembolehubah x dan y ialah $\frac{y}{x} = ax + b$, dengan keadaan a dan b ialah pemalar.

It is knew that the linear equation that related variables x and y is $\frac{y}{x} = ax + b$*, where a and b are constants.*

(a) Lakar graf garis lurus bagi persamaan $\frac{y}{x} = ax + b$.

Sketch a straight line graph of the equation $\frac{y}{x} = ax + b$.

[1 markah/ mark]

(b) Cari nilai a dan nilai b.
Find the value of a and of b.

[3 markah/ marks]

Jawapan/*Answer :*

3. (a) Diberi bahawa $2^y = p$ dan $3^y = q$, ungkapkan $81^{2y} - 4^{2y}$ dalam sebutan p dan q.
Given that $2^y = p$ *and* $3^y = q$, *express* $81^{2y} - 4^{2y}$ *in terms of p and q.*

[2 markah/ *marks*]

(b) Tunjukkan bahawa $6^{m+2} + 6^{m+1} - 18\left(6^m\right)$ boleh dibahagikan tepat dengan 24 bagi semua nilai integer positif m.
Show that $6^{m+2} + 6^{m+1} - 18\left(6^m\right)$ *is divisible by* 24 *by all positive integer values of m.*

[3 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer :*

4. Isi padu air, $V\ cm^3$, dalam sebuah bekas diberi oleh $V = \frac{1}{3}h^3 + 8h$, di mana $h\ cm$ ialah tinggi air dalam bekas itu. Air dituang ke dalam bekas tersebut pada kadar $10\ cm^3s^{-1}$. Cari kadar perubahan tinggi air, apabila tinggi air ialah $2\ cm$.

The volume of water, $V\ cm^3$, in a container is given by $V = \frac{1}{3}h^3 + 8h$, where $h\ cm$ is the height of water in the container. Water is poured into the container at a rate of $10\ cm^3s^{-1}$. Find the rate of change of the height of the water, when its height is $2\ cm$.

[4 markah / marks]

Jawapan/*Answer :*

5. Diberi fungsi kuadratik $f(x) = 4x^2 + 18x - 5$.
Given the quadratic $f(x) = 4x^2 + 18x - 5$.

a) Dengan menggunakan kaedah penyempurnaan kuasa dua, ungkapkan *f(x)* dalam bentuk $f(x) = a(x + p)^2 + q$, dengan keadaan *p* dan *q* ialah nombor nisbah.
By using completing the square method, express f(x) in the form of f(x) in the form of $f(x) = a(x + p)^2 + q$, where *p* and *q* are rational numbers.

[3 markah/*marks*]

b) Cari titik minimum/maksimum bagi fungsi *f(x)*.
Find the minimum/maximum point of the function f(x).

[2 markah/*marks*]

c) Nyatakan persamaan lengkung dalam bentuk penyempurnaan kuasa dua apabila graf tersebut dipantulkan pada paksi-*x*.

State the equation of the curvein the completing the square form when the graph is reflected in the x-axis.

[2 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer :*

6. Rajah 6 menunjukkan sector *AOB* bagi sebuah bulatan berpusat *O*. *PQ* ialah garis lurus.
Diagram 6 shows a sector AOB of a circle with centre O. PQ is a straight line.



Rajah 6 / *Diagram 6*

Diberi $OB = 20\ cm, OQ = OP, QB = PA,\ OQ : QB = 3 : 2$ dan luas segitiga *OPQ* 42.42 cm^2, cari,
Given $OB = 20\ cm, OQ = OP, QB = PA,\ OQ : QB = 3 : 2$ *and the area of triangle* $OPQ = 42.42\ cm^2$*, find,*

(a) nilai θ, dalam radian
the value θ*, in radians*

[3 markah/*marks*]

(b) luas, dalam cm^2, rantau berlorek.
area, in cm^2, of the shaded region.

[3 markah/*marks*]

[Guna/ use π=3.142]

Jawapan/*Answer* :

7. Rajah 7 menunjukkan hubungan antara set *P*, *Q* dan *R*.
Diagram 7 shows the relation between the sets P, Q and R.



Rajah/ *Diagram* 7

Diberi bahawa set *P* dipetakan kepada set *Q* oleh fungsi $\frac{x-2}{3}$ dan dipetakan kepada set *R* oleh $gh: x \to x^2 - 4x - 1$.
Given that the set P is mapped to the set Q by the function $\frac{x-2}{3}$ *and is mapped to the set R by* $gh: x \to x^2 - 4x - 1$.

(a) Tulis fungsi yang memetakan set *P* kepada set *Q* dengan menggunakan tatatanda fungsi.
Write a function that maps the set P to the set Q using function notation.

(b) Cari fungsi sonsangan bagi set *Q* yang dipetakan kepada set *P*.
Find the inverse function of the set Q mapped to the set P.

(c) Cari fungsi yang memetakan set *Q* kepada set *R*.
Find the function that maps the set Q to the set R.

[6 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer :*

8. Diberi garis lurus yang menyambungkan titik $P(1, 5)$ dan titik $Q(a, -4)$ berserenjang dengan garis lurus yang menyambungkan titik $A(-9, 5)$ dan titik $B(3, 1)$.
Given a straight line connecting point $P(1, 5)$ and point $Q(a, -4)$ is perpendicular to a straight line connecting point $A(-9, 5)$ and point $B(3, 1)$.

(a) Cari nilai a. /*Find the value of a.*

[3 markah/*marks*]

(b) Cari persamaan garis lurus yang melalui titik Q dan selari dengan garis lurus AB.
Find the equation of the straight line that passes through point Q and is parallel to the straight line AB.

[3 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer :*

9.



Rajah 9 / *Diagram 9*

(a) Rajah menunjukkan kawasan berlorek yang dibatasi oleh lengkung $y = 4 - x^2$, garis lurus $y = k$, paksi-x dan paksi-y. Apabila rantau berlorek dikisarkan $360°$ pada paksi-y, isi padu janaan ialah $6\pi\ unit^3$. Hitung nilai bagi k.
Diagram shows the shaded region bounded by the curve $y = 4 - x^2$, straight line $y = k$, x-axis and y-axis. When the shaded region revolved through $360°$ at the y-axis, the volume generated is $6\pi\ units^3$. Calculate the value of k.

[3 markah / *marks*]

(b) Diberi $\int_1^3 f(x)\,dx = 6$, cari nilai bagi $\int_1^3 [2f(x) - 5]\,dx$.

Given $\int_1^3 f(x)\,dx = 6$, find the value of $\int_1^3 [2f(x) - 5]\,dx$.

[2 markah / *marks*]

Jawapan/*Answer :*

10. Seorang kontraktor mengambil upah menggali telaga minyak. Kos untuk menggali kedalaman 2 m yang pertama ialah RM600, 2 m yang kedua ialah RM680 dan 2 m yang ketiga ialah RM760. Kos tersebut akan meningkat secara tetap untuk setiap 2 m yang berikutnya.

A contactor took a job to dig an oil well. The cost to dig the depth of the first 2 *m is RM*600*, the second* 2 *m is RM*680 *and the third* 2 *m is RM*760*. The cost will increase for every subsequent of* 2 *m.*

Cari / *Find*

(a) kos untuk menggali kedalaman 2 m yang ke-12,
the cost to dig the depth of the 12^{th} 2 *m,*

[2 markah/*marks*]

(b) kos untuk menggali telaga minyak sedalam 120 m,
the cost to dig a 120 *m deep of oil well*

[2 markah/*marks*]

(c) kedalaman telaga minyak, jika bajet syarikat itu adalah sebanyak setengah juta.
the depth of the oil well, if the budget of the company is half a million.

[4 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer :*

11. (a) Diberi tujuh digit 1, 2, 3, 4, 5, 6 dan 7. Suatu nombor empat digit hendak dibentuk dengan menggunakan empat daripada digit tersebut. Cari
Given seven digits 1, 2 , 3 , 4 , 5 , 6 and 7. A digit number is to be formed using four of these digits. Find

(i) bilangan nombor empat digit yang berlainan yang dapat dibentuk
the number of different four - digit numbers that can be formed,

(ii) bilangan nombor empat digit yang genap dan berlainan yang melebihi 7000.
the number of different four-digit even numbers which are greater than 7000.

[4 markah/*marks*]

(b) Kebarangkalian Sarah layak ke peringkat akhir Kejohanan Badminton adalah $\frac{3}{5}$ manakala kebarangkalian Siti layak adalah $\frac{1}{3}$. Cari kebarangkalian bahawa

The probability that Sarah qualifies for the final of badminton championship is $\frac{3}{5}$ *while the probability that Siti qualifies is* $\frac{1}{3}$. *Find the probability that*

(i) Kedua-duanya layak ke peringkat akhir
Both of them qualify for the final

(ii) Hanya seorang daripada mereka yang layak ke peringkat akhir.
Only one of them qualifies for the final

[3 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer :*

12. Bina satu jadual dan lukis graf untuk mewakili taburan kebarangkalian bagi pemboleh ubah diskret berikut. Seterusnya, jawab soalan berikut :
Construct a table and draw a graph to represent the probability distribution for the following discrete random variable. Then, answer the following questions.

Diberi bahawa, *Y = {0, 1 , 3, 4}* ialah pemboleh ubah rawak diskret dan *P* ialah fungsi taburan kebarangkalian yang ditakrifkan oleh $P(Y = r) = \frac{11-r}{36}$ dengan *r = 0, 1, 3* dan *4.* Cari $P(0 \leq Y < 4)$.

Given that, Y = {0, 1 , 3, 4} is a discrete random variable and P is the probability distribution function which is defined by $P(Y = r) = \frac{11-r}{36}$ *where r = 0, 1, 3 and 4. Find* $P(0 \leq Y < 4)$.

[4 markah / *marks*]

Jawapan/*Answer :*

13. (a) Seekor ikan berenang dengan halaju $\underline{v} = 20\underline{i} + 14\underline{j}$. Terdapat arus yang mengalir dengan halaju $\underline{a} = 7\underline{i} - 21\underline{j}$. Cari magnitud dan arah bagi halaju paduan ikan itu.
A fish swims at a velocity $\underline{v} = 20\underline{i} + 14\underline{j}$ *. It is found that the stream flows at a velocity of* $\underline{a} = 7\underline{i} - 21\underline{j}$. *Find the magnitude and direction of the resultant velocity of the fish.*

[5 markah/ marks]

(b) Diberi $\underline{u} = a\underline{i} + b\underline{j}$ dan $\underline{v} = \underline{i} - 4\underline{j}$. Jika $|\underline{u} - 2\underline{v}| = \sqrt{a^2 + b^2}$, ungkapkan *a* dalam sebutan *b*.
Given $\underline{u} = a\underline{i} + b\underline{j}$ *and* $\underline{v} = \underline{i} - 4\underline{j}$. *If* $|\underline{u} - 2\underline{v}| = \sqrt{a^2 + b^2}$ *, express a in terms of b.*

[3 markah/ marks]

Jawapan/*Answer :*

14. Syarikat Drink Juice ingin membungkus jus minuman dalam sebuah bekas berbentuk kuboid seperti dalam Rajah 14.
Syarikat Drink Juice intends to pack drink juice in a cuboid-shaped container as shown in Diagram 14.



Rajah 14 / *Diagram* 14

Diberi jumlah panjang sisi kuboid itu ialah 154 cm dan jumlah luas permukaannya ialah 845 cm^2. Jika $x > y$, adakah 1000 ml jus minuman dapat dimuatkan dalam bekas minuman tersebut? Jelaskan jawapan anda.
Given that the total length of sides of the cuboid is 154 cm and its total surface area is 845 cm^2. If $x > y$, can 1000 ml of drink juice fit in the drink container? Justify your answer.

[8 markah / *marks*]

Jawapan/*Answer :*

15. Rajah 15 menunjukkan graf bagi satu fungsi trigonometri

Diagram 15 shows the graph of a trigonometric function.



Rajah 15 / *Diagram 15*

a) Cari fungsi trigonometri bagi graf tersebut
Find the trigonometric function of the graph.

[4 markah/*marks*]

b) Selesaikan persamaan $3\ kos\ 2x = 8\ sinx - 5$ untuk $0° \leq x \leq 360°$

Solve the equation $3\ cos\ 2x = 8\ sinx - 5$ *for* $0° \leq x \leq 360°$

[4 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer* :

SOALAN TAMAT

BAHAGIAN A
SECTION A

[50 markah / *marks*]

Jawab **semua** soalan dalam bahagian ini.

*Answer **all** questions from this section.*

1 Satu pertunjukkan amal telah diadakah bagi mencari dana terhadap mangsa banjir. Penganjur telah menetapkan harga jualan tiket bagi orang dewasa, pelajar dan kanak-kanak. Sekeping tiket dewasa dijual dengan harga RM15, sekeping tiket pelajar dijual dengan harga RM10 dan sekeping tiket kanak-kanak dijual dengan harga RM8. Pengajur itu berjaya menjual 250 keping tiket dan memperoleh RM2 825 dalam satu malam. Bilangan jualan tiket pelajar adalah dua kali ganda bilangan jualan tiket dewasa. Berapakah bilangan setiap jenis tiket yang berjaya dijual oleh penganjur tersebut?

A charity show was held to raise funds for the flood victims. The organizers have set ticket sales prices for adults, students and children. An adult ticket sold for RM15*, a student ticket is* RM10 *and a child ticket sold for* RM8*. The organizers had sold* 250 *tickets and obtained* RM2 825 *in one night. The number of student tickets sold is twice the number of adult tickets sold. How many of each type of ticket did the organizers sell?*

[7 markah/marks]

Jawapan / *Answer*:

2 (a) Luas satu segi empat tepat diberi oleh $(3 + \sqrt{2})$ unit^2. Jika panjangnya ialah $(2 - \sqrt{2})$ unit, cari lebarnya dalam bentuk $(a + b\sqrt{2})$ unit.
The area of a rectangle is given by $(3 + \sqrt{2})$ *unit*^{2}. *If the length is* $(2 - \sqrt{2})$ *units, find its width in the form of* $(a + b\sqrt{2})$ *unit.*

[4 markah/ *marks*]

(b) Selesaikan persamaan logaritma yang berikut:
Solve the following logarithma equation:

$$log_7 (x - 1) - log_7 (x - 7) = 1$$

[2 markah/ *marks*]

Jawapan / *Answer*:

3 Radesh ditawarkan kerja di dua buah syarikat, X dan Y. Syarikat X menawarkan gaji RM 45 500 setahun dengan kenaikan gaji tahunan RM 500 manakala syarikat Y menawarkan gaji RM 40 300 setahun dengan kenaikan gaji 7%.
Radesh has been offered a job in two companies, X and Y. Company X offers him an income of RM 45 500 per annum with RM 500 yearly increment while company Y offers an income of RM 40 300 per annum with 7% yearly increment.

(a) Berdasarkan gaji dan kenaikan yang ditawarkan oleh kedua-dua syarikat itu, tentukan skim penggajian syarikat manakah yang mengikut
Based on the salaries and promotions offered by the two companies, determine which company's salary scheme follows

(i) suatu janjang geometri.
a geometry progression.

[3 markah/*marks*]

(b) Cari gaji bulanannya masing-masing jika dia bekerja selama 5 tahun di syarikat X atau Y.
Find his monthly salary if he works for 5 years in company X or Y.

[2 markah/*marks*]

(c) Radesh memilih syarikat yang menawarkan jumlah gaji yang lebih itu. Sepanjang tempoh bekerja di syarikat itu, dia menyimpan 13% daripada gaji tahunannya di dalam bank. Hitung amaun yang disimpan di dalam bank selepas 10 tahun tanpa mengira bunga bank.
Radesh choose the company that offered the higher salary amount. During his tenure at the company, he kept 13% of his annual salary in the bank. Calculate the amount deposited in the bank after 10 years regardless of bank interest.

[2 markah/*marks*]

Jawapan / *Answer*:

4 Persamaan kuadratik $x^2 + 3(4x + k) = 0$, dengan keadaan *k* ialah pemalar mempunyai punca *p* dan $2p$, $p \neq 0$.
The quadratic equation $x^2 + 3(4x + k) = 0$, *where k is constant has roots of p dan 2p,* $p \neq 0$.

(a) *Cari nilai p dan nilai k.*
Find the value of p and of k.

(b) Seterusnya, bentukkan persamaan kuadratik yang mempunyai punca-punca $p + 1$ dan $p - 5$.
Hence, form the quadratic equation that has the roots $p + 1$ *and* $p - 5$.

[6 markah/*marks*]

Jawapan / *Answer*:

5 (a) Buktikan bahawa
Prove that

$$sin^2A + kos^2A = 1$$

[2 markah/*marks*]

(b) Lakarkan graf $y = -\sin x$; $0 \leq x \leq 2\pi$.
Sketch the graph $y = -sin\, x$; $0 \leq x \leq 2\pi$.

[2 markah/*marks*]

(c) Diberi $f(x) = a\, sinbx + c$ untuk $0° \leq x \leq 360°$. Jika amplitude bagi graf ialah 4, pusingannya ialah $120°$ dan nilai minimum bagi $f(x)$ ialah -3, nyatakan nilai a, b dan c. Seterusnya, lakarkan graf bagi fungsi tersebut.
Given $f(x) = a\, sinbx + c$ *for* $0° \leq x \leq 360°$. *If the amplitude of the graph is 4, its period is* $120°$*and the minimum value of* $f(x)$ is -3*, state the values of a, b and c.*
Hence, sketch the graph of the function.

[4 markah/m*arks*]

Jawapan / *Answer*:

6 A dan C ialah dua titik masing-masing dengan koordinat (5,2) dan (9,8). Titik B terletak pada paksi-*x*.
A and C are two points with coordinates (5,2) and (9,8) respectively. Point B lies on the x-axis.

(a) Cari persamaan lokus bagi suatu titik bergerak P dengan keadaan P sama jarak dari titik A dan C.
Find the equation of locus for a moving point P such that P is always equidistant from point A and C

[3 markah/*marks*]

(b) D ialah titik dengan keadaan ABCD ialah rombus.
D is a point such that ABCD is a rhombus.
Cari luas rombus itu.
Find the area of the rhombus.

[3 markah/*marks*]

(c) Tentukan sama ada lokus P melalui titik R(10,2).
Determine whether the locus P passing through point R(10,2).

[2markah/marks]

Jawapan / *Answer*:

7 Rajah 7 di bawah menunjukkan sebahagian daripada lengkung $y = x(x+2)^3$.
The diagram 7 on below shows a part of the curve $y = x(x+2)^3$.



Rajah 7 / Diagram 7

(a) Cari ungkapan bagi $\frac{dy}{dx}$.
Find an expression for $\frac{dy}{dx}$.

(b) Cari koordinat titik bagi dua titik pegun P dan Q.
Find the coordinates of the two stationary points, P and Q.

(c) Seterusnya, tentukan sifat bagi titik pegun P menggunakan kaedah lakaran tangen.
Subsequently, determine the nature of stationary point P by using the tangent sketching method.

[8 markah/ *marks*]

Jawapan / *Answer*:

BAHAGIAN B

SECTION B

[30 markah / *marks*]

Jawab mana-mana **tiga** soalan daripada bahagian ini.

*Answer any **three** questions from this section.*

8 Rajah 8 menunjukkan lengkung $x = y^2 + 3$ bersilang dengan garis lurus $y = 5 - x$ pada $A(1,4)$ dan paksi-*x* pada titik *B*.

Diagram 8 shows the curve $x = y^2 + 3$ *intersects the straight line* $y = 5 - x$ *at* $A(1,4)$ *and the x-axis at point B.*



Rajah 8

Diagram 8

Cari

Find

(a) koordinat titik B.
the coordinates of point B.

(b) luas rantau berlorek R.
the area of the shaded region R.

(c) isi padu yang dijanakan , dalam sebutan π, apabila rantau yang dibatasi oleh lengkung $x = y^2 + 3$, garis lurus $y = 5 - x$ dan paksi- x dikisarkan melalui 360° pada paksi - x.
the volume generated, in terms of π *, when the region bounded by the curve* $x = y^2 + 3$ *, the straight line* $y = 5 - x$ *and the x-axis is revolved through 360° about the x-axis.*

[10 markah/ *marks*]

Jawapan / *Answer*:

9 Rajah 9 menunjukkan sisi empat *ABCD*. Pepenjuru-pepenjuru *BD* dan *AC* bersilang di titik *F*. Titik *E* terletak pada *AD*.
Diagram 9 shows a quadrilateral ABCD. The diagonals BD and AC intersect at point F. Point E lies on AD.



Rajah 9/*Diagram 9*

Diberi bahawa $\overrightarrow{AE} = \frac{1}{5}\overrightarrow{AD}$, $\overrightarrow{BF} = \frac{1}{5}\overrightarrow{BD}$, $\overrightarrow{AB} = \underset{\sim}{x}$ and $\overrightarrow{AE} = \underset{\sim}{y}$.

It is given that $\overrightarrow{AE} = \frac{1}{5}\overrightarrow{AD}$, $\overrightarrow{BF} = \frac{1}{5}\overrightarrow{BD}$, $\overrightarrow{AB} = \underset{\sim}{x}$ *and* $\overrightarrow{AE} = \underset{\sim}{y}$.

(a) Ungkapkan dalam sebutan $\underset{\sim}{x}$ dan $\underset{\sim}{y}$
Express in terms of $\underset{\sim}{x}$ *and* $\underset{\sim}{y}$

(i) $\overrightarrow{DB}$

(ii) $\overrightarrow{AF}$

[5 markah/ *marks*]

(b) Diberi $\overrightarrow{DC} = m\underset{\sim}{x} - \underset{\sim}{y}$ dan $\overrightarrow{AF} = n\overrightarrow{AC}$, dengan keadaan *m* dan *n* ialah pemalar, cari nilai *m* dan *n*.
Given that $\overrightarrow{DC} = m\underset{\sim}{x} - \underset{\sim}{y}$ *and* $\overrightarrow{AF} = n\overrightarrow{AC}$ *, where m and n are constants, find the value of m and n.*

[5 markah/ *marks*]

Jawapan / *Answer*:

10 Gunakan kertas graf untuk menjawab solan ini.
Use graph paper to answer this question.
Satu koloni bakteria dikultur dalam piring agar-agar bernutrien dalam makmal. Bilangan koloni bakteria, *N*, selepas *t* hari diberi dalam jadual 1.
A colony of bacteria is cultured in a petri dish filled with nutrient agar in a lab. The number of bacteria colonies, N, after t days is given in table 1.

Masa/Times, *t* (hari/days)	1	2	3	4	5	6
Bilangan/Number, *N* (koloni/colonies)	60	80	100	120	150	190

Jadual 1/*Table 1*

Pengkulturan bakteria itu dihubungkan oleh persamaan $N = Ar^t$, dengan keadaan *A* dan *r* sebagai pemalar manakala N dan *t* ialah integer.
The culture of the bacteria is related by an equation $N = Ar^t$, where A and r are constants whereas N and t are integers.

(a) Plot graf $log_{10}N$ melawan *t* dengan menggunakan skala 2 cm kepada 1 hari pada paksi-*t* dan 2 cm kepada 0.1 unit pada paksi-$log_{10}N$. Seterusnya, lukis garis urus penyuaian terbaik.
Plot the graph of $log_{10}N$ against t by using a scale of 2 cm to 1 day on the t-axis and 2 cm to 0.1 unit on the $log_{10}N$ axis. Hence, draw the line of best fit.

[5 markah/*marks*]

(b) Guna graf di (a) untuk menganggar nilai
Use the graph in (a) to estimate the value of

(i) A,
(ii) r.

(c) Cari bilangan koloni bakteria apabila *t* = 7.
Find the number of colonies of bacteria when t = 7

[5 markah/ *marks*]

Jawapan / *Answer*:

11 (a) Diketahui bahawa 10% daripada telefon bimbit yang dihasilkan oleh sebuah kilang adalah rosak. Cari kebarangkalian bahawa daripada 8 buah telefon bimbit yang dipilih secara rawak,
It is found that 10% of the mobile phones produced in a factory are spoilt. Find the probability that out of 8 mobile phones chosen randomly,

(i) tepat 3 telefon bimbit rosak.
exactly 3 mobile phones are spoilt.

(ii) lebih daripada 5 telefon bimbit dalam keadaan baik.
more than 5 mobile phones are in good condition.

[5 markah/ *marks*]

(b) Dalam pertandingan Explorace yang disertai oleh 600 pelajar, masa yang diambil untuk menghabiskan perlumbaan adalah bertabur secara normal dengan min 25 minit dan sisihan piawai 8 minit. Peserta tidak akan diberi sebarang mata jika mereka mengambil masa lebih daripada 35 minit untuk menghabiskan perlumbaan .
In an Explorace competition participated by 600 students, the time taken to complete the race follows a normal distribution with a mean of 25 minutes and a standard deviation of 8 minutes. Participants will not be given any points if they take more than 35 minutes to complete the race.

(i) Jika seorang peserta dipilih secara rawak, cari kebarangkalian bahawa peserta itu tidak mendapat sebarang mata.

If a participant is chosen at random, find the probability that the participant does not get any point.

(ii) Piala akan hadiahkan kepada 100 peserta pertama yang mengambil masa kurang daripada t minit untuk menghabiskan perlumbaan. Cari nilai t.

Trophies were awarded to the first 100 participants who took less than t minutes to complete the race. Find the value of t.

[5 markah/ *marks*]

Jawapan / *Answer*:

BAHAGIAN C
SECTION C
[20 markah / *marks*]

Jawab mana-mana **dua** soalan dalam bahagian ini
In Diagram 5, KLMN is a kite. The position vectors of vertices K, L, M and N relative to the origin O are $-5i + 3j$, $-4i - 2j$, $4i - 3j$ *and* $4j$ *respectively.*



Rajah 5
Diagram 5

(a) Ungkapkan KM dan LN dalam sebutan i dan j [3 markah]
Express KM and LN in terms of i and j [3 *marks*]

(b) Pepenjuru KM dan LN bersilang pada titik P, dengan keadaan titik P membahagi KM dan LN dalam nisbah 1 : u dan λ : 1 masing-masing.
The diagonals KM and LN intersect at a point P, where P divides KM and LN in the ratio 1: u and λ : 1 respectively.

(i) Ungkapkan OP dalam sebutan λ, i dan j
Express OP in terms of λ, i and j

(ii) Ungkapkan PM dalam sebutan μ , i dan j
Express PM in terms of μ , i and j

[3 markah]
[3 *marks*]

(c) Seterusnya, cari nilai λ dan μ. [4 markah]
Hence, find the values of λ and μ. [4 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

(a)

10 Guna kertas graf untuk menjawab soalan ini.
Use a graph paper to answer this question.

Jadual di bawah menunjukkan nilai-nilai bagi dua pemboleh ubah, *x* dan *y*, yang diperoleh daripada satu eksperimen. Pemboleh ubah *x* dan *y* dihubungkan oleh persamaan $y = KT^{3x}$, dengan keadaan *K* dan *T* adalah pemalar.
Table 1 shows the values of two variables, x and y obtained from an experiment.
The variables x dan y are related by the equation $y = KT^{3x}$, *where K and T are constants*.

x	0.5	1.0	1.5	2.0	2.5	3.0
y	2.2	5	8.3	16.6	29	63.1

Jadual 1
Table 1

(a) Plot $\log_{10} y$ melawan *x* dengan menggunakan skala 2 cm kepada 0.5 unit pada paksi-*x* dan 2 cm kepada 0.2 unit pada paksi- $\log_{10} y$. Seterusnya, lukis garis lurus penyuaian terbaik. [4 markah]
Plot $\log_{10} y$ *against x using a scale of* 2 *cm to* 0.5 *unit on the x-axis and* 2 *cm to* 0.2 *unit on the* $\log_{10} y$ *-axis. Hence, draw the line of best fit.* [4 *marks*]

(b) Dengan mengguunakan graf di 10(a),
By using the graph in 10(a),
(i) Hitung nilai *x* apabila $y^2 = 1000$
find the value of x when $y^2 = 1000$

(ii) Cari nilai *K* dan *T*
Find the value of K and T

[6 markah]
[6 *marks*]

11 Satu tinjauan dijalankan berkenaan pandu puteri di sebuah sekolah.
A survey is carried out about girl scout in a school.

(a) Didapati bahawa min bilangan pandu puteri ialah 320, varians ialah 128 dan kebarangkalian seorang murid menyertai pandu puteri ialah p.
It is found that the mean of the number of girl scout is 320, *the variance is* 128 *and the probability that a student participate in girl scout is p.*

(i) Cari nilai p.
Find the value of p.

(ii) Jika 8 orang murid dari sekolah itu dipilih secara rawak, cari kebarangkalian lebih daripada 5 orang murid menyertai pandu puteri.
If 8 students from the school are chosen at random, find the probability that more than 5 students participate in girl scout.

[5 markah]
[5 *marks*]

(b) Jisim ahli-ahli pandu puteri dalam sekolah itu adalah mengikut taburan normal dengan min 50 kg dan sisihan piawai 5.8 kg.
The mass of the girl scout members in the school follows a norma distribution with a mean of 50 kg and a standard diviation of 5.8 kg.

Cari / *Find*

(i) kebarangkalian bahawa seorang ahli yang dipilih secara rawak daripada kumpulan itu mempunyai jisim kurang daripada 47 kg,
the probability that a member chosen at random from the group has a mass less than 47 kg,

(ii) nilai t, jika 25% daripada ahli pandu puteri itu mempunyai jisim lebih daripada t kg.
the value of t, if 25% of the girl scout members have mass more than t kg.

[5 markah]
[5 *marks*]

Bahagian C
Section C

[20 Markah]
[20 *Marks*]

Jawab **dua** soalan sahaja
Answer only **two** *questions.*

12 Sebuah daerah di negeri Johor ingin menghantar 400 penyokong ke stadium *P* dengan menggunakan *x* buah van dan *y* buah bas.

A district in Johor will send 400 supporters to stadium P by x van and y bus.

Pengangkutan penyokong itu berdasarkan kekangan yang berikut :

The supporters transportation is based on the following constraints :

I Sebuah van boleh membawa 10 penyokong dan sebuah bas boleh membawa 20 penyokong.

A van can fit in 10 supporters and a bus can fit in 20 supporters.

II Bilangan van yang digunakan adalah lebih daripada bilangan bas.
The number of van used is more than the number of bus.

III Bilangan bas yang digunakan sekurang-kurangnya 5 buah.
The number of bus used at least 5.

(a) Tulis tiga ketaksamaan, selain daripada $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memenuhi tiga kekangan tersebut. [3 markah]

Write three inequalities, other than $x \geq 0$ *and* $y \geq 0$*, which satisfy all the above constraints.* [3 *marks*]

(b) Menggunakan skala 2 cm kepada 5 buah van pada paksi-*x* dan 2 cm kepada 2 buah bas pada paksi-*y*, bina dan lorek rantau **R** yang memenuhi semua kekangan di atas. [3 markah]

Using a scale of 2 cm to 5 vans on x-axis and 2 cm to 2 buses on y-axis, construct and shade the region ***R*** *which satisfy all the above constraints.* [3 *marks*]

(c) Gunakan graf yang dibina di 12(b), untuk menjawab soalan-soalan berikut:
Use the graph constructed in 12*(b), to answer the following questions:*

(i) Bilangan maksimum van yang digunakan jika bilangan bas yang digunakan ialah 10 buah.
The maximum number of vans used if the number of buses used is 10.

(ii) Jumlah kos pengangkutan maksimum jika kos pengangkutan untuk sebuah van dan sebuah bas masing-masing ialah RM 200 dan RM 300.
The maximum total of the transportation cost if the transportation cost of van and bus are RM 200 *and* RM 300 *respectively.*

[4 markah]
[4 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

(a)

(c)(i)

(c)(ii)

13 Suatu zarah bergerak di sepanjang satu garis lurus dengan halaju awal 4 ms^{-1} dan melalui titik tetap *O*. Pecutan zarah itu, dalam ms^{-2}, diberi oleh $a = 7 - 4t$, *d*engan keadaan t ialah masa, dalam saat, selepas meninggalkan titik tetap *O*.

A particle moves along a straight line with an initial velocity of 4 ms^{-1} and passes through a fixed point O. The acceleration of the particle, in ms^{-2}, is given by $a = 7 - 4t$, where t is the time, in seconds, after passing through the fixed point O.

Cari

Find

(a) masa, dalam saat, apabila pecutannya ialah sifar, [1 markah]
the time, in seconds, when its acceleration is zero, [1 *mark*]

(b) halaju maksimum, dalam ms^{-1}, bagi zarah itu, [3 markah]
the maximum velocity in ms^{-1} of the particle, [3 *marks*]

(c) masa dalam saat, apabila zarah itu menukar arahnya, [2 markah]
the time in seconds, when the particle changes its direction, [2 *marks*]

(d) jumlah jarak yang dilalui,dalam ,oleh zarah itu pada 6 saat yang pertama. [4 markah]
the total distance travelled, by the particle in the first 6 seconds. [4 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

(a)

14 Rajah 6 menunjukkan sisi empat kitaran ABCD.

The diagram 6 shows a cyclic quadrilateral ABCD.



Rajah 6

Diagram 6

(a) Hitung / *calculate*

(i) Panjang, dalam cm, AC,

the length, in cm, of AC,

(ii) ∠ACB

[6 markah]

[6 *marks*]

(b) Cari /*Find*

(i) luas, dalam cm^2, ΔADC, menggunakan Rumus Heron

the area, in cm^2, ΔADC, *by using Heron's Formulae*

(ii) Jarak terdekat, dalam cm, dari titik D ke AC.

the shortest distance, in cm, from point D to AC.

[4 markah]

[4 *marks*]

15 Jadual 2 menunjukkan indeks harga dan pemberat masing-masing bagi empat bahan P, Q, R dan S dalam pengeluaran sejenis makanan.

Table 2 shows the price index and their weightages for four different ingredients P, Q, R and S that are used in the production of a kind of food.

Bahan ***Ingredients***	**Indeks harga pada tahun 2022 berdasarkan tahun 2021** ***Price index in the year 2022 based on the year 2021***	**Pemberat Weightage**
P	105	*y*
Q	110	4
R	*x*	*3*
S	121	1

Jadual 2

Table 2

(a) Harga bagi bahan R bertambah sebanyak 14% dari tahun 2021 ke tahun 2022. Hitung nilai *x*. [1 markah]

The price of the ingredient R increased by 14% from the year 2021 to the year 2022. Calculate the value of x. [1 *mark*]

(b) Harga bagi bahan Q pada tahun 2022 ialah RM91.50. Hitung harganya pada tahun 2021. [2 markah]

The price of ingredient Q for the year 2022 is RM91.50. *Calculate its price in the year 2021.* [2 *marks*]

(c) Diberi indeks harga bagi bahan S dalam tahun 2023 berasaskan tahun 2021 ialah 129. Hitung indeks harganya dalam tahun 2023 berasaskan tahun 2022. Seterusnya nyatakan tafsiran anda berkaitan indeks harga yang diperoleh. [3 markah]

Given the price index of ingredient S for the year 2023 based on the year 2021 is 129. Calculate the price index in the year 2023 based on the year 2022. Hence, state your interpretation related to the price index obtained. [3 *marks*]

(d) Indeks gubahan untuk kos pengeluaran makanan itu pada tahun 2022 berasaskan tahun 2021 ialah 111.3. Hitung

The composite index for the production cost of the food for the year 2022 *based on the year* 2021 *is* 111.3. *Calculate*

(i) Nilai y,

the value of y,

(ii) harga bagi makanan pada tahun 2022 jika harga sepadan pada tahun 2021 ialah RM92.50.

the price of the food for the year 2022 *if the corresponding price for the year* 2021 *is* RM92.50.

[4 markah]

[4 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

(a)

(b)

KOTA TINGGI SET 2 K1

BAHAGIAN A
SECTION A

Jawab ***semua*** soalan
Answer **all** *questions.*

1 Rajah 1 menunjukkan lengkok *AB* yang mencangkum sudut $\frac{14}{9}\pi$ rad pada pusat bulatan *O*.

Jejari bulatan itu ialah 6 cm.

Diagram 1 shows an arc AB which subtends an angle $\frac{14}{9}\pi$ *rad at the center of the circle O.*

The radius of the circle is 6 *cm.*



Rajah 1
Diagram 1

Cari panjang lengkok minor *AB* dalam sebutan π. [2 markah]
Find the length of minor arc AB in terms of π. [2 marks]

Jawapan / Answer :

1

2

2 Rajah menunjukkan sebahagian daripada graf *y* melawan *x* untuk persamaan $y = pq^x$, dengan keadaan *p* dan *q* ialah pemalar.

The diagram shows part of the graph y against x for the equation $y = pq^x$, *such as p and q are constants.*



Lakarkan graf garis lurus $\log_3 y$ melawan *x.* Tandakan dan nyatakan koordinat bagi titik-titik sepadan A dan B.

Sketch the straight line graph of $\log_3 y$ *against x. Mark and state the coordinate of the corresponding point A and B.*

[4 markah]

[4 marks]

Jawapan/ *Answer:*

2

4

3 Selesaikan persamaan $3^{x+2} + 3^{x-1} + 3^{x} = \frac{27}{31}$

Solve the equation $3^{x+2} + 3^{x-1} + 3^{x} = \frac{27}{31}$

[4markah]

[4 marks]

Jawapan / *Answer:*

3

5

4 Panjang setiap sisi sebuah kubus ialah 4 cm dan meningkat kepada 4.03 cm. Hitung perubahan kecil isi padu kubus tersebut.

The length of each side of cube is 4 cm and increases to 4.03 cm. Calculate the small change in the volume of the cube.

[4 .markah]

[4 *marks*]

Jawapan/ *Answer:*

4

4

5 a) Diberi $f(x) = -2x^2 + 11x - 9$, cari julat nilai x bagi $f(x) \leq 6$.

Given that $f(x) - 2x^2 + 11x - 9$, *find the range of values of* x *for* $f(x) \leq 6$.

[2 markah]

[*2 marks*]

b) Fungsi kuadratik $f(x) = -x^2 + 7x - 10$ boleh diungkapkan dalam bentuk

$f(x) = -(x - \frac{7}{2})^2 + p$, dengan keadaan p ialah pemalar.

The quadratic function $f(x) = -x^2 + 7x - 10$ *can be expressed in the form of*

$f(x) = -(x - \frac{7}{2})^2 + p$, *where p is a constant.*

i) Cari nilai p,

Find the value of p

ii) Lakar graf $f(x)$

Sketch the graph of $f(x)$

(iii) Nyatakan persamaan baru jika graf $y = f(x)$ dipantulkan pada paksi -*x*.

State the new equation if the graph $y = f(x)$ *is reflected on the x-axis.*

[6 markah]

[*6 marks*]

Jawapan / *Answer*:

(a)

(b)

5

7

6 Rajah 6 menunjukkan sebuah segiempat sama *ABDE.* Lengkok *AD, AO* dan *OD* ialah sukuan bulatan dengan pusat masing-masing ialah *E*, *F* dan *C*. Titik *C* dan *F* ialah titik tengah masing-masing bagi *BD* dan *AE*.

Diagram 6 shows a square ABDE. The arc AD, AO and OD ia a quadrant of a circle with center E, F and C respectively. Point C and F is a midpoint of BD and AE respectively.



Rajah 6

Diagram 6

Diberi bahawa panjang lengkok AD ialah 15.71 cm.

Given that the length of arc AD is 15.71 *cm.*

[Guna / *Use* $\pi = 3.142$]

(a) Cari panjang sisi segiempat sama ABDE. [2 markah]

Find the side length of a square ABDE. [2 *marks*]

(b) Seterusnya, hitung luas, dalam cm^2, kawasan berlorek. [4 markah]

Hence, calculate the area, in cm^2*, the shaded region.* [4 *marks*]

Jawapan / *Answer*:

7 Diberi $f(x) = 2x + 1$ untuk $-3 \leq x \leq 1$ dan $g(x) = x^2 + 4$ untuk $-3 \leq x \leq 3$.

Given $f(x) = 2x + 1$ *for* $-3 \leq x \leq 1$ *and* $g(x) = x^2 + 4$ *for* $-3 \leq x \leq 3$

(a) Nyatakan domain bagi $f^{-1}(x)$.

State the domain of $f^{-1}(x)$.

(b) Cari $gf^{-1}(-2)$.

Find $gf^{-1}(-2)$.

(c) Terangkan mengapa $g^{-1}(x)$ tidak wujud dalam domain yang diberi. Seterusnya, ubahsuai domain supaya $g^{-1}(x)$ wujud.

Explain why $g^{-1}(x)$ *does not exist in the given domain. Hence, adjust the domain so that* $g^{-1}(x)$ *could exist*.

[6 markah]

[*6 marks*]

Jawapan / *Answer:*

8 Bucu-bucu bagi sebuah segi tiga PQR ialah P(-1, -6), Q(3, -12) dan R(*e*, 6). Cari
The vertices of a triangle PQR are P(-1, -6), Q(3, -12) dan R(e, 6). Find

(a) nilai pemalar *e* jika PQ berserenjang dengan PR.

The value of constant e if PQ is perpendicular to PR.

[3 markah]

[*3 marks*]

(b) persamaan garis lurus yang melalui titik titik R dan selari dengan PQ.

the equation of straight line that passes through point R and parallel to PQ.

[3 markah]

[*3 marks*]

Jawapan / *Answer:*

8

6

9 (a) Diberi $\frac{d}{dx}(3x^2-1)=k(x)$, kirakan nilai $\int_1^2 k(x)dx$ [2 markah]

Given $\frac{d}{dx}(3x^2-1)=k(x)$ *, find the value of* $\int_1^2 k(x)dx$ [2 *marks*]

(b) Diberi $\int_{-2}^{4} g(x)dx=5$. Cari nilai k jika $\int_{-2}^{4}[k-g(x)]dx=8$. [3 markah]

Given $\int_{-2}^{4} g(x)dx=5$. *Find the value of k if* $\int_{-2}^{4}[k-g(x)]dx=8$. [3 *marks*]

Jawapan / *Answer:*

9

5

10 (a) Dalam sebuah stadium bolasepak terdapat 13 buah kerusi pada baris pertama , 17 buah kerusi pada baris kedua , 21 buah kerusi pada baris ketiga dan seterusnya. Tentukan sama ada susunan kerusi pada setiap baris adalah mengikut janjang aritmetik atau bukan. Berikan justifikasi anda.

In a football stadium there are 13 *seats in the first row,* 17 *seats in the second row,* 21 *seats in the third row and so on. Determine whether the order of seats in each row is in arithmetic progression or not. Give your justification.*

[3 markah]

[*3 marks*]

b) Diberi bahawa sebutan kelima suatu janjang aritmetik melebihi sebutan kedua sebanyak 12. Hitungkan hasiltambah bagi enam sebutan pertama.

Given that the fifth term of an arithmetic progression exceeds the second term by 12. *Calculate the sum of the first six terms.*

[5 markah]

[*5 marks*]

Jawapan / *Answer*:

10

8

11 10 biji manik berbeza warna dipilih untuk membentuk seutas rantai tangan. Cari bilangan cara untuk Menyusun manik itu jika

10 beads of different colors are selected to form a bracelet. Find the number of ways to arrange the beads if

a) tiada syarat dikenakan. [1 markah]

there is no condition [*1 marks*]

b) 4 biji manik istimewa mesti disusun bersebelahan. [3 markah]

4 special beads must be arranged side by side [*3 marks*]

c) 2 biji manik istimewa mesti diasingkan. [3 markah]

2 special beads must be separated. [*3 marks*]

Jawapan / *Answer*:

11

12 Di Taman Aman, anai-anai ditemui di dalam 3 daripada 5 buah rumah. Jika 8 rumah dipilih secara rawak, hitung kebarangkalian bahawa

In Taman Aman, termites were found in 3 out of 5 houses. If 8 houses are chosen at random, calculate the probability that

a) tepat 2 buah rumah diserang anai-anai,
exactly 2 houses are infested with termites,

[2 markah]
[*2 marks*]

b) lebih daripada 2 buah rumah diserang anai-anai.
more than 2 houses are infested with termites.

[2 markah]
[*2 marks*]

Jawapan */ Answer*:

12

4

BAHAGIAN B
SECTION B

[16 markah]
[*16 marks*]

Jawab dua soalan daripada bahagian ini
*Answer **two** questions from this section*

13 Suatu zarah bergerak dengan halaju vms^{-1} dengan $\underline{v} = 2\underline{i} - 3\underline{j}$. Jika zarah itu bermula dari kedudukan $\underline{i} + 4\underline{j}$

A particle moves with a velocity vms^{-1} *where* $\underline{v} = 2\underline{i} - 3\underline{j}$. *If the particle starts from the position* $\underline{i} + 4\underline{j}$.

a) Cari lajunya dan kedudukan zarah selepas 3 saat.
Find its speed and position after 3 seconds

[4 Markah]
[*4 Marks*]

Jawapan / *Answer*:

b) Bilakah zarah itu akan tiba ke kedudukan $11\left(\underline{i}-\underline{j}\right)$?

When will it be the position of $11\left(\underline{i}-\underline{j}\right)$?

[4 Markah]

[*4 Marks*]

Jawapan / *Answer*:

14



Cikgu Razak ingin melukis mural pada dinding kelas 4 Bestari yang berbentuk segi empat tepat dengan panjangnya $7x$ m dan lebarnya y m. Dua bentuk yang berbeza perlu dilukis pada dinding seperti yang ditunjukkan dalam rajah di atas. *AED* berbentuk semibulatan. Diberi luas dinding itu ialah 28 m^2 dan perimeter *ABCDE*(kawasan tidak berwarna) ialah 26 m, cari jejari bagi bentuk semibulatan itu.

Cikgu Razak wants to paint a mural on the wall of Bestari's class 4 that is rectangular in shape with a length of 7x m and a width of y m. Two different shapes need to be drawn on the wall as shown in the diagram above. AED is semicircular. Given the area of the wall is 28 m2 and the perimeter of ABCDE(uncolored area) is 26 m, find the radius of the semicircle.

[8 markah]

[*8 marks*]

Jawapan / *Answer*:

15 a) Cari nilai $kos\ 105^\circ$ tanpa menggunakan kalkulator
Find $cos\ 105^\circ$ *without using kalkulator*

[3 markah]
[3 *marks*]

b) (i) Tunjukkan bahawa $tan\ \theta \sin 2\theta = 1 - kos\ 2\theta$.
Show that $tan\ \theta \sin 2\theta = 1 - kos\ 2\theta$.

[2 markah]
[2 *marks*]

Jawapan/ *Answer*

(ii) Seterusnya, selesaikan persamaan $4\tan\theta\sin 2\theta = 1$

untuk $0° \leq \theta \leq 360°$.

Hence, solve the equation $4\tan\theta\sin 2\theta = 1$ *for* $0° \leq \theta \leq 360°$.

[3 markah]

[3 *marks*]

Jawapan/ *Answer*

KERTAS SOALAN TAMAT
END OF QUESTION PAPER

Bahagian A

***Section* A**

[50 Markah]

[50 *Marks*]

Jawab **semua** soalan.

Answer **all** *questions.*

1 Dalam sebuah restoran, keluarga Salim telah memesan 3 pinggan nasi lemak, 2 pinggan mi goreng, dan 4 cawan kopi dengan jumlah harga RM30. Keluarga Ramu telah memesan 5 pinggan nasi lemak, sepinggan mi goreng dan secawan kopi dengan jumlah harga RM27. Diberi bahawa harga 2 pinggan mi goreng adalah sama dengan jumlah harga sepinggan nasi lemak dan 3 cawan kopi. Berapakah harga bagi setiap jenis makanan dan minuman itu?

In a restaurant, Salim's family ordered 3 plates of nasi lemak, 2 plates of fried noodles, and 4 cups of coffee at a total price of RM30*. Ramu's family ordered 5 plates of nasi lemak, a plate of fried noodles, and a cup of coffee at a total price of* RM27*. Given that the price of 2 plates of fried noodles is equal to the total price of a plate of nasi lemak and 3 cups of coffee. What is the price of each type of food and drink?*

[7 markah]

[*7 marks*]

Jawapan/*Answer* :

2 (a) Selesaikan setiap yang berikut dengan memberi jawapan dalam sebutan terendah.

Solve each of the following by giving the answer in its lowest form.

(i) $(\sqrt{5}+3)(2+\sqrt{5})$

(ii) $\frac{\sqrt{50}+\sqrt{18}}{\sqrt{8}}$

[4 markah]

[*4 marks*]

(b) Selesaikan persamaan logaritma yang berikut.

Solve the following logarithmic equation.

$$\log_{10}(2x+6) - \log_{10}(2x-1) = 1$$

[3 markah]

[*3 marks*]

Jawapan/*Answer* :

(a)(i)

(a)(ii)

(b)

3 Solehah membeli sebuah rumah dengan harga RM x. Nilai rumah itu meningkat sebanyak 8% setiap tahun. Diberi nilai rumahnya selepas 2 tahun ialah RM 139 968.
Solehah bought a house at RM x. *The value of the house increases* 8% *annually. It is given that the value of the house after* 2 *years is* RM 139 968.
Cari
Find

(a) nilai x,
the value of x.

[3 markah]
[*3 marks*]

(b) anggaran nilai rumah tersebut selepas 7 tahun,
the estimated value of the house after 7 years,

[2 markah]
[*2 marks*]

(c) bilangan minimum tahun bagi nilai rumah tersebut meningkat dua kali ganda.
the minimum number of years for the value of the house to be doubled.

[2 markah]
[*2 marks*]

4 (a) Satu punca bagi persamaan kuadratik $2x^2 + 6x = 2q - 1$ ialah dua kali ganda punca yang satu lagi. Cari nilai q dan bina persamaan baharu jika satu punca persamaan tersebut adalah separuh punca yang satu lagi.
One of the root of the equation $2x^2 + 6x = 2q - 1$ *is twice the other. Find the value of q and construct a new quadratic equation if one root of the equation is half the root of the other.*

[4 markah]
[*4 marks*]

(b) Jika $x^2 - k^2 = (k + 2)x - 1$ tidak mempunyai punca, cari julat nilai k
Given that $x^2 - k^2 = (k + 2)x - 1$ *has no roots, find the range of values of k.*

[2 markah]
[*2 marks*]

Jawapan/*Answer* :

(a)

(b)

5 Selesaikan yang berikut.

Solve the following.

(a) Lakar graf $y = 1 - \sin 2x$ untuk $0 \leq x \leq \pi$.

Sketch the graph of $y = 1 - \sin 2x$ *for* $0 \leq x \leq \pi$.

[3 markah]

[*3 marks*]

(b) Seterusnya, dengan menggunakan paksi yang sama, lakar satu garis lurus yang sesuai untuk mencari bilangan penyelesaian bagi persamaan $x + \pi \sin 2x = 0$ untuk $0 \leq x \leq \pi$. Nyatakan bilangan penyelesaian itu.

Hence, using the same axes, sketch a suitable straight line to find the number of solutions to the equation $x + \pi \sin 2x = 0$ *for* $0 \leq x \leq \pi$. *State the number of solutions.*

[3 markah]

[*3 marks*]

(c) Buktikan

Prove

$$\frac{2}{\tan x + \cot x} = \sin 2x$$

[2 markah]

[*2 marks*]

6 Rajah 1 menunjukkan dua garis lurus, PQ dan QR yang berserenjang antara satu sama lain.

Diagram 1 shows two straights line, PQ and QR which are perpendicular to each other.



Rajah 1

Diagram 1

Diberi persamaan garis lurus PQ ialah $2x + y = 9$.

Given the equation of the straight line PQ is $2x + y = 9$.

(a) Cari

Find

(i) nilai h,

the value of h,

(ii) luas, dalam unit^2, sisi empat *OPQR*.

the area, in units, of square OPQR.

[4 markah]

[*4 marks*]

(b) Titik S bergerak dengan keadaan jaraknya dari titik P dan titik Q adalah sama. Cari persamaan lokus S.

A point S moves such that its distance from P is always equal of its distance from Q. Find the equation of the locus of S.

[2 markah]

[*2 marks*]

(c) Tentukan sama ada lokus dalam 6(b) bergerak melalui asalan.

Determine whether the locus in 6(b) moves through the origin.

[2 markah]

[*2 marks*]

Jawapan/*Answer* :

(a)(i)

(a)(ii)

7 Rajah 2 menunjukkan tiga buah bulatan yang berjejari sama dalam sebuah segi empat tepat EFGH. Perimeter EFHG ialah 80 cm dan jejari setiap bulatan itu ialah $\frac{x}{6}$ cm

Diagram 2 shows three circles of the same radius in a rectangle EFGH. The perimeter of EFGH is 80 cm and the radius of each circle is $\frac{x}{6}$ cm



Rajah 2

Diagram 2

(a) Tunjukkan bahawa luas, $A\ cm^2$, rantau berlorek itu ialah $A = 40x - \left(1 + \frac{\pi}{12}\right)x^2$

Shows that the area, $A\ cm^2$,of the shaded region is given by

$$A = 40x - \left(1 + \frac{\pi}{12}\right)x^2$$

[3 markah]

[*3 marks*]

(b) Cari nilai x dan nilai y , dalam sebutan π, dengan keadaan luas rantau berlorek itu maksimum

Find the values of x and y, in terms of π, such that the area of the shaded region is a maximum

[4 markah]

[*4 marks*]

Bahagian B
***Section* B**
[30 Markah]
[30 *Marks*]

Jawab **tiga** soalan sahaja .
Answer only **three** *questions.*

8 Rajah 3 menunjukkan lengkung $x = y(6 - y)$, garis lurus $x + y = 6$ dan paksi-y .
Lengkung itu bersilang dengan garis lurus pada titik A dan B.
Diagram 3 shows a shaded region bounded by the curve $x = y(6 - y)$*, the straight line* $x + y = 6$ *and the y-axis. The curve intersects the straight line at points A and B.*



Rajah 3
Diagram 3

(a) Cari koordinat bagi titik A dan B
Find the coordinates of point A and B

[3 markah]
[*3 marks*]

(b) Luas kawasan berlorek pada paksi-y
Area of the shaded region about the y-axis

[4 markah]
[*4 marks*]

(c) Isipadu janaan , dalam sebutan π, apabila rantau yang di batasi oleh garis lurus $x + y = 6$, x = 5 dan paksi-x dikisarkan melalui 360° pada paksi-x

Volume generated, in terms of π, when the region bounded by the the straight lines $x + y = 6$, *x = 5 and x-axis is revolved through 360° about the x axis*

[3 markah]

[3 *marks*]

Jawapan/*Answer* :

(a)

(b)

(c)

9 Rajah 4 menunjukkan sebuah sisi empat $ABCD$. Titik F terletak pada garis lurus BC. Pepenjuru AC dan BD bersilang pada titik E

Diagram 4 shows a quadrilateral $ABCD$. Point F lies on the straight line BC. Diagonals AC and BD intersect at point E.



Rajah 4

Diagram 4

Diberi bahawa $FB = \frac{1}{4}CB$, $AE = \frac{2}{7}AC$, $\overrightarrow{AB} = a$ *dan* $\overrightarrow{CF} = b$.

Given that $FB = \frac{1}{4}CB$, $AE = \frac{2}{7}AC$, $\overrightarrow{AB} = a$ *and* $\overrightarrow{CF} = b$.

(a) Ungkapkan dalam sebutan a dan b

Express in terms of a and b

(i) $\overrightarrow{CA}$

(ii) $\overrightarrow{EB}$

[4 markah]

[*4 marks*]

(b) Diberi bahawa $\overrightarrow{DC} = ha + kb$ dan $\overrightarrow{DE} = \frac{3}{5}ha - \frac{3}{2}kb$, dengan keadaan h dan k ialah pemalar. Cari nilai h dan k.

Given that $\overrightarrow{DC} = ha + kb$ *and* $\overrightarrow{DE} = \frac{3}{5}ha - \frac{3}{2}kb$, *where* h *and* k *are constants.*

Find the value of h *and* k.

[4 markah]

[*4 marks*]

(c) Jika $|a| = 5$ dan $|b| = 9$, cari $|\overrightarrow{CA}|$.

If $|a| = 5$ and $|b| = 9$, find $|\overrightarrow{CA}|$.

[2 markah]

[*2 marks*]

Jawapan/*Answer* :

(a)(i)

10 Guna kertas graf untuk menjawab soalan ini.

Use a graph paper to answer this question.

Jadual 1 menunjukkan nilai-nilai bagi dua pemboleh ubah, x dan y, yang diperoleh daripada satu eksperimen. Pemboleh ubah x dan y dihubungkan oleh persamaan $y = N(5)^{bx}$, dengan keadaan N dan b adalah pemalar.

Table 1 shows the values of two variables, x and y obtained from an experiment. The variables x dan y related by the equation $y = N(5)^{bx}$, where N dan b are constants.

x	2	4	7	9	11	13
y	6.76	5.90	3.98	3.10	2.63	2.14

Jadual 1

Table 1

(a) Plot $\log_{10} y$ melawan x dengan menggunakan skala 2 cm kepada 2 unit pada paksi-x dan 2 cm kepada 0.1 unit pada paksi-$\log_{10} y$. Seterusnya, lukis garis lurus penyuaian terbaik.

Plot $\log_{10} y$ *against x using a scale of 2 cm to 2 unit on the x-axis and 2 cm to 0.1 unit on the* $\log_{10} y$ *-axis. Hence, draw the line of best fit.*

[4 markah]

[*4 marks*]

(b) Gunakan graf yang dilukis di (a), cari nilai

Use the graph drawn in (a), find the value of

(i) N

(ii) b

[4 markah]

[*4 marks*]

(c) Hitung nilai x apabila $y = 3$

Calculate the value of x when $y = 3$

[2 markah]

[*2 marks*]

[Lihat sebelah

11 (a) Didapati bahawa 60% daripada pelajar di sebuah sekolah dapat melanjutkan pelajaran di institut pengajian tinggi. Jika 10 orang pelajar dari sekolah itu dipilih secara rawak, cari kebarangkalian bahawa

It is found that 60% *of the students in a school are able to continue studies at a higher education. If 10 students form the school are selected random, find the probability that*

(i) tepat 8 orang pelajar dapat melanjutkan pelajaran,
exactly 8 of them are able to continue studies,

(ii) selebih-lebihnya 2 orang **tidak** dapat melanjutkan pelajaran.
at most 2 of them are ***not*** *able to continue studies.*

[4 markah]
[*4 marks*]

(b) Jisim pelajar di sebuah kolej adalah bertaburan secara normal dengan min 55kg dan sisihan piawai 15 kg. Jisim yang melebihi 76 kg diklasifikasikan sebagai terlebih berat.

The masses of students in a college are normally distributed with a mean of 55*kg and a standard deviation of* 15 *kg. Mass that is more than* 76*kg is classified as overweight.*

(i) Seorang pelajar dipilih secara rawak dari kolej itu. Cari kebarangkalian bahawa pelajar itu mempunyai jisim antara 50 kg dan 65 kg.
A student is chosen at random from the college. Find the probability that the student has a mass between 50*kg and* 65*kg.*

(ii) Jika di dapati bahawa 25 orang pelajar adalah terlebih berat, cari jumlah bilangan pelajar di kolej itu.
If it is found that 25 students are overweight, find the total number of students in the college.

[6 markah]
[*6 marks*]

Bahagian C
Section C

[20 Markah]
[20 *Marks*]

Jawab **dua** soalan sahaja
Answer only **two** *questions.*

12 Sebuah kilang menghasilkan dua jenis pewangi, P dan Q. Setiap hari, kilang itu akan menghasilkan sebanyak *x* pewangi jenis P dan *y* pewangi jenis Q. Harga jualan pewangi jenis P dan Q masing-masing ialah RM 20 dan RM 32. Penghasilan pewangi adalah berdasarkan kekangan berikut.

A factory produces two types of perfume, P and Q. Every day, the factory can produce x perfume type P and y perfume type Q. The selling price of perfume type P and Q are RM 20 *and* RM 32 *respectively. The production of the perfume are based on the following constraints.*

I : Bilangan maksimum pewangi yang dihasilkan ialah 600.
The maximum number of perfume is 600.

II : Bilangan pewangi Q yang dihasilkan adalah kurang daripada 2 kali bilangan pewangi P.
The number of perfume Q produced less than 2 times the number of perfume P.

III : Harga jualan kedua-dua jenis pewangi adalah sekurang-kurangnya RM 8000.
The price selling both perfume at least RM 8000.

(a) Tulis tiga ketaksamaan, selain daripada $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memenuhi tiga kekangan tersebut.
Write three inequalities, other than $x \geq 0$ *and* $y \geq 0$*, which satisfy the three constraints.*

[3 markah]
[3 *marks*]

(b) Menggunakan skala 2 cm kepada 100 unit pada kedua-dua paksi, bina dan lorek rantau R yang memenuhi semua kekangan di atas.
Using a scale of 2 *cm to* 100 *units on both axes, construct and shade the region R which satisfy all the above constraints.*

[3 markah]
[3 *marks*]

(c) Dengan menggunakan graf yang dibina di (b), cari
Using the graph constructed in (b), find

(i) julat bilangan pewangi P yang boleh dihasilkan jika bilangan pewangi Q yang dihasilkan ialah 300 unit.
the range of the number of perfume P produced if the number of perfume Q produced is 300 *units.*

(ii) keuntungan maksimum yang diperolehi kilang tersebut jika keuntungan untuk setiap pewangi P dan Q masing-masing ialah RM 8 dan RM 13.
the maximum profit made by the factory if the profit for each perfume P and Q are RM 8 *and* RM 13 *respectively.*

[4 markah]
[4 *marks*]

Jawapan/*Answer* :

(a)

(c)(i)

(c)(ii)

13 Suatu zarah bergerak di sepanjang suatu garis lurus dari titik tetap O, dengan halaju awal $\frac{1}{2}$ ms^{-1} . Pecutan, a ms^{-2}, diberi oleh $a = 3t - 2$ di mana t ialah masa, dalam saat, selepas meninggalkan titik O.

(Andaikan gerakan ke kanan adalah positif).

A particle moves along a straight line from fixed point O, with an initial velocity of $\frac{1}{2}$ *ms^{-1}. Its acceleration, a ms^{-2} is given by a = 3t - 2, where t is the time, in seconds, after leaving the point O.*

(Assume motion to the right is positive)

Cari

Find

(a) masa, dalam saat, ketika pecutannya sifar,
the time, in second, when its acceleration is zero,

[1 markah]
[*1 marks*]

(b) halaju minimum, dalam ms^{-1}, bagi zarah itu,
the minimum velocity, in ms^{-1}, of the particle,

[3 markah]
[*3 marks*]

(c) masa,dalam saat, apabila zarah berhenti seketika,
the time,in second, when the particle stops instantaneously,

[2 markah]
[*2 marks*]

(d) jarak,dalam m, yang dilalui oleh zarah itu dalam saat ketiga,
distance,in m, travelled by the particle in the third second.

[4 markah]
[*4 marks*]

14 Rajah 5 menunjukkan P,Q,R dan S berada di dalam bulatan

Diagram 5 shows P, Q, R and S in a circle.



Rajah 5

Diagram 5

(a) Ungkapkan PR dalam sebutan

Express PR in terms of

(i) Θ

(ii) α

[4 markah]
[*4 marks*]

(b) Seterusnya,

Hence,

(i) tunjukkan bahawa $kos\ \theta = \frac{13}{27}$

show that $kos\ \theta = \frac{13}{27}$

(ii) luas segiempat PQRS dalam cm² dengan menggunakan rumus Heron

area of quadrilateral PQRS dalam cm² by using Heron's formula

[6 markah]
[*6 marks*]

15 Jadual 2 menunjukkan indeks harga dan peratus penggunaan bagi empat bahan W, X, Y dan Z yang merupakan bahan-bahan penting dalam penghasilan sejenis syampu.
Table 2 shows the price indices and percentage of usage of four items, W, X, Y and Z, which are the main ingredients in the production of a type of shampoo.

Bahan ***Item***	**Indeks harga tahun 2011 berasaskan tahun 2005** ***Price index for the year 2011 based on the year 2005***	**Peratus penggunaan (%)** ***Percentage of usage (%)***
W	135	40
X	*x*	30
Y	105	10
Z	130	20

Jadual 2
Table 2

(a) Hitung
Calculate

(i) harga bahan Y pada tahun 2005 jika harganya pada tahun 2011 ialah RM37.70
the price of Y in the year 2005 if its price in the year 2011 is RM37.70

(ii) Indeks harga bagi W pada tahun 2013 berasaskan tahun 2005 jika indeks harganya pada tahun 2013 berasaskan tahun 2011 ialah 120.
The price index of W in the year 2013 based on the year 2005 if its price index in the year 2013 based on the year 2011 is 120.

[4 markah]
[*4 marks*]

(b) Nombor indeks gubahan bagi harga jualan syampu pada tahun 2011 berasaskan tahun 2005 ialah 128. Cari nilai x.
The composite index number of the cst of shampoo production for the year 2011 based on the year 2005 is 128. Calculate the value of x.

[2 markah]
[*2 marks*]

(c) Harga jualan sebotol syampu pada tahun 2005 ialah RM9.60. Hitungkan harga jualan sebotol syampu yang sepadan pada tahun 2013 jika setiap bahan meningkat sebanyak 10% dari tahun 2011 ke tahun 2013.

Total cost for selling a bottle of shampoo in year 2005 in RM9.60. Find the selling cost of the corresponding bottle of shampoo in the year 2013 if each item increase by 10% from year 2011 to 2013..

[4 markah]
[*4 marks*]

Jawapan/*Answer* :

(a)(i)

(a)(ii)

YIK K1

Bahagian **A**
[64 markah]

Jawab **semua** soalan.

1. Pembolehubah x dan y dihubungkan dengan persamaan $6y = 3(x+1)^2 - 5k$ di mana *k* ialah pemalar
The variable x dan y are related by the equation $6y = 3(x+1)^2 - 5k$ such k is a constant.

(a) Apabila graf y melawan $(x+1)^2$ diplot, satu garis lurus melalui titik $(0,5)$ diperolehi. Cari nilai *k*. [2 *markah*]
When the graph of y against $(x+1)^2$ is plotted, a straight line passing through the point $(0,5)$ is obtained. Find the value of k. [2 *marks*]

(b) Seterusnya, cari kecerunan dan pintasan - y bagi graf garis lurus $(y-x)$ melawan x^2. [2 *markah*]
Hence, find the gradient and y- intercept for the straight line of the graph of $(y-x)$ against x^2. [2 *marks*]

Jawapan /*Answer* :

2. (a) Diberi janjang geometri $2, -\frac{4}{3}, \frac{8}{9}, ...$, cari

Given the geometric progression $2, -\frac{4}{3}, \frac{8}{9}, ...$, *find*

(i) nisbah sepunya
the comman ratio

(ii) hasil tambah janjang itu apabila $r^n \approx 0$.
the sum of the progression when $r^n \approx 0$.

[3 *markah*]
[3 *marks*]

(b) Sebutan pertama dan kedua suatu janjang geometri masing – masing $\frac{h^3}{9}$ dan h. Cari nilai – nilai yang tidak mungkin bagi h selain daripada sifar.

[2 *markah*]

The first and second term of geometric progression is $\frac{h^3}{9}$ *and* h *respectively. Find the values, other than zero, that are not possible for h.*

[2 *marks*]

Jawapan /*Answer* :

3. (a) Buktikan
Prove that

$$^{n}P_{r} = \left(^{n}C_{r}\right)(r!)$$

[2 *markah*]
[2 *marks*]

(b) Atiya telah menerima 8 biji manik yang berlainan warna daripada rakannya. Dia ingin membentuk seutas rantai dengan manik - manik itu.
Cari bilangan rantai yang berlainan yang dapat dibentuk dengan menggunakan sekurang – kurangnya 6 daripada 8 manik tersebut.
[3 *markah*]
Atiya received 8 *beads with different colours from her friend. She would like to make a necklace with these beads.*
Find the number of different necklaces that can be made using at least 6 *from the* 8 *beads*. [3 *marks*]

Jawapan /*Answer* :

4. (a) Diberi suatu persamaan $y = 3 \text{ kos } 2\theta$ bagi $0^0 < \theta < 180^0$

Given the equation $y = 3 \text{ kos } 2\theta$ *for* $0^0 < \theta < 180^0$

i) Nyatakan amplitud
State the amplitude

ii) Selesaikan persamaan $y = 3 \text{ kos } 2\theta$ apabila $y = 2$.
Solve the equation $y = 3 \text{ kos } 2\theta$ *when* $y = 2$. [4 *markah*]

[4 *marks*]

(b) Diberi bahawa *kos* $\text{A} = -\frac{8}{17}$, dengan keadaan A ialah sudut refleks. Cari kot A. [2 *markah*]

It is given that cos $\text{A} = -\frac{8}{17}$, *where A is a reflect angle. Find cot A.*

[2 *marks*].

Jawapan/ *Answer* :

5. (a) Diberi $2^{3x} = 2p,\ 2^{y} = q$ dan $2^{y+3x} = 5 + 8^{x}$. Ungkapkan p dalam sebutan q.

[3 *markah*]

It is given $2^{3x} = 2p,\ 2^{y} = q$ and $2^{y+3x} = 5 + 8^{x}$. *Express p in terms of q.*

[3 *marks*]

(b) Selesaikan persamaan $m + 4 = \sqrt{m + 10}$. [2 *markah*]

Solve the equation $m + 4 = \sqrt{m + 10}$. [2 *marks*]

Jawapan /*Answer* :

6 Fahmi adalah agen jualan bagi sebuah Syarikat Sabun Mandi. Dia menerima komisen 3% jika jualannya melebihi RM 6 000, yang mana dibayar sebagai bonus pada akhir tahun.
Fahmi is a sales agent for a Bath Soap Company. He earns a 3% *commission on total sales over* RM 6 000*, which is paid as a bonus at the end of the year.*

Biar jumlah jualannya diwakili oleh *x*. Diberi $f(x) = x - 6000$ dan $g(x) = 0.03x$
Let his total sales be represented by x. Given $f(x) = x - 6000$ *and* $g(x) = 0.03x$

(a) Fungsi *fg* atau *gf* yang manakah akan mengira bonus beliau pada akhir tahun ini. Terangkan alasan anda. [2 *markah*]
Which of the function fg or gf would calculate her bonus at the end of the year?Explain your answer. [2 *marks*]

(b) Hitung bonus jika Fahmi telah menjual sebanyak RM 10 500 pada akhir tahun ini. [2 *markah*]
Calculate the bonus if Fahmi sold RM 10 500 *at the end of this year.* [2 *marks*]

Jawapan /*Answer* :

7. (a) Rajah 1 menunjukkan graf fungsi kuadratik $y = f(x)$. Graf garis lurus $y = -9$ ialah tangen pada lengkung $y = f(x)$.

Diagram 1 *shows the graph of a quadratic function* $y = f(x)$. *The straight line* $y = -9$ *is a tangent to the curve* $y = f(x)$.



Rajah 1

Diagram 1

Ungkapkan $f(x)$ dalam bentuk $(x+p)^2+q$, dengan kedudukan p dan q adalah pemalar jika graf tersebut dipantulkan pada paksi $-x$. [2 *markah*]

Express f(x) in the form of $(x+p)^2+q$, *where p and q are constant if the graph is reflect about the x- axis.* [2 *marks*]

(b) Diberi $(-2,5)$ ialah titik maksimum bagi graf fungsi kuadratik $f(x) = 3m-(2n+x)^2$, dengan keadaan m dan n adalah pemalar. Cari nilai m dan n. [3 *markah*]

Given $(-2,5)$ *is the maximum point of the graph of quadratic functions* $f(x) = 3m-(2n+x)^2$, *where m and n are constants. Determine the value of m and n.* [3 *marks*]

8. (a) Diberi $y=\frac{x^2}{x-1}$, tunjukkan bahawa $\frac{dy}{dx}=\frac{x(x-2)}{(x-1)^2}$. Seterusnya, cari nilai $\int_0^2 \frac{4x(x-2)}{(x-1)^2}$. [3 *markah*]

Given that $y=\frac{x^2}{x-1}$, *show that* $\frac{dy}{dx}=\frac{x(x-2)}{(x-1)^2}$. *Hence, find the value of* $\int_0^2 \frac{4x(x-2)}{(x-1)^2}$. [3 *marks*]

(b) Diberi $\frac{d^2y}{dx^2}=12x+5$, apabila $x=-1,\ y=-2$ dan $\frac{dy}{dx}=1$. Cari y dalam sebutan x. [3 *markah*]

Given that $\frac{d^2y}{dx^2}=12x+5$, *apabila* $x=-1,\ y=-2$ *and* $\frac{dy}{dx}=1$, *find* y *in terms of* x. [3 *marks*]

Jawapan /*Answer* :

9. (a) Rajah 2 menunjukkan kebarangkalian bagi taburan binomial $X \sim B(4, p)$.

Diagram 2 *shows the probability of the binomial distribution* $X \sim B(4, p)$.



Rajah 2

Diagram 2

Cari nilai bagi *k* dan *p*. [3 *markah*]

Find the value of k and p. [3 *marks*]

(b) Z ialah pemboleh ubah rawak selanjar bagi suatu taburan normal. Diberi $P(|Z| < h) = 8P(Z \leq -h)$. Cari

Z is a continuous random variable of a normal distribution. Given that $P(|Z| < h) = 8P(Z \leq -h)$. *Find*

(i) $P(Z < h)$

(ii) nilai *h*
the value of h.

[3 *markah*]
[3 *marks*]

10. Rajah 3 menunjukkan sisi empat *OABC* dengan keadaan garis *OB* bersilang dengan *AD* di *E*.
Diagram 3 *shows a quadrilateral OABC such OB intersects AD at E*.



Rajah 3
Diagram 3

Diberi $OA:CB=1:2,\ OC:OD=3:1,\ \overrightarrow{AE}=m\overrightarrow{AD}$ dan $\overrightarrow{OE}=n\overrightarrow{OB}$.

G*iven* $OA:CB=1:2,\ OC:OD=3:1,\ \overrightarrow{AE}=m\overrightarrow{AD}$ *and* $\overrightarrow{OE}=n\overrightarrow{OB}$.

(a) Tunjukkan $\overrightarrow{OE}=m\underset{\sim}{d}+(1-m)\underset{\sim}{a}$. [2 *markah*]

Show that $\overrightarrow{OE}=m\underset{\sim}{d}+(1-m)\underset{\sim}{a}$. [2 *marks*]

(b) Cari
Find

(i) nilai *m* dan nilai *n*,
the value of m and of n,

(ii) nisbah bagi *DE : EA*
the ratio of DE : EA

[6 *markah*]
[6 *marks*]

11. Selesaikan persamaan $\log_2 y = 4\log_y 2$. [4 *markah*]

Solve the equation $\log_2 y = 4\log_y 2$. [4 *marks*]

Jawapan /*Answer* :

12. (a) (i) Titik – titik $P(1,-1), M(p,q)$ dan $Q(6,4)$ terletak pada satu garis lurus dengan keadaan $PM : MQ = 2:3$ dan p serta q ialah pemalar. Cari nilai p dan q.
The points $P(1,-1), M(p,q)$ and $Q(6,4)$ lie on a straight line such that $PM : MQ = 2:3$ and p and q are constant. Find the value of p and q.

(ii) Garis lurus $y = 3x + 12$ adalah selari dengan garis lurus $y = (r+4)x + 9$ dengan keadaan r ialah pemalar. Tentukan nilai r.
The straight line $y = 3x + 12$ is parallel to the straight line $y = (r+4)x + 9$, where r is a constant. Determine the value of r.

[4 *markah*]
[4 *marks*]

(b) Diberi titik – titik $S(x,2), T(3.4)$ dan $U(11,8)$ adalah segaris. Cari nilai bagi x. [2 *markah*]
Given that the points $S(x,2), T(3.4)$ and $U(11,8)$ are collinear. Find the value of x. [2 *marks*]

Jawapan /*Answer* :

Bahagian **B**
[16 markah]

Jawab **mana- mana dua** soalan.

13. Diberi suatu persamaan lengkung ialah $y = x^2\left(3 - \frac{2}{3}x\right) + \frac{1}{2}$.

Given the equation of a curve is $y = x^2\left(3 - \frac{2}{3}x\right) + \frac{1}{2}$.

(a) Cari koordinat titik – titik pegun. [3 *markah*]
Find the coordinates of the stationary points. [3 *marks*]

(b) Seterusnya, tentukan sama ada setiap titik pegun itu maksimum atau minimum. [2 *markah*]
Hence, determine whether each of stationary points is a maximum or a minimum. [2 *marks*]

(c) Jika x meningkat dari 2 ke 2.01, cari nilai hampir bagi y. [3 *markah*]
If x increase from 2 *to* 2.01*, find the approximate value in y.* [3 *marks*]

Jawapan /*Answer* :

14. (a) Dalam Rajah 4, *OST* dan *OUV* ialah sektor bagi dua bulatan berpusat *O*. Nisbah bagi luas sektor OUV kepada luas kawasan berlorek ialah $1:8$.
In diagram 4, *OST dan OUV are sector of two circle with centre O. The ratio of the area of sector OUV to the area of shaded region is* $1:8$.



Rajah 4
Diagram 4

Diberi $OU = 4$ cm dan luas sector *OUV* ialah $6\ \text{cm}^2$, cari
Given that $OU = 4$ cm and the area sector *OUV* is $6\ \text{cm}^2$, find

(i) $\angle SOT$ dalam radian,
$\angle SOT$ *in radians,*

(ii) *panjang SU*
the length of SU

[4 *markah*]
[4 *marks*]

(b) Rajah 5 menunjukkan sekeping kertas *ABCD* yang berbentuk kipas. *O* ialah pusat bagi lengkok *AB* dan *CD*.
Diagram 5 shows a piece of fan-shaped paper ABCD. O is the centre of arc AB and CD.



Rajah 5
Diagram 5

Diberi bahawa $\angle COD = 2.65$ radian, $3OB = 2BC$ dan $OC = 30$ cm . Cari
It is given that $\angle COD = 2.65$ radian, $3OB = 2BC$ *and* $OC = 30$ cm . *Find*

(i) luas kertas yang berbentuk kipas, dalam cm^2.
the area of the fan-shaped paper, in cm^2.

(ii) bilangan maksimum kertas berbentuk kipas boleh dibentuk daripada sehelai kertas dengan luasnya $8000\ \text{cm}^2$.
the maximum number of fan-shaped paper can be made by using a piece of paper with the area of $8000\ \text{cm}^2$.

[4 *markah*]
[4 *marks*]

Jawapan /*Answer* :

15. Diberi bahawa fungsi $f(x) = 2x^2 - nx + p$ mempunyai titik minimum pada $(1, -7)$.

Given that the function $f(x) = 2x^2 - nx + p$ *has a minimum point at* $(1, -7)$.

(a) Cari nilai *n* dan *p*. [4 *markah*]
Find the value of n and of p. [4 *marks*]

(b) Lakarkan graf fungsi $f(x)$. [2 *markah*]
Sketch the graph of the function $f(x)$. [2 *marks*]

(c) Seterusnya, cari julat nilai *h* jika fungsi $f(x) = h$ mempunyai dua punca berbeza.

[2 *markah*]

Hence, find the range of the value of h if the function $f(x) = h$ *has two distinct roots.* [2 *marks*]

Jawapan /*Answer* :

YIK K2

Bahagian A
[50 markah]

Jawab **semua** soalan

1 Rajah 1 menunjukkan beberapa sektor bagi bulatan sepusat di O. Jejari untuk setiap sektor bertambah 3 cm berbanding sebelumnya.
Diagram 1 *shows some sectors of a concentric circle at* O. *The radius for each sector is increased by* 3 cm *compared to before.*



Rajah 1
Diagram 1

Diberi luas sektor ke-n ialah 512π cm^2, jejari sektor pertama, $OA = 10$ cm dan $\angle AOA' = \frac{\pi}{4}$ rad.
Given the area of the n-th sector is 512π cm^2, *the radius of the first sector,* $OA = 10$ cm *and* $\angle AOA' = \frac{\pi}{4}$ rad.

Cari
Find

(a) jejari, dalam cm sektor ke-n, dalam sebutan n, [2 *markah*]
radius, in cm of the n-th sector, in terms of n, [2 *marks*]

(b) nilai n, [2 *markah*]
value of n, [2 *marks*]

(c) hasil tambah panjang lengkok, dalam sebutan π bagi 20 sektor pertama.
the sum of the arc lengths, in term of π, *of the first* 20 *sectors.*
[3 *marks*]
[3 *markah*]

2 Penyelesaian secara lukisan berskala **tidak** diterima.
Solutions by scale drawing **not** *accepted.*



Rajah 2
Diagram 2

Rajah 2 menunjukkan kedudukan dua boya pengesan tsunami yang diletakkan di permukaan lautan iaitu boya *A* dan boya *B*. Dua lagi boya baharu akan ditambah pada sistem pengesan tersebut . Jika diwakilkan pada satah cartes, koordinat boya *A* dan boya *C* masing-masing ialah $(1,3)$ dan $(7,7)$. Mengikut rancangan, boya *B* akan diletakkan paksi-*y* dan berjarak sama dari boya *A* dan boya *C*. Boya *D* juga akan ditambah dengan keadaan *ABCD* sebuah rombus.

Diagram 2 *shows the position of two tsunami detection buoys placed on the surface of the ocean, namely buoy A and buoy B. Two more new buoys will be added to the detection system. If represented on the cartesian plane, the coordinates of buoy A and buoy C are* $(1,3)$ and $(7,7)$ *respectively. According to the plan, buoy B will be placed on the y-axis and be the same distance from buoy A and buoy C. Buoy D will also be added, such that ABCD is a rhombus.*

Cari
Find

(a) koordinat *B* dan koordinat *D*, [5 *markah*]
coordinates of B and of D, [5 *marks*]

(b) jika luas rombus *ABCD* ialah 52 km^2. Cari jarak terdekat *A* ke *BC*.
if the area of rhombus ABCD is 52 km^2. *Find the closest distance A to BC.*
[3 *markah*]
[3 *marks*]

3



Rajah 3
Diagram 3

Rajah 3 menunjukkan sebuah prisma pepejal dengan keratan rentas segi tiga berserenjang dengan sisi selari *AD*, *BE* dan *CF*. Panjang setiap sisi *AD*, *BE* dan *CF* ialah *y* cm. Segi tiga mempunyai sudut tegak di *C* dan *F*. Sisi *AC* dan *DF* masing-masing mempunyai panjang 4*x* cm. Sisi *BC* dan *EF* masing-masing mempunyai panjang 3*x* cm. Diberi isipadu prisma itu ialah 1500 cm^3.

